

KEPENGARANGAN RAHIMIDIN ZAHARI TERHADAP  
WANITA DALAM SAJAK-SAJAK CINTA: SATU  
PENELITIAN KRITIK FEMINIS

CIK SAIDATUL NADIA BINTI MD ZAIN

C17A0038

UNIVERSITI

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

MALAYSIA

2021

KELANTAN



Kepengarangan Rahimidin Zahari Terhadap Wanita dalam  
Sajak-sajak Cinta: Satu Penelitian Kritik Feminis

Oleh

**Cik Saidatul Nadia Binti Md Zain**

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat  
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

## PERAKUAN TESIS

Saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam laporan ini telah dijalankan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Kelantan. Laporan ini adalah asal dan hasil kerja saya sendiri, melainkan menunjukkan atau pengakuan kerja sebagai dirujuk bukan akademik bagi apa-apa kelayakan lain.

- |   |  |
|---|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> TERBUKA | Saya bersetuju bahawa laporan ini dibuat secara terbuka dalam hardcopy atau talian akses terbuka.      |
| <input checked="" type="checkbox"/> SULIT   | Mengandungi maklumat sulit dibawah Akta Rahsia   |
| <input checked="" type="checkbox"/> TERHAD  | Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dibuat. |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah harta Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan Oleh:



**DR. NORDIANA BINTI AB JABAR**  
 Jabatan Pengajian Wanita  
 Fakulti Teknologi Kreatif dan Wanita  
 Universiti Malaysia Kelantan.  
 nordiana.ab@umk.edu.my  
 017-3907819 2/2/2021




---

Tandatangan

Nama: Cik Saidatul Nadia Binti Md Zain

Tarikh: 2 Februari 2021

Tandatangan Penyelia

Nama: Nordiana Binti Ab Jabar

Tarikh: 2 Februari 2021

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT dan TERHAD sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”  
Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani,  
selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat pensyarah saya, Dr. Nordiana binti Ab Jabar atas bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan kajian tesis ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat keluarga tercinta kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelantan serta Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan tesis ini. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Cik Saidatul Nadia Binti Md Zain  
No 48, Peringkat 6, FELDA Ijok  
34120 Selama  
Perak  
E-mel:[snad97@yahoo.com](mailto:snad97@yahoo.com)

**ISI KANDUNGAN**

	MUKA SURAT
PENGESAHAN TESIS	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.6.1 Individu	10
1.6.2 Masyarakat	10
1.6.3 Institusi	11
1.7 Definisi Konsep	11
1.7.1 Sajak	11
1.7.2 Kepengarangan	12

1.7.3 Cinta	14
1.7.4 Persepsi	15
1.7.5 Perempuan dan Feminisme	16
1.8 Batasan Kajian	17
1.9 Kesimpulan	18
<b>BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Pengkajian Tentang Sajak	20
2.2.1 Tesis	20
2.2.2 Artikel dan Jurnal	22
2.2.3 Buku	26
2.3 Pengkajian Tentang Kepengarangan	27
2.3.1 Tesis	27
2.3.2 Artikel dan Jurnal	30
2.3.3 Lain-lain	36
2.4 Pengkajian Tentang Teori Feminisme	36
2.4.1 Artikel dan Jurnal	36
2.5 Kesimpulan	44
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	45

3.2	Rekabentuk Kajian	46
3.2.1	Rekabentuk Kajian Kualitatif	46
3.2.1.1	Kaedah Analisis Teks	47
3.2.1.2	Kaedah Pengumpulan Data	47
3.2.1.3	Kaedah Kepustakaan	48
3.2.1.4	Kaedah Internet	48
3.2.2	Penerapan Teori	49
3.2.2.1	Teori Feminisme	49
3.2.2.2	Pendekatan Kritik Feminis	50
3.3	Kesimpulan	51

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Ketokohan Rahimidin Zahari	57
4.2.1	Latar Belakang Rahimidin Zahari	57
4.2.2	Penglibatan dan Sumbangan	58
4.2.3	Anugerah yang Diperoleh	61
4.2.4	Keaktifan Rahimidin Zahari Sebagai Penulis	63
4.3	Kepengarangan Rahimidin Zahari Melalui Tema dalam Sajak-sajak Cinta	65
4.3.1	Keagungan Cinta Lelaki Terhadap Wanita	65
4.3.2	Pengorbanan dalam Berumah Tangga	70
4.3.3	Wanita Sebagai Sumber Inspirasi	74

4.3.4 Kesefahaman dalam Mencapai Kebahagiaan	78
4.4 Persepsi Rahimidin Zahari Terhadap Wanita dalam Sajak-sajak Cinta Melalui Pendekatan Kritik Feminis	81
4.4.1 Persepsi Melalui Aspek Biologi	81
4.4.2 Persepsi Melalui Aspek Psikologi	84
4.4.3 Persepsi Melalui Aspek Pengalaman	86
4.4.4 Persepsi Melalui Aspek Sosial	88
4.5 Kesimpulan	90

**BAB 5 PENUTUP**

5.1 Pengenalan	91
5.2 Perbincangan	92
5.3 Cadangan	94
5.4 Kesimpulan	97

RUJUKAN

Kepengarangan Rahimidin Zahari Terhadap Wanita dalam Sajak-sajak Cinta: Satu Penelitian Kritik Feminis

ABSTRAK

Novel merupakan genre prosa dalam karya sastera dan mengandungi rangkaian cerita kehidupan seseorang dengan orang lain di sekelilingnya dengan menonjolkan watak dan sifat setiap pelaku. Novel adalah bentuk karya sastera yang didalamnya terdapat nilai-nilai budaya, sosial, moral dan pendidikan. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji mendapati bahawa teks Kumpulan Sajak *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* sememangnya kaya dengan perihal wanita dalam bait-bait ayatnya yang seiring dengan realiti kehidupan sebenar yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dan mampu memberi impak positif kepada pembacanya. Seterusnya, objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita yang terkandung dalam kumpulan sajaknya. Di samping itu, pengaplikasian Teori Feminisme melalui pendekatan kritik feminis dengan kepengarangan yang menyentuh perihal wanita yang terkandung dalam kumpulan sajak. Seterusnya, kajian ini membataskan 16 buah sajak yang terkandung dalam Kumpulan Sajak *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* karya Rahimidin Zahari. Kumpulan sajak ini dijadikan kajian kerana kurangnya kajian tentang wanita yang dilakukan terhadap kumpulan sajak ini. Tambahan lagi, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Dalam kajian ini, penerapan Teori Feminisme yang diilhamkan oleh Elaine Showalter pada tahun 1986 dipilih sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian tersebut. Penelitian dan penguraian empat prinsip kritik feminis iaitu biologi, psikologi, pengalaman dan sosial. Prinsip-prinsip ini dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian. Dapatkan menunjukkan bahawa Kumpulan Sajak *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* sememangnya sarat dengan perihal wanita yang mampu membuka minda pembaca untuk mencari kebenarannya dalam dunia nyata yang boleh dijadikan pengajaran serta mampu memberi kesan yang positif dalam kehidupan sebenar pembaca.

MALAYSIA  
KELANTAN

## Zahari's Romantic Influence on Women in Poetry of Love: A Study of Feminist Criticism

### ABSTRACT

The novel is a genre of prose in literary works and contains a series of stories of one person's life around the other by highlighting the character and personality of each performer. Novels are forms of literary work that contain cultural, social, moral and educational values. This study was conducted because the researcher found that the text of the *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* is indeed rich in the description of women in the verses of their verse in line with the realities of real life that can serve as a teaching and have a positive impact on their readers. Furthermore, the objective of this study was to identify, analyze and summarize Rahimdin Zahari's authorship of the women in his poetry group. In addition, applying the Theory of Feminism through a feminist critique of authoritarianism that touches on the subject of women contained in the poem. In turn, this study outlines the 16 poems contained in the Poetry Group *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* the work of Rahimdin Zahari. This group of poems is a study due to the lack of studies on women conducted in this group. In addition, a qualitative content analysis approach was selected as the guiding framework for completing this study. In this study, the application of Elaine Showalter's Theory of Feminism in 1986 was chosen as the idea to further the analysis of the study. Research and description of four principles of feminist critique: biological, psychological, experiential and social. These principles are implemented as deductions in the study approach. The findings show that the Poetry Group *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* indeed, it is about women who are able to open the mind of the reader to find the truth in the real world that can be taught and can positively impact the real life of the reader.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Pada hakikatnya, apabila menyebut berkenaan sastera ianya sering dikaitkan dengan puisi dan prosa iaitu syair, sajak, pantun, drama dan lain-lain. Namun, sastera bukan sekadar puisi dan prosa bahkan boleh ditafsirkan dengan lebih realistik dan meluas. Perkataan sastera berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu “castra”. Manakala, “susastera” pula membawa maksud yang khusus iaitu “su” bermaksud indah, baik, dan berfaedah manakala “sastera” pula, bermaksud huruf atau buku, Hashim Awang (1987:12).

Seterusnya, kesusasteraan bermaksud kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya. Kamus Dewan (2015:1396) menyatakan bahawa sastera mahupun kesusasteraan merupakan hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu. Selain itu, sastera juga melibatkan seni karang-mengarang yang dilakukan oleh orang yang pakar dalam

kesusasteraan yang mempunyai bandingan kajian dan huraian tentang pertalian antara sastera dari pelbagai Negara dan bangsa serta bertujuan memberikan keseronokan atau hiburan. Misalnya, melalui penyampaian sastera yang bertemakan percintaan dalam bentuk tulisan dan sastera rakyat dalam bentuk lisan, dipercayai mampu memberi keseronokan dan menjadi hiburan kepada khalayak. Satu hakikat yang pasti ialah kesusasteraan sebenarnya boleh merangkumi aspek yang sangat luas samada dalam kehidupan realiti, penulisan, mahupun pendidikan.

Di samping itu, kesusasteraan merupakan kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah dengan medium pengantarnya ialah bahasa. J.S Badudu (1984:51) menegaskan bahawa sastera harus ditinjau melalui dua sisi iaitu bahasa dan isi. Hashim Awang (1987:118) mengatakan kesusasteraan itu adalah ciptaan hasil seni yang disampaikan melalui bahasa yang terbahagi kepada sastera lisan iaitu secara pertuturan dan sastera tulisan iaitu secara bertulis.

Rentetan itu, nilai-nilai estetika yang terkandung dalam aspek-aspek isi atau daya pengucapan dalam sesuatu karya sastera mempunyai keunikannya yang tersendiri dek kerana imaginasi yang dicetuskan oleh minda pengkarya dapat diterapkan ke dalam minda khalayak lantas bertindak sebagai pemikir kepada hasil karya tersebut. Ini juga merupakan salah satu bentuk seni yang terlahir daripada sastera dan kesusasteraan dalam kehidupan mahupun pendidikan. Melalui sudut pandang Muhammad Hj Salleh (1995:3) kesusasteraan merujuk kepada karya-karya lisan serta tulisan yang membawa unsur-unsur cereka dan disampaikan melalui bahasa dan berbagai-bagai perkataan serta bahasa yang digunakan dalam persuratan itu sendiri boleh digambarkan sebagai ayat fikiran yang menunjukkan kecerdikan, kemampuan berfikir dan kaedah menghargai bahasa, teks, dan warisan.

Menyusur lebih jauh ke dalam makna kesusasteraan dengan mengupas asal-usul kata sastera melalui pandangan Usman Awang (1983:3) dan A. Samad Said

(1985:20) sama-sama menegaskan bahawa kesusasteraan sama juga seperti manusia yang mempunyai tujuan dengan menyatakan “kesusasteraan ialah rumah dan kehidupan manusia yang berombak dan bergelombang, dengan denyut nafas dan degup jantungnya”. Merujuk kepada penegasan ini, jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya sastera yang menjadi asas dalam kehidupan manusia yang banyak ceriteranya dengan fungsi pengajaran dan pembelajaran yang sangat relevan dalam hal-hal keduniaan seperti dalam bidang pendidikan, ekonomi dan politik. Ali Ahmad (1994:2) “Pengantar Pengajian Kesusasteraan” melalui tulisannya Definisi Kesusasteraan, perkara utama yang dikaitkan dengan kesusasteraan ialah kehalusan, estetika dan bahasa. Sesungguhnya, kesusasteraan itu adalah kehalusan bahasa disebalik makna penciptanya dan keinginan pembacanya dalam mencari kehalusan estetika tersebut. Berdasarkan konteks kesusasteraan yang meliputi pelbagai aspek kehidupan melalui sesuatu karya tidak ketinggalan juga sajak sebagai puisi moden yang merupakan salah satu karya sastera yang menyumbang kepentingan dalam kehidupan pembacanya. Sajak merupakan sebuah puisi moden yang tidak asing lagi dalam dunia sastera ketika ini. Namun, jika dibandingkan puisi moden, sajak dengan puisi tradisional seperti pantun dan syair, masyarakat kini lebih mudah untuk mentafsirkan puisi tradisional lebih berbanding puisi moden. Hal ini demikian kerana sajak yang dicipta kini tidak mempunyai hubungan jiwa antara orang ramai dengan penyajak (Hanafiah A.R, 2008). Menurut Hanafiah A.R (2008), antara alasan kenapa sukar untuk orang ramai memahami makna puisi moden adalah kerana tidak mencuba untuk memahaminya dengan jiwa dan tidak diasah minda mereka untuk mendalami maksud dan makna yang terkandung dalam puisi moden itu sejak awalnya. Kebiasaannya, penyajak moden meluahkan segala isi hati, pandangan, pemikiran dan imaginasi mereka melalui sajak dengan menggunakan kreativiti mereka dalam penggunaan bahasa dan penetapan makna tersirat agar ianya sampai kepada khalayak. Namun, khalayak itu sendiri perlu untuk memahaminya bukan sekadar membaca dan mengerjakannya seperti yang disuruh di sekolah semata.

Lantaran itu, kajian ini dilakukan juga sebagai satu usaha bagi memahami puisi moden ini.

Oleh itu, berkaitan dengan bidang kajian berkenaan kepengarangan dalam kumpulan sajak cinta “*Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?*” karya Rahimidin Zahari dapat dilihat dan dikesan kesenian dan keindahan dari segi penggunaan bahasa yang digunakan oleh pengarang dengan menonjolkan unsur kecintaan dalam karyanya. Pengarang meluahkan perasaan cinta beliau dalam sajak yang dikarang berdasarkan pengalaman dan kejadian sekelilingnya. Merujuk kepada kumpulan sajak cinta ini, pengarang juga menyentuh perihal kewanitaan. Oleh itu, kajian ini akan memperlihatkan sudut pandang dan fikir pengarang lelaki terhadap wanita dalam karyanya. Kajian ini turut memperlihatkan bagaimanakah seorang lelaki melambangkan dan menggambarkan seorang wanita dalam karyanya. Sejurus itu, bagi meneliti aspek kepengarangan penyair lelaki terhadap perihal kewanitaan ini, teori yang digunakan adalah Teori Feminisme.

Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti, mengumpul dan merumuskan tentang kepengarangan Rahimidin Zahari dalam sajak-sajak cintanya dalam membicarakan perihal wanita dari segi keperibadian seseorang wanita berdasarkan pengalaman dan perasaan yang dialami sendiri oleh pengarang terhadap wanita khususnya ialah isteri, kekasih dan anak.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penelitian terhadap kajian ini adalah dikhurasukan kepada kepengarangan Rahimidin Zahari dalam kumpulan sajak cintanya iaitu “*Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?*” Kajian ini akan membawa penelitian terlebih dahulu kepada, ketokohan Rahimidin Zahari. Rahimidin Zahari merupakan seorang penyair yang terkenal dengan penghasilan puisi-

puisi islami atau kerohanian yang dicipta dan dikarang olehnya. Karya-karya beliau sememangnya telah mengangkat beliau sebagai seorang penyair dan penulis puisi yang hebat sehingga ke satu tahap yang mengapungkan kebanggaan terhadap karya-karya yang dihasilkannya. Sekiranya, menelusuri bait-bait puisi beliau, sememangnya berkait rapat dengan kehidupan dan hal-hal yang ada dalam dirinya. Puisi terawal beliau bermula dari *Lakaran Kampung* iaitu kumpulan puisi yang pertama (1987), sehinggalah *Bayangan Beringin* (2013). Kehebatan beliau dalam penghasilan puisi Islam memang tidak boleh disangkal lagi. Namun, dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin menyingkirkan buat seketika kehebatan beliau sebagai penyair islami. Hal ini kerana, pengkaji ingin membongkar sudut lain yang diperolehi oleh penyair hebat ini.

Berdasarkan kepada kumpulan puisi beliau yang seterusnya iaitu kumpulan puisi sajak-sajak cinta yang memperlihatkan satu lagi sisi lain beliau. Beliau melalui kumpulan puisi ini, telah mengumpulkan perasaan cinta dalam dirinya dan diluahkan melalui bait-bait puisi yang ditulisnya. Perkara ini, secara tidak langsung menggambarkan bahawa Rahimidin Zahari sangat berkebolehan dalam menghasilkan puisi-puisi cinta yang berunsurkan romantis. Menurut Ridzuan Harun (2013) dalam kumpulan sajak-sajak cinta yang bertajuk *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu seperti Warna Kesukaanku?* karya Rahimidin Zahari (2016), “walaupun Rahimidin menyatakan bahawa dia tidak mahu terlalu bersukar-sukar dalam penghasilan puisinya, namun dalam bentuk bahasa yang mudah, sederhana dan bersahaja itulah yang telah meletakkan suatu ruang sukar untuk kita mentafsirnya”. Oleh hal yang demikian, adalah menarik sekiranya mengkaji berkenaan kepengarangan beliau dalam sajak-sajak cinta yang telah dihasilkannya bagi menelusuri gagasan pemikirannya.

Kepengarangan menurut Kamus Dewan (2010:677) adalah perihal yang berkaitan dengan pengarang. Menjurus kepada kepengarangan Rahimidin Zahari dapat dilihat penulisan dalam sajak-sajak cintanya adalah berkenaan dengan dirinya. Hal ini

merujuk kepada Harun Ridzuan (2013) berkenaan dengan Rahimidin menyatakan bahawa Rahimidin memang ingin membongkar rahsia cintanya, dalam masa yang sama ingin menyembunyikannya biarlah sama ada kita tahu mahupun tidak tahu. Kepengarangan merupakan suatu kelahiran teks yang dibina oleh pengarang itu sendiri. Teks atau puisi terhasil berdasarkan kreativiti dan imaginatif pengarangnya. Kreativiti yang dipamerkan oleh pengarang terhadap puisi atau sajak yang dicipta adalah berkait dengan jiwa pengarang itu sendiri. Hal ini kerana pengarang atau penyair bagi sesebuah sajak memiliki perasaan dan emosi yang digarap menjadi suatu hasil yang baik dari segi menterjemahkannya ke dalam bentuk bahasa yang dipengaruhi oleh unsur estetika yang tertentu untuk menarik pembacanya. Hal ini membuktikan bahawa pengarang sebagai manusia yang manipulatif dengan memanfaatkan semua yang ada di dunia sebagai bahan penulisannya (Mana Sikana, 2011).

Kajian ini melihat aspek kepengarangan Rahimidin Zahari dalam kumpulan sajak-sajak cintanya melalui Teori Feminisme yang diasaskan oleh Elaine Showalter pada tahun 1986. Teori ini menegakkan bahawa wanita tidaklah selemah yang dianggap oleh kaum lelaki serta memperjuangkan kesamarataan antara lelaki dan wanita. Kewujudan teori ini adalah ikutan daripada kemunculan awal golongan feminis di Amerika Syarikat seawal 1884 yang mana ketika itu munculnya “golongan pemberontakan besar kaum perempuan” di Amerika kerana desakan politik. Hal ini demikian kerana pemerintahan ketika itu menindas hak-hak golongan perempuan dan meletakkan perempuan ditahap yang rendah yang hanya layak menjadi hamba nafsu kepada lelaki. Para perempuan juga tidak layak untuk bersuara meskipun dalam perihal keagamaan. Di samping itu, aspek agama jugalah yang mendasari pertubuhan golongan tersebut kerana meletakkan golongan perempuan ditempat yang lebih rendah berbanding lelaki. Hal ini dapat dilihat dalam agama katolik yang mana wanita dianggap sebagai makhluk yang kotor dan wakil iblis (Soenarjati Djajanegara, 2000). Oleh itu, hal-

hal seperti inilah yang mendorong golongan mahupun gerakan feminis seperti Elaine Showalter bertindak untuk mencapai kesamarataan antara lelaki dan wanita.

Elaine Showalter turut membahagikan teori feminism ini kepada dua pendekatan. Pertama ialah pendekatan kritik feminis atau “feminist critique” mahupun “Feminist reading”. Pendekatan kritik feminis ini merupakan karya penulis lelaki yang menulis tentang perihal wanita. Keduanya ialah pendekatan ginokritik iaitu karya penulis wanita yang menulis tentang wanita. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kritik feminis iaitu bagi melihat kepengarangan pengarang lelaki terhadap wanita dalam karya. Teori ini digunakan kerana apabila menyentuh berkenaan pandangan lelaki terhadap wanita yang dilihat adalah berkaitan aspek-aspek yang menindas keupayaan seseorang wanita. Namun, bagi kajian ini, aspek yang ingin ditampilkan ialah soal bagaimana seseorang lelaki dalam penulisan karyanya menerapkan nilai-nilai yang positif terhadap wanita melalui bait-bait ayat dan penggunaan bahasa dalam puisi, khususnya sajak-sajak cinta oleh Rahimidin Zahari dalam *“Kulukiskan Engkau Biru Dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?”* Kajian ini juga ingin merungkai samada benarkah, penulisan lelaki pasti akan melemahkan wanita seperti apa yang diperkatakan oleh Elaine Showalter yang merupakan pengasas kepada Teori Feminisme itu sendiri? Teori ini melihat wanita sebagai pembaca kepada karya lelaki berusaha memahami imej wanita dalam hal-hal yang ditulis oleh lelaki.

### 1.3 PENYATAAN MASALAH

Permasalahan yang dikaitkan dalam kajian ini ialah menyentuh berkenaan kurangnya kajian berkaitan aspek kepengarangan Rahimidin Zahari dalam merungkai persoalan wanita dalam persepsi dan pemikiran beliau. Menurut A. R. Norhayati (2013) menyatakan bahawa persoalan wanita dalam persepsi dan pemikiran penyair lelaki agak jarang-jarang diketengahkan oleh para pengkaji. Oleh itu, kajian ini ingin membahaskan

berkenaan kepengarangan penyair lelaki dalam memartabatkan wanita dalam sesebuah puisi khususnya ialah kepengarangan Rahimidin Zahari dalam sajak-sajak cintanya.

Selain itu, kajian ini juga mengemukakan permasalahan berkaitan Teori Feminisme yang sering digunakan untuk mengkaji pemikiran penulis lelaki terhadap wanita dengan menampilkan aspek-aspek yang negatif sahaja dan kurang menyentuh soal penulisan penulis lelaki yang telah mewujudkan sifat-sifat kasih dan keagungan cinta terhadap perwatakan dan keperibadian seseorang wanita dalam karya penulis lelaki. Sering kali kajian menggunakan kritik feminis melalui wanita sebagai pembaca dengan mengemukakan atau meletakkan kepengarangan pengarang lelaki sebagai seseorang yang melihat wanita dengan sudut pandangan yang rendah dan bukan sebaliknya.

Dalam membahaskan kritik feminis, Elaine Showalter yang merupakan pengasas kepada teori feminism ini, telah merujuk kepada contoh penceritaan tentang watak wanita yang pasif, serta meletakkan kebergantungan seseorang wanita terhadap lelaki yang bertentangan dengan sifat-sifat kewanitaan seperti dalam karya Thomas Hardy (1884) yang bertajuk *The Mayor of Casterbridge*. Merujuk pula kepada penulisan Norhayati Ab. Rahman dalam buku *Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang* oleh Anwar Ridhwan (2013), penulisannya telah memperlihatkan hal yang hampir sama dengan meletakkan perlukisan Shahnon Ahmad ketika melakarkan watak Jeha dengan sifat dan ciri yang pasif serta lemah dan meletakkan kebergantungan kepada watak lelaki dalam karyanya *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966). Begitu juga dengan watak Salina yang digambarkan oleh A. Samad Said dalam novelnya. Pada hakikatnya, sering kali watak wanita diceriterakan oleh lelaki melalui tanggapan mereka dari segi gambaran, cita rasa, nilai dan pengalaman seseorang lelaki dan bukan menumpukan kepada ciri-ciri atau imej sebenar seseorang wanita berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Oleh hal yang demikianlah, kajian ini memfokuskan kepada sajak-sajak cinta Rahimidin Zahari melalui aspek kepengarangannya bagi merungkai bahawa seorang lelaki juga

memperlukiskan wanita dengan memartabatkan diri seorang wanita itu dengan sifat kasih dan sayang berdasarkan pengalaman diri yang dialami. Sebagaimana, dikenali bahawa Rahimidin Zahari memang seorang pencinta kerana beliau sedar bahawa apabila seorang penyair menuliskan perasaan cinta, itu bererti dia telah melakarkan dan menceritakan puisi (Ridzuan Harun, 2013).

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Beberapa persoalan kajian telah dikemukakan untuk menentukan objektif kajian yang hendak dicapai:

1.4.1 Apakah ketokohan Rahimidin Zahari?

1.4.2 Bagaimanakah kepengarangan Rahimidin Zahari melalui dalam kumpulan sajak *“Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Mengapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?”*

1.4.3 Adakah persepsi Rahimidin Zahari terhadap wanita dalam kumpulan sajaknya bersesuaian dengan pendekatan kritik feminis?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk:

1.5.1 Mengenalpasti ketokohan Rahimidin Zahari.

1.5.2 Menganalisis kepengarangan Rahimidin Zahari melalui tema dalam kumpulan sajaknya *“Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Mengapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?”*

1.5.3 Menghuraikan persepsi Rahimidin Zahari terhadap wanita dalam kumpulan sajaknya menggunakan pendekatan kritik feminis.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini akan menjelaskan sejauhmana karya Rahimidin Zahari iaitu kumpulan sajak-sajak cinta *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* dapat berperanan terhadap masyarakat. Kajian ini berperanan untuk mengajar, mendidik, mengkritik, dan menjadi bahan rasa dan bahan fikir kepada individu, masyarakat dan institusi.

### 1.6.1 Individu

Hasil kajian ini akan menambahkan ilmu pengetahuan seseorang dalam hal ketokohan Rahimidin Zahari dan mendalami lagi unsur kepengarangan. Kepengarangan ini secara amnya, terbahagi kepada dua aspek iaitu intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran). Berdasarkan kajian ini seseorang dapat memahami dan menghayati sesuatu karya dengan lebih teliti dan baik. Hal ini kerana, fokus kepengarangan bukan sahaja pada hasil karya tetapi juga berkaitan kemahiran pengarang dalam menghubungkan karya mereka dengan khalayak. Oleh itu, melalui penelitian terhadap kepengarangan dalam sajak ini, individu dapat menghayatinya secara berkesan.

### 1.6.2 Masyarakat

Hasil kajian seterusnya adalah berperanan kepada masyarakat. Merujuk kepada kajian ini, pengkaji dapat menggariskan kepentingan hasil kajian ini kepada masyarakat melalui pengajaran dalam karya. Pengajaran yang dimaksudkan adalah untuk melihat kepengarangan Rahimidin yang menuliskan soal kasih dan sayangnya terhadap wanita yakni insan yang banyak berkorban untuk keluarga dengan menggambarkan perihal wanita dalam karyanya. Kepengarangan Rahimidin yang menyentuh soal kecintaan ini

boleh dijadikan pengajaran dan panduan kepada masyarakat dalam menghargai seseorang.

### **1.6.3 Institusi**

Selanjutnya, kajian ini turut boleh dijadikan rujukan kepada pihak Universiti dan menjadi panduan kepada pelajar sebagai rujukan dalam pendidikan. Kajian ini boleh dirujuk dari aspek kepengarangan karya yang membawa kepada penelitian yang lebih dekat antara pengkarya dan karyanya bukan sahaja pada karyanya semata. Kajian ini juga boleh dijadikan bahan tambahan kepada tenaga pengajar bagi subjek sastera diperingkat sekolah menengah serta sebagai rujukan secara bersama.

## **1.7 DEFINISI KONSEP**

Kajian ini akan menggunakan beberapa istilah tertentu. Istilah ini perlu didefinisikan terlebih dahulu agar dapat memberi kesan dan gambaran yang lebih tepat, jelas dan khusus dalam konteks kajian ini. Pengkaji akan menerangkan definisi setiap perkataan yang menjadi kata kunci kajian ini. Antaranya ialah, sajak, kepengarangan, cinta, persepsi serta perempuan dan feminism. Bahan seperti buku dan tesis telah dirujuk bagi mendefinisikan istilah-istilah tersebut.

### **1.7.1 Sajak**

Sajak merupakan satu-satunya puisi moden yang berbeza daripada puisi tradisional seperti pantun dan syair yang digubah dalam bahasa yang indah untuk menyatakan fikiran, perasaan dan pengalaman (Kamus Dewan, 2015:1368). Menurut Masuri S.N dalam penulisan Hanafiah A.R (2008:14), puisi moden bukanlah keseluruhannya tentang hal yang indah dan bukan jugalah keseluruhannya mudah untuk difahami. Hal ini juga antara yang membezakan puisi tradisional dan puisi moden. Sajak merupakan tentang perihal kehidupan dan hasil perasaan dan fikiran yang terlebih

dahulu telah dihayati serta dialami oleh pengarang berdasarkan pengalaman juga imaginasi kreatif pengkarya sezaman dengan kita yang sememangnya agak sukar untuk difahami (Hanafiah A.R, 2008). Oleh itu, bagaimana untuk seseorang dapat memahami puisi moden ini tepat pada maknanya melainkan hanya sipi-sipi dan mengandaikan sendiri berkaitan makna yang relevan atau mungkin hanya boleh dikaitkan dengan perihal dan pengalaman hidupnya pula bagi mentafsirkan sesuatu puisi moden.

T. Teresa Anna (2000:76), menyatakan bahawa bahasa adalah puisi asal di mana seseorang membentuk dirinya serta puisi yang hebat, di mana seseorang memasuki sejarah, memulakan pembentukan bahasa orang itu terhadap dirinya sendiri dan puisi moden bukanlah fungsi bahasa. Hal ini menjelaskan bahawa puisi moden sememangnya dekat dengan diri pengarangnya, namun agak jauh dengan diri pembaca kerana kebiasaanya sajak atau puisi moden ini menyingkap soal peribadi dan pengalaman pengkaryanya. Oleh itu, ianya hanya boleh ditafsirkan secara fikiran dan pengalaman orang yang membacanya. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya sebuah sajak yang dihasilkan agak bertentangan dengan fahaman setiap individu yang lainnya. Hal ini kerana dari segi cetusan daya fikiran dan pengalaman peribadi yang dialami juga adalah berbeza. Sajak juga seumpama bahasa yang dituturkan kebiasaanya dalam harian manusia bezanya dapat dilihat melalui penulisan kreatif dan cara bagaimanakah ianya digunakan dan dibentukkan menjadi puisi moden (Hanafiah A. R, 2008).

### 1.7.2 Kepengarangan

Kepengarangan merupakan suatu hal yang pasti wujud dalam karya sastera. Hal ini kerana, kepengarangan akan seiring dengan pengarang yang menghasilkan karya tersebut misalnya seperti sajak yang merupakan karya yang mempunyai penulis. Kepengarangan adalah perihal yang berkaitan dengan pengarang. Menjurus kepada kepengarangan Rahimidin Zahari dapat dilihat penulisan dalam sajak-sajak cintanya adalah berkenaan dengan dirinya berdasarkan pengalaman yang dialami dan keadaan

disekelilingnya. Kepengarangan juga merujuk kepada cara pengarang merepresentasikan gagasan idea, pemikiran dalam sebuah karya sastera seperti sajak melalui bahasa yang mempunyai nilai estetika (Vera Soraya Putri, 2018). Mengkaji tentang kepengarangan seolah-olah mengkaji setiap hal-hal yang ada pada diri seorang pengarang seperti latar belakang, ketokohan dan pencapaian, serta karya-karya yang dihasilkan. Penelitian kepengarangan juga merupakan proses kreatif seseorang pengarang dalam penghasilan karya mereka.

Kepengarangan adalah hal yang bersangkut dengan jiwa pengarang. Pengarang boleh ditafsirkan dengan hal dalam diri atau peribadi seorang penulis yang berkait dengan psikologi dalam diri. Pengarang mengarang sesuatu adalah melalui jiwa dan pengalaman yang kadangnya secara sedar atau tidak sedar mendorong mereka untuk menulis dan menghasilkan sesuatu karya hasil dari hal-hal kejiwaan yang terkandung dalam diri mereka. Menurut Morton Kaplan dan Robert Klos (1973), sesebuah karya tercipta melalui luahan hasil imaginasi dan fantasi pengarang dari dalaman jiwa manusia yang terdalam. Hal ini menyaksikan bahawa pengarang mempunyai jiwa yang memendam pelbagai cakupan rasa yang apabila dilontarkan menjadi indah sehingga mampu menguntum dan mengharumkan bahasa sebagai bait-bait yang membentuk manfaat kepada khalayak. Pengalaman hidup pengarang merupakan aspek penting yang mencorakkan jalan cerita dalam kepengarangannya. Berdasarkan pengalaman jugalah yang membezakan seorang pengarang dengan pengarang yang lainnya. Pengalaman pengarang dibezakan dengan aspek tempat, latar, dan waktu. Jika dibandingkan jalan cerita dalam hidup, mungkin terdapat jalan cerita yang sama seperti pengarang yang lainnya. Namun, aspek seperti tempat, waktu dan latar itulah yang membezakan dan mewarnakan jalan cerita tersebut menjadi karya yang berbeza-beza dan menarik untuk diketahui.

Siti Hawa Munji dan Ma'rof Redzuan (1990, ms. 140), menyatakan bahawa elemen-elemen personaliti pengarang adalah yang berkaitan dengan emosi, daya fikir,

fobia, kebolehan, pencapaian, tanggapan, tingkah laku, kebiasaan, nilai dan watak yang ada dalam diri. Hal ini memperlihatkan bahawa pengarang mampu bertindak balas dengan persekitarannya dalam mencorakkan kepengarangan. Jika diteliti karya-karya Rahimidin Zahari yang menyingkap emosi seperti sedih, beliau telah menggunakan daya fikir dan kebolehannya dalam menulis dengan menulis berdasarkan tingkah laku yang dialami dalam hidupnya berdasarkan pengalaman. Beliau juga memperlihatkan kebiasaan perihal dalam kehidupan dengan menerapkan watak dan nilai yang mampu menghubungkan karyanya dengan khalayak serta meletakkan jarak pendekatan yang sangat dekat dengan hati dan jiwa khalayak pembaca. Sejurus itu, merungkai makna kepengarangan ini pada hakikatnya, adalah dengan mencakupi hal-hal yang ada pada diri pengarang itu sendiri. Menurut Ghazali (2013), pengarang telah mencerahkan pengalaman hidupnya melalui proses kreatif samada secara terancang maupun tidak terancang membentuk sebuah karya yang hebat. Oleh itu, kepengarangan adalah sangat dekat dengan aspek pengalaman pengarang dalam menghasilkan sesuatu karya.

### 1.7.3 Cinta

Kehidupan manusia dengan cinta adalah suatu tautan dan ikatan yang kuat dan tidak boleh dilepaskan dari diri manusia. Hal ini kerana setiap manusia mempunyai perasaan dan rasa ingin dikasihi dan mengasihi. Itulah fitrah manusia. Manusia sering terikat dengan cinta terhadap penciptanya itulah yang paling utama. Ikatan ini bukanlah suatu ikatan kerana keterpaksaan tetapi kerana sudah lumrah manusia untuk menghargai setiap nikmat dalam hidup yang dikurniakan Tuhan kepada mereka. Cinta juga merupakan suatu yang tidak boleh disangkal dan tidak boleh dilarang kejadiannya yang lahir dari hati dan jiwa setiap insan. Cinta merupakan proses dua hala antara seorang kepada seorang, antara seorang kepada sesuatu dan antara sesuatu kepada sesuatu. Solovyov, V., & Barfield, O. (1985), mengatakan bahawa cinta adalah suatu nilai perasaan yang memaksa kita meluahkan dan mengakui tentangnya dalam diri

terhadap semua makhluk pun bukan hanya pada sesama manusia. Perasaan cinta adalah penting bukan sekadar salah satu perasaan kita sahaja, tetapi sebagai pemindahan semua kepentingan kita dalam kehidupan dari diri kita kepada yang lain. Misalnya, cinta isteri terhadap suaminya akan mendorong isteri untuk menyayangi dan menjaga ikatan cinta yang dibina dengan melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri begitu juga sebaliknya.

Eddy Rosyadie (2009:16), menyatakan cinta ialah menaruh perasaan kasih terhadap seseorang kerana perasaan kasih dan ingin dikasih yang membentuk perasaan rindu, taksub, asyik dan sayang. Cinta juga mendorong seseorang untuk menyayangi dan disayangi. Menurut Emine Syenlikoglu (1992), cinta merupakan perasaan yang abadi hanya kepada Tuhan. Hal ini kerana kepentingan dan kewajibian manusia sebagai hamba adalah untuk mencintai penciptanya adalah sebagai keperluan dan bukanlah sebagai kehendak sepertimana cinta terhadap yang lainnya. Oleh itu cinta secara ringkas dan keseluruhannya adalah perasaan kasih dan dikasih sesama sendiri.

#### **1.7.4 Persepsi**

Persepsi dan manusia tidak dapat dipisahkan. Hal ini kerana persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam fikiran manusia tentang sesuatu, pandangan menerusi pancaindera dan tanggapan (Kamus Dewan, 2015:1193). Persepsi juga merupakan kekuatan imaginasi dan daya fikir manusia yang mendorong kepada kepekaan terhadap sesuatu sehingga mampu menghasilkan sesuatu yang berasas dan kritis. Menurut Davidoff dalam Walgito (2010), persepsi merupakan proses pemikiran manusia melalui pancaindera melalui pendengaran, penglihatan, bau dan rasa yang mencetuskan tanggapan dan kritikan terhadap sesuatu. Misalnya, melihat situasi kebakaran minda manusia mula membuat pelbagai tanggapan sendiri tentang sebab kejadian dan sebagainya. Menurut Robbins (1994), melalui persepsi terhadap sesuatu boleh mewujudkan konflik dalam kehidupan sosial. Punca berlakunya konflik

juga seringkali dicetuskan perselisihan faham antara dua individu atau lebih yang melibatkan sesuatu hal. Menurutnya juga, persepsi melibatkan aspek emosi yang kuat dalam diri seseorang sehingga mendorong seseorang itu terhadap sesuatu tindakan. Misalnya, persepsi seorang penulis mendorong dia untuk menghasilkan karya. Oleh itu, dalam konteks ini persepsi itu sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan manusia. Hal ini kerana, manusia dikurniakan akal dan fikiran oleh Maha Pencipta. Fikiran akan sentiasa menggerakkan manusia untuk memproses sesuatu tanggapan yang dikenali sebagai persepsi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa persepsi boleh mendatangkan sesuatu yang positif sekiranya digunakan dan dizahirkan pada tempat yang betul. Persepsi juga boleh mendatangkan sesuatu yang negatif sekiranya digunakan dan dizahirkan dengan cara yang negatif.

#### **1.7.5 Perempuan dan feminism**

Perempuan dan feminism sejak zaman dahulu sehingga sekarang sangat berkaitan. Hal ini kerana pada zaman dahulunya di barat wanita sering ditindas dan terlarang keterbatasan dan kegiatan aktivitinya sehingga mencetuskan istilah feminism sekitar abad ke-19 sehingga kini terutamanya di barat. Elaine Showalter (1986), mengatakan bahawa gagasan pencetusan feminism adalah untuk memperjuangkan hak wanita dan meletakkan hak kesamaan antara wanita dan lelaki yang sering dipandang rendah oleh lelaki. Menurut Nabila Ashriyanti (2019:4), kaum-kaum perempuan pada zaman sebelum kedatangan Islam amatlah perit penderitaanya yang hanya dianggap sebagai pemua nafsu kepada lelaki semata. Perempuan diciptakan oleh Allah dengan penuh kemuliaan dan keindahan serta sangat tinggi kehormatannya yang menjadikan dia tanpa dinilai oleh sesiapapun lahirnya sudah cukup indah, mulia, dan tegar (Nabila Ashriyanti, 2019:3). Itulah keajaiban ciptaan tuhan yang menjadikan sifat lemah lembut yang dimiliki oleh perempuan adalah hiasan terhadap dirinya namun, dalamnya mengandungi emosi dan hati yang sangat cekal. Menurutnya lagi, sifat lemah lembut yang ada pada diri seorang perempuan bukanlah seperti yang sering

digambarkan para lelaki. Maksudnya, sifat lemah lembut adalah tidak bererti lemah. Sesungguhnya, dalam Islam sangat mengangkat tinggi darjat seorang perempuan yang mana syurga terletak dibawah telapak kaki ibu seperti mana yang terkandung di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah. Melalui hadis tersebut menjelaskan bahawa bertapa pentingnya berbuat baik terhadap ibu yakni seorang wanita yang telah membesar dan melahirkan manusia kedunia dengan keizinan Allah. Oleh itu, perempuan dan feminism menyimpulkan kepada wanita kini sudah menyamai kebolehan lelaki dari segi pekerjaan, politik, pendidikan dan sebagainya.

### 1.8 BATASAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini pengkaji membataskan bahan kajian kepada beberapa skop tertentu yang berkait dengan aspek kajian terhadap kumpulan sajak-sajak cinta oleh Rahimidin Zahari. Pengkaji telah membataskan kepada sebuah buku beliau iaitu kumpulan sajak *Kulukiskan Engkau Biru Dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* Bagi kajian ini, pengkaji tidak akan menyentuh kesemua sajak yang terkandung di dalam buku ini. Hal ini kerana pengkaji hanya memberi tumpuan kepada sejumlah sajak-sajak cinta beliau bagi melihat aspek kepengarangan yang terkandung secara terus kepada beberapa fokus kepengarangannya yang menyentuh perihal kewanitaan.

Selain itu, kajian ini turut membataskan skop kajian kepada Teori Feminisme dengan menggunakan pendekatan kritik feminis atau “feminist reading” dari aspek biologi, psikologi, pengalaman dan sosial dengan berfokuskan kepada kepengarangan penyair lelaki melalui tema dan persepsi terhadap wanita yang meletakkan wanita secara berbeza berbanding penyair lelaki yang lain dalam penulisan puisinya dengan menggunakan kritik feminis sebagai asas dan tunjang bagi kajian yang dilakukan. Kajian ini, turut merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti artikel, tesis, dan juga buku sebagai

rujukan kepada pengkaji untuk mendapatkan idea dan data. Kajian ini turut menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu pengkaji akan memfokuskan kepada teks kajian, pengumpulan serta penganalisisan data terhadap dengan penggunaan pendekatan penceritaan atau “narrative approach”.

### 1.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan beberapa aspek penting berkaitan kajian yang dilakukan. Kajian yang dijalankan adalah menyentuh berkaitan kepengarangan penyair lelaki dalam karyanya dengan mengetengahkan perasaan kasih dan sayang terhadap wanita serta mengarapkan perihal kewanitaan dalam sajaknya. Dalam kajian ini, pengkaji menelusuri ketokohan Rahimidin Zahari yang menjadi teras kepada penulisannya bagi penghasilan kumpulan sajak-sajak cinta. Pengkaji turut menghayati kepengarangan beliau dari aspek luaran seperti pengalaman beliau serta kepengarangan beliau dari aspek dalaman seperti tema yang diketengahkan oleh pengarang dalam mencetuskan idea yang hebat bagi menghasilkan sesuatu karya agar dapat memperolehi hasil kajian yang mendorong kepada keberhasilannya kepada masyarakat. Kajian ini juga memperlihatkan Teori Feminisme yang diasaskan oleh Elaine Showalter dengan menggunakan pendekatan kritik feminis bagi penganalisisan terhadap data secara berkesan.

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan kajian-kajian lepas yang mengkaji berkaitan tajuk pilihan penyelidik. Tinjauan kajian lepas merupakan pernyataan yang menyokong objektif kajian dan membantu dari segi maklumat penganalisisan data kajian. Tinjauan kajian lepas adalah kritikan analisis oleh penyelidik terhadap penyelidikan yang dilakukan terhadap topik dan persoalan tertentu. Kajian lepas turut memperlihatkan dan menjelaskan permasalahan kajian yang mendorong kepada kajian para pengkaji lepas, serta membantu pengkaji dalam memperolehi dan mengukuhkan maklumat. Di dalam kajian lepas ini, terdapat aspek-aspek yang dititikberatkan seperti objektif, permasalahan, kaedah, dan teori yang digunakan dalam penganalisisan data kajian.

Dalam membahaskan permasalahan yang telah dikemukakan iaitu kurangnya persoalan wanita dalam persepsi dan pemikiran penyair lelaki. Setelah tinjauan terhadap

kajian lepas dilakukan, dapat dikenal pasti kebanyakkan kajian adalah menyentuh kepengarangan melalui aspek corak penulisan dan bahasa. Manakala, bagi kepengarangan persoalan wanita dalam persepsi dan pemikiran penyair lelaki sukar untuk dijumpai dan diperolehi. Oleh itu, permasalahan ini hanya akan merujuk kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas yang berbentuk data, soalan selidik, pandangan dan pengalaman penulis sendiri. Tinjauan kajian-kajian lepas ini, adalah dirujuk melalui kajian-kajian lepas di dalam dan luar negara. Oleh itu, bab ini akan membincangkan beberapa sub topik bagi tinjauan kajian lepas. Antaranya, ialah pengkajian tentang sajak, pengkajian tentang kepengarangan, dan pengkajian tentang Teori Feminisme.

## 2.2 PENGKAJIAN TENTANG SAJAK

### 2.2.1 Tesis

Kajian tentang sajak dilakukan oleh Umma Mazhubalan (2018), dalam kajiannya yang menyentuh berkaitan budaya masyarakat Tamil dalam sajak Bharatiyar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur budaya dalam masyarakat Tamil dalam sajak Bharatiyar. Kajian ini merupakan kajian pertama yang dilakukan berkaitan budaya masyarakat Tamil khususnya dalam sajak Bharatiyar. Kajian ini berpandukan kepada reka bentuk kualitatif secara dokumentasi dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks sastera. Kajian menumpukan kepada 80 buah sajak bagi meneliti unsur budaya dalam masyarakat yang terkandung di dalamnya. Kajian ini mempamerkan elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat Tamil yang mengamalkan budaya secara turun-temurun melalui penyebaran dan pengekakalan budaya tersebut. Hal ini tertumpu kepada penyebarannya kepada generasi muda. Penganalisisan data dilakukan dengan mengamati budaya masyarakat berlandaskan teori sosiologi sastera dan Model Pencerminan Lukacs (1972). Hasil kajian mengesan

kehadiran budaya normatif, ekspretif, dan kebendaan yang akan menjadi panduan kepada generasi akan datang dan memberi manfaat kepada golongan penulis dan pengkaji.

Ahmad Dahlan (2018) mengkaji sajak dengan menjadikan kritikan sosial sebagai fokus kajian terhadap sajak. Kajian ini dibataskan kepada sajak Alang-alang karya Abdul Wachid B.S. Kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur kritikan sosial dalam sajak dan menganalisis kritikan sosial tersebut dengan menggunakan pendekatan hermeneutika Paul Ricoeur. Kajian turut meneliti bentuk dan makna bahasa kiasan serta metafora dalam sajak. Kajian ini dibataskan kepada 56 buah sajak dalam buku Nun karya Abdul Wachid B.S. Dalam penelitian ini, reka bentuk yang digunakan ialah kualitatif melalui kaedah kepustakaan sebagai dokumentasi data. Bagi pengumpulan data, teknik yang terlibat adalah non interaktif iaitu analisis isi melalui pembacaan sajak yang berulang kali, menelaah perihal teori yang akan digunakan agar menepati kerelevannanya, serta mencatat semua hal berkaitan daksi, frasa, dan klausa ayat yang terdapat dalam sajak tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa metafora dalam sajak diungguli oleh metafora penjelasan. Seterusnya, kajian turut menghuraikan rakyat sebagai medium yang menempati kedudukan penting dalam sebuah negara dan kritik sosial yang terdapat dalam sajak adalah kritikan kepada golongan berkuasa yang membohongi rakyat serta kritikan terhadap rakyat yang mudah terdorong untuk bermusuhan dan melakukan rusuhan.

Adi Purnomo (2018), telah melakukan kajian tentang sajak dengan melihat aspek nilai akhlak yang terkandung di dalamnya. Sajak yang menjadi aspek kajian ialah Kumpulan sajak Nun karya Abdul Wachid B.S. Kajian turut melihat kewajaran sajak sebagai bahan ajar mata pelajaran akidah akhlak di Madrasah Aliyah. Penelitian kajian, menggunakan pendekatan Hermeneutika. Kajian secara dokumentasi dan wawancara melalui reka bentuk kualitatif dengan menerapkan kaedah kepustakaan. Manakala, bagi aspek analisis teks, kaedah penyajian data dan penarikan kesimpulan dilakukan. Hasil

kajian dapat mengesan nilai-nilai akhlak dalam kumpulan sajak. Antara nilai akhlak tersebut ialah persaudaraan, toleransi, dan keilmuan. Nilai-nilai akhlak ini telah dihubungkaitkan dengan teori Hermeneutik yang melihat kepada pembahasan metafora dan simbol dalam sajak. Kajian menyaksikan bahawa buku puisi Nun sememangnya wajar dan relevan digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kerana sesuai dengan bahan ajar akidah akhlak. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa puisi merupakan sumber yang boleh memberi pembelajaran yang baik dan berkesan kepada pembaca dan pengkjinya kerana sarat dengan aspek nilai.

### **2.2.2 Artikel dan Jurnal**

Kajian lain berkaitan sajak adalah yang dilakukan oleh Suyono Suyatno (2011). Beliau mengkaji tentang sajak-sajak realisme sosialis Lekra melalui kajian tematik. Kajian ini menumpukan kepada beberapa sajak Lekra secara rawak yang diambil dengan memandang kepada isu realisme sosialis dalam sajak-sajak tersebut. Penelitian menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks sajak. Kajian ini memperlihatkan pengaruh slogan parti komunis dalam sajak-sajak Lekra yang mengutarakan berkaitan penindasan terhadap kaum yang bersifat individualisme. Kajian ini turut menyentuh perjuangan golongan buruh dan petani yang terkandung dalam sajak yang berunsurkan realisme dalam sosialiti masyarakat. Kajian ini menjadikan pola gagasan realisme sosialis sebagai landasan pembicaraan dan penjelasan kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa sajak-sajak yang dikaji sememangnya mempunyai realisme sosialis yang menekankan sastera harus mempunyai ideologi yang berorientasikan optimistik. Kajian turut membuktikan sajak-sajak Lekra ini lebih ke arah propaganda yang berpihak kepada kaum buruh dan petani yang menempatkan kaum borguis sebagai lawan petani yang cenderung kepada ideologi partai komunis.

Rina Ratih (2013), telah mengkaji berkenaan sajak dalam kajiannya yang bertajuk "Sajak Tembang Rohani Karya Zawawi Imron Kajian Semiotik Riffaterre". Kajian

ini memperlihatkan bahawa Zawawi Imron mempunyai kecenderungan mengaitkan alam yang semula jadi dalam sajaknya misalnya seperti penggunaan matahari, perahu, layar, bulan dan hal-hal yang meliputi flora dan fauna. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai dokumentasi. Penelitian kajian adalah berlandaskan kepada diksi, ungkapan dan frasa. Batasan kajian adalah sajak Tembang Rohani karya Zawawi Imron. Data yang dikumpul akan melalui kaedah heuristik dan hermaneutik bagi menentukan penggunaan dan ketetapan bahasa. Hasil kajian ini, menegakkan perihal pegangan keagamaan. Ianya menunjukkan manusia akan mendapat tempat yang baik dan mulia di sisi Allah sekiranya mereka menepati janji dalam mentaati Allah. Hasil kajian juga memperlihatkan bahawa unsur-unsur yang mengalami perubahan terhadap fungsi-fungsi yang dimilikinya di dalam teks dari segi bahasa, kata, frasa dan ungkapan terhadap penghasilan sajak. Kajian turut membuktikan, ayat dalam rangka puisi yang diambil dengan pendekatan semiotika yang mana ianya menyedarkan manusia agar taat kepada Allah swt maka akan mendapat balasan kebaikan di atas ketaatan tersebut. Oleh itu, jelas kajian ini menemui bahawa sajak mengandungi penyusunan kata yang memberi kesan kesedaran dan penghayatan kepada pembaca.

Seterusnya, Dzirkina Dian Cahyani (2016) turut mengkaji berkaitan sajak. Beliau mengkaji tentang “Kolonialisme Industri Pariwisata di Bali dalam Puisi Sajak Pulau Bali Karya W.S Rendra”. Kajian ini bertujuan melihat bentuk yang terdapat pada ruang pariwisata Bali dan menghuraikan bentuk kolonialisme yang berlaku terhadap industri pariwisata Bali setelah kemerdekaan Indonesia. Penelitian dilakukan dengan menggunakan pendekatan teori postcolonial bagi merungkai aspek kolonialisme yang berlaku pada pariwisata Bali, Indonesia. Reka bentuk kajian adalah kualitatif deskripsi melalui dokumentasi secara kaedah kepustakaan dan analisis data. Kajian dibataskan kepada sebuah sajak karya W.S Rendra yang bertajuk Pulau Bali. Kajian ini mendapati bahawa Rendra dalam sajaknya tidak memuji perkembangan industri seperti mana yang

diagungkan masyarakat akan tetapi beliau melakukan kritikan terhadap dunia pariwisata di Bali kerana menjadikan kawasan tersebut terjajah dan diterokai dari segi industrinya. Hasil kajian menemui ruang Bali dijadikan tempat industri pariwisata yang mengakibatkan penjajahan pada kawasan tersebut lantas memberi kesan kepada masyarakat setempat yang seolah-olah merempat dan menumpang di tempat sendiri. Hal ini dijelaskan dalam kajian ini, bahawa hal demikian berlaku kerana keterbukaan peluang untuk meneroka kawasan tersebut direbut oleh golongan kaya dan berlaku penindasan terhadap masyarakat setempat kerana tidak mampu untuk bersaing. Hasil kajian ini turut menyaksikan bahawa pascakolonial di Indonesia seharusnya bergerak untuk mewujudkan kemerdekaannya yakni kebebasan dan bukan sebaliknya.

Ika Mustika & Riana Dewi Lestari (2017), mengkaji berkaitan kemampuan mahasiswa dalam membaca dan menulis puisi yakni sajak. Kajian menyentuh berkaitan penghayatan yang diterapkan oleh mahasiswa terhadap puisi melalui pembacaan mereka dan bagaimana hasil penciptaan puisi mereka bagi melihat kebolehan mereka dalam mencipta puisi dari aspek penggunaan bahasa serta melakarkan penceritaan tema dalam penulisan puisi tersebut. Tujuan kajian ini, bagi mengenal pasti hubungan antara minat membaca puisi dengan kemampuan menulis puisi bagi melihat aspek manakah yang lebih dominan antara membaca puisi dengan minat mahupun dengan kebiasaan membaca terhadap kemampuan menulis. Kajian ini menggunakan penelitian deskriptif korelasional. Kajian memfokuskan penelitian terhadap 126 orang mahasiswa daripada tiga peringkat kelas iaitu A1, A2, dan A3 dalam bidang Pengajian Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia yang sedang mengikuti kuliah semester 4 bagi tahun 2014/2015. Reka bentuk kajian ini, adalah kualitatif iaitu secara deskriptif dan kuantitatif secara statistik dan angka. Dapatkan kajian mengenal pasti wujud hubungan antara minat membaca dan kebiasaan kemampuan menulis puisi. Kajian juga membuktikan minat baca tidak cenderung dalam menulis puisi sebaliknya kebiasaan membaca lebih cenderung terhadap menulis puisi. Oleh itu, minat membaca dan kebiasaan membaca

adalah dua aspek yang berhubung antara satu sama lain yang mewujudkan faktor budaya membaca yang mampu mendorong kepada penulisan puisi.

Di Samping itu, kajian sajak dilihat melalui kajian Muhammad Afif Amrullah (2017) yang bertajuk “Kesamaan Bunyi Pada Sajak: (Kajian Fonologi al-Qur'an dalam Surat al 'Asar)”. Kajian ini mengkaji sajak dari sudut pandang yang agak berbeza yang mana ianya meletakkan bunyi sebagai fokus utama terhadap sajak dalam penglihatan mahupun penelitiannya tentang fonologi al-Qur'an dalam Surat al 'Asar dengan mengkaji aspek keindahan gaya bahasa. Penelitian menumpukan kepada pola persajakkan yang terkandung dalam makna ayat al-Quran. Kajian kesamaan bunyi ini memperlihatkan pola penyajakkan yang indah terhadap ayat al-Quran dan bunyi yang dilantunkan ketika melafazkannya. Sajak yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kesamaan huruf akhir antara dua fashihah atau lebih yang ada pada setiap kalimat akhir atau setiap faqrah. Penelitian jenis kualitatif digunakan dalam kajian ini melalui dokumentasi dengan kaedah kepustakaan dan analisis data melalui teks. Kajian dibataskan kepada Surat Al A'sar yang terkandung dalam kitab suci al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesamaan bunyi wujud dalam bentuk konsonan mahupun vokal yang mana kesamaan pola persajakan vokal kebanyakannya terletak pada akhir ayat pada surah tersebut.

Rahayu Akhesah & Mohd Rosli Saludin & Ghazali Din (2017) dalam kajian mereka bertajuk “Unsur Estetika dalam Sajak Karya Rahman Shaari”. Kajian ini bertujuan untuk memartabatkan penulisan sajak Rahman Shaari yang banyak memberi manfaat dalam penggunaanya. Melalui karyanya dapat disaksikan bahawa sajak-sajaknya melambangkan dirinya yang mencintai bidang puisi. Kajian ini membawa kepada penelitian ketokohan beliau dalam penghasilan puisi yang mendorong kepada kualiti sajak. Kajian ini bertujuan mengkaji estetika dalam sajak beliau dan menganalisis bahasa yang digunakan dalam karyanya. Penelitian kualitatif melalui kaedah kepustakaan dilakukan bagi memperolehi data berkaitan kajian. Batasan kajian adalah tertumpu kepada dua buah kumpulan puisi Rahman Shaari iaitu ‘Anjung Deklamator’

dan ‘Anjung Persingahan’. Bagi penganalisisan kajian ini menggunakan Teori Stilistik dalam penilaian unsur-unsur estetika dalam sajaknya yang terpilih dengan menyentuh enam prinsip kajian stilistik iaitu penggunaan bunyi dan fonologi, diksi, struktur sintaksis, semantik, dramatik, dan gaya individualisme atau keperibadian. Hasil kajian ini, dapat menyaksikan sumbangan Rahman Shaari dalam memartabatkan bidang puisi melalui plot dan gaya serta pengolahan bahasa yang digunakan olehnya dalam sajak-sajak beliau.

### **2.2.3 Buku**

Akhirnya, Rachmat Djoko Pradobo (2014), mengkaji puisi yakni sajak melalui pengertian, hakikat, dan fungsinya. Kajian ini bertujuan menjelaskan manfaat puisi terhadap aspek pemikiran dan kejiwaan. Kajian ini bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada khalayak dalam mendalami makna puisi bukan sekadar membaca tetapi meneliti bait-bait ayatnya yang membawa kepada pengetahuan ilmiah dan kepentingan bahasa dari aspek keindahannya. Kajian ini turut melihat perbezaan dan persamaan puisi daripada pandangan lama dan pandangan baru. Kajian ini meneliti makna puisi dari pelbagai aspek dalam perihal memahamkan dan membantu khalayak untuk memahami puisi. Kajian ini menggunakan tes formatif dalam penelitian makna. Kajian ini turut melihat perbezaan antara makna puisi tradisional iaitu agak terikat dan puisi moden yang konsepnya bebas. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif secara dokumentasi. Fokus kajian ini adalah kepada pengertian puisi secara pendapat tokoh dan yang termaktub secara dibukukan. Kajian mendapati bahawa makna puisi mempunyai fungsi spiritual secara tidak langsung. Hasil kajian mendapati kegunaan puisi adalah selari dan bermanfaat kepada pemikiran dan kejiwaan seseorang melalui makna yang terungkai disebalik kata puisi itu sendiri. Puisi merupakan rangkuman ayat, kata, peristiwa yang membentuk kehidupan di dalamnya berdasarkan kehidupan luarannya. Oleh itu, makna puisi mendorong kepada fungsi yang memberi manfaat kepada orang yang berusaha untuk memahaminya.

## 2.3 PENGKAJIAN TENTANG KEPENGARANGAN

### 2.3.1 Tesis

Roslan Abdul Wahid (2007), turut mengkaji berkaitan kepenggarangan. Kajian yang dilakukan adalah berkaitan Analisis Kepenggarangan dan Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Sajak J.M Aziz. Kajian ini merupakan penyelidikan berkaitan biografi, latar belakang dan ketokohan Allahyarham J.M Aziz. Kajian ini dibataskan kepada buku "Derita Seorang Seniman" karya J.M Aziz yang memaparkan sajak-sajak beliau. Terdapat 57 buah sajak yang menjadi tumpuan kajian. Penganalisisan kajian ini menggunakan Pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L) iaitu luhur, lahir, logik dan lateral. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam karangan puisi J.M Aziz. J.M Aziz dianggap sebagai penyair yang hebat dan terkemuka walaupun mempunyai kecacatan, namun ianya tidak menjadi halangan. Oleh hal yang demikian, tujuan lain kajian ini adalah meneroka kesungguhan dan keistimewaan kepenggarangan J.M Aziz dalam menghasilkan sajak-sajak yang berkualiti tinggi sekitar 50-an hingga 90-an. Nilai-nilai kemanusiaan seperti ketuhanan, keimanan, kasih sayang, bertanggungjawab, ketabahan, kesyukuran dan kegigihan dapat dikesan menerusi sajak-sajak beliau. Nilai-nilai kemanusiaan ini, seterusnya dinilai melalui Pendekatan SPB4L agar mesej dapat disampaikan dengan lebih jelas. Penggunaan pendekatan ini, memberi tindak balas kepada pembinaan paradigma, pemikiran dan peradaban Melayu melalui pemikiran luhur yang berkonsepkan keagamaan, pemikiran lahir berkonsepkan kecemerlangan, pemikiran logik berkonsepkan kebenaran, dan pemikiran lateran berkonsepkan kreativiti dan keindahan. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa sajak-sajak J.M Aziz sememangnya memperlihatkan keaktifan dan kegigihan serta ketokohan beliau menerusi kepenggarangannya bahkan pendekatan SPB4L adalah sangat sesuai digunakan bagi kajian ini.

Selain itu, Erfan Afandi (2012), telah mengkaji aspek gaya kepengarangan dalam novel “Sang Pemimpi” karya Andrea Hirata. Kajian ini mengesan kepengarangan pengarang Andrea Hirata dengan mengenalpasti beberapa aspek gaya seperti gaya bahasa, ragam bahasa, penggunaan diksi, watak dan perwatakan tokoh. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan menekankan kepada kajian stilistika melalui pengumpulan data bercorak dokumentasi. Tiga tahap dalam pendekatan stilistika digunakan iaitu tahap persiapan, tahap perlaksanaan dan tahap penyelesaian. Hasil kajian telah dibahagikan kepada beberapa aspek kajian. Antaranya ialah, penggunaan diksi yang menemui penggunaan bahasa daerah sebagai kata panggilan yang bertujuan untuk melengkapkan idea bagi usaha penyusunan kata. Seterusnya, penggunaan ragam bahasa yang memfokuskan kepada ragam bahasa ilmiah. Akhirnya, penggunaan gambaran watak dan perwatakan tokoh menemui teknik dramatik bagi menjelaskan penceritaan. Tuntasnya, kajian ini menemui gaya kepengarangan Andrea Hirata dalam penghasilan novel Sang Pemimpi adalah berlandaskan kepada idea pemikiran yang kreatif yang menerapkan pengharapan cita-cita dalam dirinya kepada bentuk penulisan. Pengkarya turut memberi gambaran kehidupan realiti dan persekitaran luar sebagai memenuhi gaya kepengarangannya.

Ghazali Din (2016), telah mengkaji berkaitan kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan model proses kreatif teksnaluri. Kajian ini, telah memfokuskan kepada 10 buah kumpulan puisi Muhammad Haji Salleh yang mengandungi 742 sajak bagi meneliti aspek kepengarangan Muhammad Haji Salleh melalui pendekatan model proses kreatif teksnaluri. Kajian secara kualitatif dilakukan melalui kaedah kepustakaan dan kerja lapangan bagi mengumpul data dan maklumat untuk proses penganalisisan. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk menghuraikan kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam penciptaan sajak, membina kerangka Model Proses Kreatif Teksnaluri bagi menganalisis sajak-sajak serta menganalisis aspek naluri dan pengaruhnya terhadap penghasilan sajak. Kajian ini telah melihat kepada tujuh elemen naluri seperti

kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, keindividualan, keintelektualan, kealaman, dan keindahan yang memberi pengaruh yang dominan dalam kepengarangan pengarang. Hasil kajian mendapati bahawa elemen naluri yang paling banyak mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam penghasilan sajak-sajaknya ialah Naluri Kealaman dan Naluri Keindividualan. Selain itu, elemen idea dan pemikiran juga turut mempengaruhi kepengarangannya. Kajian ini membuktikan bahawa elemen naluri di bawah Model Proses Kreatif Teksnaluri membawa kepada pengaruh yang amat besar dan kuat dalam kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam sajak-sajaknya. Kajian ini memberi kesedaran kepada pengkaji bahawa begitu pentingnya penelitian terhadap kepengarangan sesuatu karya agar karya tersebut dapat difahami dan dihayati dengan baik oleh khalayak.

Kajian kepengarangan berikutnya, telah dilakukan oleh Vera Soraya Putri (2018) yang turut mengkaji gaya kepengarangan. Fokus kajian ini adalah kepada gaya kepengarangan Dewi Lestari dalam Supernova: Kesatria, Putri, dan Bintang Jatuh. Gaya kepengarangan bagi kajian ini adalah memfokuskan kepada aspek kebahasaan yang digunakan oleh pengarang dalam penghasilan novelnya. Aspek bahasa leksikal yang berbentuk saintifik-futuristik dan bahasa figuratif berbentuk fungsional telah menjadi asas dalam konteks kajian gaya kepengarangan ini. Penelitian aspek kajian menggunakan kaedah kualitatif-deskriptif dengan pengumpulan data secara dokumentasi. Terdapat corak humanis yang terkandung pada tema novel. Hasil kajian mendapati bahawa kepengarangan turut memfokuskan kepada penokohan yang berkonsepkan humanistik telling-showing perspektif dualistik adalah bertepatan dengan aspek kebahasaan yang bercorak bahasa leksikal dan figuratif sebagai bentuk estetika atau keindahan fungsional iaitu penggunaan keindahan bahasa yang berfungsi sebagai penjelasan yang berkesan bagi membentuk sesuatu karya.

Lusi Andriani (2018) turut mengkaji kepengarangan dengan melihat kepada aspek kepengarangan Azwar Sutan Malaka yang merupakan kajian sosiologi sastera.

Kajian ini bertujuan melihat kepengarangan Azwar Sutan Malakan dengan sosiologi pengarang oleh Renne Wellek dan Austin Warren. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan wawancara bagi memperolehi data kajian. Kajian turut memperlihatkan kepengarangan Azwar Sutan Malaka adalah cenderung dalam melakarkan kisan duka seperti kemiskinan, perihal perempuan yang ditindas, serta perkara mitos. Perkara ini dinilai dari aspek latar belakang pengarang yang mana beliau berdasarkan pengalaman hidupnya adalah berasal dari keluarga yang miskin dan lingkungan percaya kepada mitos. Hasil kajian ini mendapati bahawa proses kreatif secara produktif yang diterapkan oleh Azwar adalah menjadi dorongan kepadanya untuk dikenali sebagai seorang penulis hebat dan terkemuka yang mampu menulis pelbagai genre sastera.

### **2.3.2 Artikel dan Jurnal**

Ding Choo Ming (2009), dalam kajiannya yang bertajuk “Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu” telah mengemukakan perihal berkaitan kepengarangan bagi melihat kepelbagaian peribahasa melayu telah dicipta, dicipta semula dan disebarluaskan merentasi masa dari dahulu hingga kini. Fokus kajian adalah terhadap peribahasa Melayu secara rawak dan bersesuaian dengan kaedah nemonik yang dapat mengesan kreativiti dan kepelbagaian dalam peribahasa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa kepengarangan peribahasa Melayu bukanlah tidak mempunyai pengarang namun, tidak dapat dikenal pasti daripada mana dan siapa yang menciptanya kerana perubahan masa dan peredarannya yang secara tidak disengajakan dan tidak diciptakan secara khusus. Kaedah dan prinsip kepengarangan turut menjadi perhatian kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa kepengarangan terhadap peribahasa Melayu ini adalah merupakan perihal mengenai keindahan pemikiran dan imaginasi yang tinggi orang melayu yang bercirikan rima yang estetik dapat menghasilkan peribahasa. Namun, kajian turut menjelaki perbezaan antara kepengarangan peribahasa Melayu dahulu dan kini yang mana masa kini turut terdapat peribahasa yang diciptakan bukan

secara keseluruhannya berbahasa melayu dan mempunyai pengaruh barat. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa kepengarangan peribahasa Melayu dikatakan melayu adalah kerana penciptanya yang berbangsa melayu dan bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu serta konsep penciptaan dan inti pati kandungannya juga berkaitan perihal Melayu.

Norazimah Zakaria (2012) telah mengkaji kepengarangan terhadap hikayat melayu dan Tuhfat Al-Nafis. Kajian ini melihat kepengarangan pengarang dari aspek sosiologi dan budaya. Kajian ini memfokuskan kepada teks Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis pada abad ke-19. Pendekatan sosiologikal digunakan bagi melihat aspek persekitaran berkait dengan sosial budaya yang mendorong kepada penghasilan mahupun penciptaan teks yang mana dibezaan melalui sudut pandang terhadap teks itu sendiri dan konteks pada zaman itu. Kajian adalah bertujuan mengenal pasti dan menganalisis kepengarangan terhadap Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis dari aspek sosiologinya masyarakat yang dipengaruhi oleh budaya pada ketika itu. Kaedah kualitatif iaitu dokumentasi melalui kepustakaan dan analisis teks digunakan bagi pengumpulan data. Kajian ini turut mengkaji perbezaan sosiologi yang terdapat dalam dua teks tersebut. Kepengarangan akan dilihat melalui dua aspek iaitu intrinsik dan ekstrinsik atau aspek dalaman dan luaran teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengarang Hikayat Melayu telah mengulang semula teks kanon sebagai bentik pastiche dengan meniru tema dan persoalan, plot penceritaan, motif, episod dan lain-lain. Hal ini didapati berbeza dengan teks Tuhfat Al-Nafis yang mana teks ini merupakan parodi dengan menterbalikan imej dan struktur cerita asal dengan tujuan menyindir, menghukum dan memuji aspek sosiologi zaman ketika itu seperti zaman Kesultanan Melayu Melaka. Oleh itu, hasil kajian mengesahkan bahawa kepengarangan dalam teks Tuhfat Al-Nafis adalah perihal yang berlawanan daripada teks Hikayat Melayu yang mana peristiwa-peristiwa yang dibawa seperti raja yang kejam jika dibunuhi rakyatnya tidak terkena tulah adalah

berlawanan dalam teks Hikayat Melayu yang mana menyatakan bahawa orang yang membunuh raja akan terkena tulah.

Seterusnya, Sri Purnomowati & Rini Yuliastuti (2012) dalam kajiannya bertajuk “Pola Kepengarangan dalam Majalah Baca Tahun 1974 – 1999”. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pola kepengarangan dalam majalah Baca selama 25 tahun penerbitannya. Kajian ini dibataskan kepada 151 artikel daripada 81 majalah terbitannya. Kajian ini juga bertujuan mengkaji pola sitiran dalam majalah. Hasil kajian mendapati bahawa pengarang dalam majalah diungguli oleh kaum lelaki kecuali pada tahun 1980 – 1984. Kajian mendapati bahawa kepengarangan adalah menyentuh berkaitan maklumat teknologi, maklumat sumber dan perihal perpustakaan. Penelitian kajian turut mengambil kira status pekerjaan pengarang, jenis jantina pengarang, tempat kerja, subjek dan panjang tulisan, serta produktiviti pengarang dalam penulisan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif bagi memperolehi data. Hasil kajian ini menunjukkan produktiviti pengarang berubah-rubah pada mulanya rendah dan semakin meningkat dari tahun ke tahun begitu juga dengan gabungan penulisan antara pengarang bagi penghasilan penulisan adalah rendah pada mulanya dan meningkat pada akhirnya. Hal ini menunjukkan bahawa kepengarangan pengarang dari segi penulisannya semakin berkembang dengan berkesan dari tahun ke tahun walaupun pada mulanya agak rendah.

Selain itu, terdapat kajian kepengarangan yang dibuat oleh Nur ‘Izzati & Nur Afifah (2018) berkaitan “Prinsip Tranformasi Drama Dekon Keranamu Azizah dalam Kepengarangan Marzuki Ali”. Kajian ini bertujuan mengkaji kepengarangan melalui transformasi yang dilakukan oleh pengarang dalam penciptaan karyanya. Reka bentuk kajian adalah kualitatif melalui dokumentasi dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data bagi menganalisis data yang diperoleh. Kajian membataskan kepada buku biografi P.Ramlee: The Bright Star dan dokumentari P.Ramlee yang mana buku ini diterbitkan oleh Persona Picture Sdn. Bhd. Kajian menggunakan prinsip transformasi

bagi melihat perubahan terhadap penceritaan teks oleh pengarang. Oleh itu, hasil kajian mengesahkan perubahan yang dilakukan terhadap penceritaan teks secara hipoteks tetapi menyalin peristiwa dalam karya secara terus. Selain itu, kronologi penceritaan turut diatur semula oleh pengarang namun, pengarang masih mengekalkan gambaran watak dan perwatakan terhadap watak agar khalayak masih dapat mengambarkan cerita yang asal. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa kepengarangan terhadap teks drama ini adalah berlaku transformasi kepada hipoteksnya yang dilakukan oleh pengarang.

Fauzi & Intan Marlina & Madiawati (2018), mengkaji perihal kepengarangan Faisal Tehrani berkaitan individualisme berdasarkan novel-novel terpilih. Kajian ini menyentuh aspek ketokohan Faisal Tehrani sebagai seorang penulis generasi baharu. Kajian ini bertujuan menganalisis pembinaan jati diri Faisal Tehrani melalui novel-nove; terpilih beliau. Bagi penganalisan ini, Teori Teksdealisme digunakan dengan mengamati prinsip individualisme atau keperibadian bagi menjelaki keupayaan dan kebolehan seseorang pengarang dalam membina jati dirinya. Fokus prinsip ini adalah terhadap empat unsur yang dianalisis secara tekstual dan kontekstual iaitu subjektiviti, gaya individu, tindakan individu dan penciptaan individu. Kajian mendapatkan bahawa Faisal Tehrani berusaha menggambarkan dan membangunkan jati diri melalui empat unsur tersebut. Kajian ini dibataskan kepada lima buah novel iaitu Perempuan Politikus Melayu, 1515, 1511H (Kombat), SsPJ, Tunggu Teduh Dulu dan Bahlut. Reka bentuk kajian adalah kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian mengesahkan kepengarangan Faisal Tehrani adalah menepati ciri-ciri keunggulan dengan membangunkan keupayaan individualisme berlandarkan pemikiran, sensitiviti, kreativiti, dan matlamat yang tersendiri dalam penghasilan novelnya.

Rohanda & Lili Ruslina (2018) turut mengkaji kepengarangan melalui aspek komunikasi ilmiah yang terkandung dalam Jurnal Sosiohumaniora. Kajian ini adalah untuk menganalisis ketokohan pengarang melalui identitinya berdasarkan latar belakang dan corak penulisan yang melihat kepada aspek produktiviti gabungan pengarang dalam

penulisan mereka. Kajian ini adalah merupakan penelitian bibbliometrik dalam jurnal Indonesia. Batasan kajian adalah terhadap jurnal sosiohumaniora dan gabungan kepengarangan. Data dikumpul menggunakan reka bentuk kualitatif dengan mencatat dan merekod maklumat yang diperoleh bagi tujuan penganalisisan. Kajian ini melihat kepengarangan yang terkandung dalam jurnal pada tahun 2013 – 2014 yang memfokuskan kepada identiti setiap pekerja serta berpadukan kepada graf komunikasi. Penelitian kajian ini membuktikan gabungan pengarang membawa kepada perbezaan pemikiran dalam penulisan jurnal serta memperlihatkan bahawa pengarang dalam bidang sosial dan humaniora kurang kekerapan dalam melakukan gabungan penulisan. Kajian turut menyaksikan Bambang Juanda sebagai penulis paling kreatif dalam membentuk produktiviti sendiri. Kajian turut menjelaskan bahawa graf komunikasi tidak menepati ketepatan dengan keadaan lapangan yang mendorong kepada produktiviti sesuatu karangan.

Hashim Awang & Hashim Ismail (2016) dalam kajian mereka telah menyentuh perihal kepengarangan melalui minda pengarang melayu dalam melestarikan hubungan antar-Budaya melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin. Jati diri melayu dapat dipamerkan melalui kepengarangan penulis melayu yang melihatkan dan menggambarkan perihal-perihal melayu dalam kajian mereka. Ciri jati diri yang ditampilkan dioercayai dapat menjadi sumber yang diikuti berdasarkan teks tradisional Melayu. Kajian melihat kepada bentuk pola dan konsep kepengarangab Melayu melalui pendekatan dalam menganalisis kepengarangan oleh Hashim Awang (1989) dan memaparkan konsep Puitika Melayu oleh Muhammad Haji Salleh (1991). Kajian mendapati bahawa pendekatan-pendekatan tersebut sangat penting untuk menjelaki minda pengarang Melayu dalam teks tradisional ini. Hal ini menjadi asas dalam mengenal pasti ciri jati diri kepengarangan Melalyu dalam Sulalat al-Salatin melalui bentuk puitika Melayu. Kajian ini turut membuktikan bahawa hubungan antar-budaya serumpun berfungsi sebagai melestarikan berdasarkan teks tradisional yang dikaji.

Kajian seterusnya adalah oleh Lamsike Pateda (2016) yang mengkaji berkaitan Gaya Kepengarangan Tere Liye dalam novel Moga Bunda Disayang Allah Tinjauan Retorika-Stilistika. Kajian ini melihat aspek kepengarangan melalui penggunaan gaya bahasa berlandaskan pemikiran penulis dalam proses penghasilan novelnya. Tujuan kajian untuk mengkaji dan menganalisis gaya kepengarangan melalui aspek gaya bahasa dengan menggunakan pendekatan retorika-stilistika bagi bagi meihat unsur-unsur keindahan yang terdapat melalui penggunaan bahasanya. Kajian ini berpandukan kepada reka bentuk kualitatif secara dokumentasi dengan mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mengumpul data dan penganalisisan data. Penelitian kajian stilistika mencakupi tiga bahagian iaitu pilihan kata, pola kalimat atau ungkapan dan bentuk sintaksis serta bentuk semantik. Hasil kajian ini membuktikan penggunaan gaya bahasa sebagai satu kepentingan kajian retorika. Kajian turut mendapati bahawa pengarang dalam kepengarangannya sememangnya menggunakan pelbagai jenis majas dan gaya bahasa yang menarik dan indah.

Roslina Abu Bakar (2017) mengkaji berkaitan Komunikasi Tradisi dalam Kepengarangan Hikayat Pelanduk Jenaka. Motif kajian adalah mengkaji komunikasi tradisi menerusi kepengarangan manuskrip Melayu tradisional iaitu Hikayat Pelanduk Jenaka. Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan proses komunikasi tradisi tersebut dengan menerapkan kaedah analisis kualitatif melalui pendokumentasian maklumat dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks Hikayat tersebut. Penelitian kajian ini turut menggunakan model R.Lina berkaitan Komunikasi Dua Hala Terancang atau (RL: KDHT). Hasil kajian ini menyaksikan keunikan dan kerelevan komunikasi tradisi dalam kepengarangan manuskrip yang dikaji. Kajian ini turut menjelaskan manuskrip Melayu tradisional oleh pengarang berguna dalam penyampaian mesej kepada khalayak.

### 2.3.3 Lain-lain (majalah, seminar, akhbar, laman sesawang)

Di samping itu, Mana Sikana (2008) telah melakukan kajian berkaitan kepengarangan dengan menganalisis kepengarangan Masuri S.N. Kajian ini telah meneroka berkaitan ketokohan Masuri S.N sebagai sasterawan yang terkenal di Singapura. Aspek textual dan kontekstual sangat mempengaruhi sikap, aliran dan profil Masuri S.N yang berbeza berbanding pengarang lain dalam kepengarangannya bagi penghasilan karya-karya beliau. Medan kajian ini adalah sembilan buah kumpulan puisi, tiga kumpulan cerpen, lima buah buku eseи dan sebuah drama karya beliau. Penganalisisan telah dibuat menggunakan teori Teksdealisme yang menyentuh empat aspek utama iaitu penghadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan individualisme bagi mengesan proses kepengarangannya. Analisis ini turut meneliti citra dokumentasi sosial terhadap karya dalam konteks estetik resepsi berkaitan semangat zaman bagi menjelaskan hayat karya-karya Masuri S.N. Hasil kajian ini turut mengesan aspek generik dan tematologi kepengarangannya yang menentukan perbezaan beliau dengan pengarang-pengarang Singapura yang lain.

## 2.4 PENGKAJIAN TENTANG TEORI FEMINISME

### 2.4.1 Artikel Jurnal

Selain itu, Peni Adji (2003) telah menyentuh berkaitan feminism dalam kajiannya yang bertajuk "Karya Religius Danarto: Kajian Kritik Sastera Feminis". Kajian ini dibataskan kepada kumpulan cerpen karya Danarto sekitar 1980an iaitu Zizit, Anakmu Bukanlah Anakmu," "Ujar Gibran", Rembulan di dasar Kolam, dan Bulan Melahap Madu" yang membangkitkan masalah sosial seperti isu gender pada ketika itu. Kajian ini berlandaskan kepada teori feminism melalui kritik sastera feminis. Prinsip kritik sastera feminis yang digunakan adalah kritik ideologis yang merupakan kritikan yang melihat pembaca perempuan dalam menafsir karya berkaitan wanita. Landasan

teori ini digunakan adalah bagi membuktikan bahawa teks cerpen Danarto yang sentiasa dianggap sebagai mengangkat permasalahan keagamaan bukanlah hanya menjurus kepada aspek itu, akan tetapi hakikat lainnya adalah pemikiran yang ingin dibawa juga termasuk perihal sikap dan posisi perempuan dalam kumpulan cerpennya yang memandang kepada isu gender dan patriarki. Hasil kajian, mendapati bahawa sistem patriarki sememangnya wujud dalam penulisan lelaki berkaitan wanita yang mendorong kepada persetujuannya dalam membicarakan wanita sebagai golongan yang lemah dan ditindas dengan menyentuh berkaitan isu gender yang tidak memberikan kesetaraan kepada wanita.

Siti Khariah (2012), mengkaji berkaitan unsur feminism dalam pantun melayu. Kajian ini menyentuh perihal wanita dalam kajian budaya yang bersifat interdisiplin. Kajian feminism ini menyentuh kepada aspek budaya melalui proses produksi hingga kepada aspek penghayatan dan jati diri dalam pantun melayu. Hal ini berdasarkan kepada persoalan terhadap andaian dan perspektif mahupun tanggapan yang dominan terhadap budaya tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kajian kepada kedudukan wanita dalam masyarakat melayu melalui pantun melayu. Bagi penganalisis kajian telah mengabungkan dua pendekatan iaitu pendekatan feminism dan pendekatan moral Islam. Pendekatan-pendekatan ini digunakan bagi melihat kesesuaian antara nilai-nilai moral dengan unsur feminism yang terdapat dalam pantun melayu seperti peribadi wanita melayu yang lemah lembut bersetujuan dengan nilai moral Islam. Batasan kajian ini menumpukan kepada pantun-pantun melayu secara rawak. Kajian mendapati bahawa nilai yang terkandung dalam pantun melayu dapat membentuk keperibadian bangsa melayu itu sendiri melalui adat Melayu misalnya. Kajian ini turut memperlihatkan betapa orang melayu menghargai alam dalam kehidupan mereka dengan membentuk budaya dan gambaran kehidupan alam dalam pantun sebagai hiburan, gurauan, adat istiadat dan perundangan yang menyentuh perihal

kedudukan wanita. Hasil kajian adalah mengenal pasti unsur feminism dalam pantun Melayu dan mengupas perihal kedudukan wanita dalam masyarakat melayu.

Berikutnya adalah kajian feminism yang dilakukan oleh Yenni Hayati (2012) yang bertajuk “Dunia Perempuan dalam Karya Sastra Perempuan Indonesia”. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis unsur feminism yang terkandung dalam kumpulan cerpen yang dihasilkan oleh pengarang perempuan. Penelitian ini, membataskan kepada 15 buah cerpen daripada kumpulan cerpen Dunia Perempuan daripada 55 buah cerpen hasil karangan oleh 55 orang pengarang perempuan yang berbeza dari segi latar belakang kehidupan, pendidikan, sosial budaya dan ekonomi. Kajian ini dilakukan kerana kebanyakkan pengkaji mengkaji feminism dengan melihat kepada penulisan karya penulis lelaki dan jarang yang mengkaji karya yang ditulis oleh penulis perempuan. Kajian ini turut mengemukakan pandangan dan persepsi pembaca perempuan terhadap karya perempuan. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif iaitu dokumentasi melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks. Setelah data dikumpul kajian menggunakan kaedah hermeneutika untuk menginterpretasikan unsur feminism yang terkandung dalam kumpulan cerpen yang mempunyai relevansi konstektual dalam karya sastera. Kajian ini turut memfokuskan kepada cara pengarang perempuan menggambarkan dunia perempuan, aspek latar dan watak serta lakaran watak perempuan yang diletakkan oleh pengarang. Kajian ini turut menggambarkan dua situasi perempuan iaitu di dunia realiti dan dunia penulisan berlandaskan imaginasi. Penggunaan pendekatan kritik sastera feminis telah digunakan bagi penelitian kepada aspek kajian. Pendekatan ini bagi menjelajahi konsep budaya gender dalam karya sastera. Hasil kajian menunjukkan bahawa 14 cerpen daripada 15 cerpen mengandungi gambaran dunia domestik perempuan yang ditumpukan oleh pengarang. Kajian mendapati bahawa pengarang perempuan turut dipengaruhi dengan pemikiran masyarakat yang menganggap bahawa perempuan lebih baik duduk di rumah. Selain itu, kajian turut mengesahkan bahawa pengarang dipengaruhi dengan feminis moden

kerana meletakkan citra wanita yang dilihat pada masa kini seperti berjaya dalam kerjaya sebagai plot penceritaan karya mereka.

Suyono Suyatno (2012) telah mengkaji berkaitan feminism dalam karya sastera. Kajiannya dibataskan kepada dua sajak oleh dua penyair lelaki. Kajian dilakukan bagi melihat pertimbangan wanita dalam sajak yang dilakarkan oleh lelaki dengan meneliti aspek penglihatan dan pemandangan lelaki dalam penulisan mereka membicarakan perihal wanita. Dengan membataskan kepada dua buah sajak iaitu "Adam di firdaus" karya Subagio Sastrowardojo dan sajak "Perempuan" karya Emha Ainun Nadjib. Kajian telah menggunakan teori feminism untuk menganalisis aspek feminism dalam karya tersebut. Perlawanan ideologi gender antara lelaki dan perempuan dalam penghasilan karya sastera adalah aspek yang dibicarakan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini, mendapati bahawa karya lelaki adalah berbeza dengan karya perempuan dalam membicarakan perihal perempuan dahulu dengan kini. Kajian ini menggunakan kaedah purposive sampling, iaitu menentukan sampel untuk penelitian dan turut menggunakan kaedah heuristik dan hermeneutik bagi menjelaskan makna kebhasaan. Hasil kajian mendapati bahawa karya perempuan membicarakan atau menegaskan wanita sebagai korban ideologi gender dan karya lelaki tidak mempedulikan hal itu. Namun, setelah banyak para penulis wanita muncul dengan penulisan yang berkonsepkan wanita sebagai korban ideologi gender, maka pengkarya lelaki mula bertindak memikirkan hal berkaitan kesedaran feminism dan kesetaraan gender yang mana hal ini dapat dilihat pada dua karya penyair lelaki yang dikaji.

Fitri & Martono & Agus (2012), dalam kajian bertajuk "Kajian Feminis dalam Novel Kembang Turi Karya Budi Sardjono". Kajian ini melakarkan tentang profeminis, kontra feminis dan kedudukan wanita dalam karya sastera yang ditulis oleh lelaki. Tujuan kajian adalah menganalisis perihal perempuan dalam karya sastera. Metodologi kajian yang digunakan adalah deskriptif iaitu kualitatif melalui teknik dokumentasi iaitu pengumpulan data dan analisis data melalui kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini

memberi fokus kepada novel Kembang Turi karya Budi Sardjono. Penganalisisan dilihat pada watak wanita dalam novel iaitu watak Marni yang telah kehilangan kedua orang tuanya ketika masih muda dan harus memelihara adiknya. Unsur feminism boleh dilihat melalui watak Marni dalam perjuangannya mempertahankan hidup dan menuntut bela atas kematian mak dan ayahnya. Feminism yang dilihat pada novel ini bukanlah perihal perlawanan gender antara lelaki dan wanita. Namun, dalam novel ini, pengarang membangkitkan perihal kesetaraan dan kesedaran antara lelaki dan wanita baik dari segi lingkungan keluarga mahupun masyarakat. Hasil kajian, menunjukkan bahawa profeminis membuktikan bahawa kaum lelaki turut terlibat dalam memperjuangkan kesetaraan gender antara lelaki dan wanita. Selain itu, kontra feminis memperhatikan bahawa masih wujud masyarakat yang mewujudkan jurang antara lelaki dan wanita. Akhirnya, kajian turut mendapati bahawa anggapan masyarakat berkenaan kedudukan perempuan dalam masalah pekerjaan masih dipandang sebelah mata oleh masyarakat.

Selanjutnya, Kurnia, I., Priyadi, A. T., & Wartiningsih, A. (2013) dalam kajian mereka iaitu "Feminisme dalam Novel Secuil Hati Wanita di Teluk Eden" Karya Vanny Chrisma W. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk-bentuk ketidakadilan gender terhadap wanita bagi tokoh utama dan bentuk-bentuk perjuangan terhadap wanita bagi tokoh utama dalam pergolakannya melawan penindasan terhadap wanita. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara dokumentasi dengan pengumpulan data melalui kepustakaan dan analisis teks dalam penelitiannya yang akan menghasilkan data dalam bentuk ayat bukan angkat. Bagi meneliti penganalisisan adalah menggunakan teori feminism melalui pendekatan kritik sastera feminis yang mengkaji kritik feminis sosialis, psikoanalistik dan mengkaji penulis wanita. Kajian ini membuktikan bahawa wanita merupakan kelas masyarakat yang tertindas. Penggunaan teori ini adalah membuktikan aspek-aspek kewanitaan dan bagi melihat tafsiran wanita sebagai pembaca yang merupakan kesedaran pembaca bahawa perbezaan gender itu wujud. Hasil kajian ini mendapati bahawa bentuk ketidakadilan terhadap wanita wujud dalam novel yang dikaji

iaitu secara stereotaip iaitu perlabelan negatif terhadap watak wanita seperti berlaku kekeran terhadap wanita dari segi fizikal dan emosi. Seterusnya, kefahaman dan pendapat diutarakan melalui watak utama dalam novel melalui perjuangannya melawan penindasan terhadap wanita.

Ida Ayu Made Darmayanti (2014), dalam kajiannya "Seksualitas Perempuan Bali dalam Hegemoni Kasta: Kajian Kritik Sastera Feminis Pada Dua Novel". Kajian ini menyentuh perihal perempuan terlibat dalam konflik penindasan dalam hegemoni kasta di Bali. Kajian ini memperlihatkan pengaruh budaya setempat terhadap kehidupan diri wanita. Kajian membatas kepada dua buah novel iaitu novel Tarian Bumi dan novel Kenanga. Kes-kes berkaitan perihal penindasan kepada golongan wanita adalah seperti berikut, perempuan brahmana disuruh gugurkan kandungan sekiranya berkahwin dengan lelaki sudra, perempuan dilarang menyembah orang tua dan perempuan sudra berkahwin dengan lelaki brahmana tidak boleh sembahyang di merajan kaum brahmana. Sudut pandang feminis melihat kes-kes sebegini sebagai menindas hak kaum wanita dan menyekat kebebasan mereka dalam urusan sosial, keagamaan dan kekeluargaan kerana hal ini terlihat tidak adil dan tidak wajar diperlakukan kepada golongan wanita. Kajian mendapatkan bahawa novel ini mempunyai pandangan patriarki yang sangat kuat dalam merendahkan martabat wanita dan wanita langsung tidak diberi peluang untuk kesetaraan dengan lelaki. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara dokumentasi dengan penerapan teori triangulasi bagi mendeskripsikan seksualiti perempuan di Bali dalam hegemoni kasta dalam dua buah novel tersebut. Hasil penelitian mendapatkan bahawa perempuan Bali jelas didominasi secara seksualitas oleh kaum lelaki di kawasan tersebut.

Seterusnya, Indrya Mulyaningsih (2015) juga mengkaji berkaitan feminism. Namun, kajian ini melihat kepada pengaruh sosiobudaya bagi menentukan aspek feminism. Kajian ini dibataskan kepada dua buah novel iaitu Ronggeng Dukuh Paruh (RD) dan Perempuan Berkulung Surban (PBS). Kajian ini memperlihatkan bagaimana

dokumentasi sosiobudaya itu mempengaruhi penciptaan sesuatu karya. Kaedah kajian adalah kualitatif secara dokumentasi dengan pengumpulan data deskriptif melalui pengelompokan dan analisis interaktif. Kajian dapat mengenapasti aspek feminism pada dua buah novel yang dikaji yang mana kedua-dua buah novel ini membicarakan tentang anak perempuan dalam menentukan aspek kehidupan mereka seperti bekerja untuk pengukuhan ekonomi mereka untuk masa hadapan. Kedua-dua novel ini memaparkan gambaran ketidakadilan kepada anak perempuan yang tidak diberikan kebebasan dalam kehidupan meskipun demi kepentingan ekonomi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh sosiobudaya sangat mempengaruhi penciptaan sesuatu karya. Kajian ini memaparkan bahawa novel RDP menggunakan anak perempuan demi keuntungan ekonomi tanpa menghiraukan martabatnya manakala novel PBS tidak memberi kesempatan untuk anak perempuan dalam menentukan kehidupannya.

Nor Suhada Roslan & Shaiful Bahri Md Radzi (2017), juga telah mengkaji perihal wanita. Kajian ini memfokuskan kepada watak wanita dalam syair Sultan Abdul Muluk. Tujuan kajian adalah mengenalpasti dan menganalisis “Wanita Tiga Serangkai” ataupun tiga watak wanita dalam syair ini dengan menggunakan pendekatan teori kritik sastera feminis oleh Showalter. Tiga watak wanita tersebut ialah Siti Rahmah, Siti Rafeah dan Siti Rahah. Raja Ali Haji telah merakamkan watak yang berbeza pada tiga wanita tersebut dalam syair. Kajian ini turut melihat aspek pandangan pembaca wanita terhadap penulisan penyair lelaki. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif iaitu kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian, mendapati bahawa penulisan penyair lelaki ini terlalu memuji sikap wanita yang sangat jauh daripada jangkauan wanita. Penulisannya terlalu berlebih-lebihan dan sangat berbeza dari kaca mata wanita. Kebiasanya, pembaca wanita akan mengharapkan lelaki menulis perihal wanita tentang membangkitkan martabat mereka. Namun, bagi kajian ini, agak berbeza walaupun, penyair menulis perihal wanita dengan baik dan memuji sikap dan

keperibadiaan mereka, ianya tetap menimbulkan rasa sangsi dan perasaan yang agak janggal walaupun bagi seorang wanita. Isu yang ditimbulkan dalam syair ini adalah perihal tiga orang wanita yang hidup bermadu tanpa sebarang masalah dan hidup bahagia tanpa sikap cemburu dan dendam antara mereka.

Kajian lain berkaitan feminism adalah dilakukan oleh Amin Khuldlori (2018) dengan tajuk kajiannya, "Telaah Feminisme dalam Puisi Impressions from an Office" karya N. Josefowitz. Tujuan kajian adalah meneliti secara mendalam unsur feminism dalam karya sastera serta menghuraikan pengaruh sosial masyarakat dan pengaruh feminism di Amerika dan mengenal pasti makna tersirat dalam karya sastera yang dikaji. Kajian ini dibataskan kepada penelitian aspek ekstrinsik iaitu pengaruh keadaan sosial dalam masyarakat dan ajaran feminism. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif iaitu dokumentasi secara kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan pendekatan kritik feminis bagi melihat unsur feminis yang terkandung dalam puisi yang dikaji bagi mengesan pengaruh sosial budaya terhadap perempuan. Kajian ini turut mengangkat isu kesetaraan gender yang diingini oleh golongan perempuan di Amerika sehingga kini gagasan tersebut memberi kesan besar dalam penghasilan dan kajian terhadap karya sastera. Kajian ini turut memperlihatkan bahawa wanita bukanlah ingin melebihi lelaki dalam segala hal akan tetapi mereka hanya menginginkan kesetaraan dalam hal-hal tertentu sama seperti lelaki. Wanita memperjuangkan feminism untuk membangkitkan dan memajukan diri mereka bukan hanya seperti yang dipandang oleh golongan lelaki yang meletakkan wanita tidak lebih sebagai sampingan mereka. Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa pengarang mengambarkan ketidakadilan yang berlaku kepada wanita dengan melakarkan gambaran negatif dan bias terhadap perempuan dalam puisinya. Seterusnya, pengarang turut menggariskan pemikiran tentang identiti gender dengan menggunakan model pemikiran dekonstruktif agar pembaca dapat menemui keadilan dalam keadaan

yang terbalik iaitu melihat perkara yang adil setelah memahami ketidakadilan yang berlaku dalam karyanya.

## 2.5 KESIMPULAN

Kepengarangan adalah sesuatu perihal yang berkaitan dengan pengarang yang mana ianya seiring dengan pengarang yang menghasilkan sesuatu karya. Oleh itu, ianya adalah suatu hal yang pasti wujud dalam karya sastera. Perbincangan berkenaan kepengarangan ini ternyata sudah banyak dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negara. Hal ini memperlihatkan bahawa kepengarangan menjadi tunggak asas dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat.

Walaubagaimanapun, pengkaji telah mendapati bahawa kajian kepengarangan yang memperlihatkan persoalan wanita dari segi perspektif dan pemikiran penyair lelaki masih kurang dan sangat sukar untuk diperolehi. Tambahan pula, kajian kepengarangan yang menggunakan pendekatan feminism dalam penganalisan kajian juga sangat sukar ditemui. Oleh itu, dalam hal ini, pengkaji meneliti secara mendalam kesesuaian dan kebaikan dalam menjalankan kajian yang memperlihatkan perspektif penyair lelaki terhadap wanita melalui kepengarangan dalam karya sastera secara berlainan iaitu dengan membuktikannya menggunakan Teori Feminisme. Hal ini akan dapat disaksikan pada bab 3 yang akan menghuraikan metodologi kajian yang meliputi aspek rekabentuk kajian, kaedah, teori dan pendekatan bagi membantu analisis kajian pengkaji.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul, dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian dan merumuskan aspek kajian. Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi merupakan langkah yang sistematik dengan menggabungkan pendekatan kajian dan analisis data yang selari dengan peraturan yang ditetapkan sendiri untuk memastikan kelancaran terhadap penyelidikan sekaligus prestasi kajian dapat dicapai secara berkesan dan sempurna. Menerusi metodologi kajian, dapat menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Metodologi kajian bertujuan untuk membantu memahami dengan lebih luas dan terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses

kajian. Menerusi bab ini, metodologi kajian yang digunakan ialah reka bentuk kajian, kaedah kajian dan penerapan teori bagi membantu proses penganalisisan.

### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Rekabentuk kajian adalah diperlukan dalam pengkajian. Hal ini kerana penetapan reka bentuk terhadap sesuatu kajian akan memudahkan proses pengumpulan data dan maklumat serta melancarkan proses penganalisisan. Dalam reka bentuk kajian ini juga, akan menentukan bagaimana kajian dilakukan dan bagaimana data diperolehi dengan lebih jelas. Oleh itu, dalam kajian ini, reka bentuk kajian kualitatif telah menjadi asas bagi pengumpulan dan analisis data kajian.

#### **3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif**

Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah reka bentuk kualitatif. Reka bentuk kualitatif dipilih oleh pengkaji kerana pengkaji khususnya akan menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam sajak yang dikaji untuk melihat kepengarangan penyair lelaki iaitu Rahimidin Zahari dalam membicarakan perihal wanita dalam kumpulan sajaknya *“Ku Lukiskan Engkau Biru Dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* Menurut Bogdan dan Taylor (dalam Moleong, 2004: 4) menyatakan bahawa kaedah kualitatif dapat ditakrifkan sebagai prosedur atau langkah-langkah penelitian yang menghasilkan data deskriptif dalam bentuk kata-kata lisan atau tulisan samada dari orang yang berperilaku dan perilaku yang diperoleh dari keadaan sekelilingnya. Di bawah reka bentuk kualitatif ini, terdapat beberapa kaedah yang digunakan. Antaranya ialah, kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan, dan kaedah analisis teks, kaedah internet serta turut digunakan Teori Feminisme melalui pendekatan kritik feminis oleh Elaine Showalter (1986).

### 3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks

Melalui kaedah kajian analisis teks, pengkaji telah menganalisis Kumpulan Sajak *Ku Lukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* karya Rahimidin Zahari sebagai bahan utama kajian. Hal ini bagi mengenal pasti, menganalisis dan membincangkan aspek kajian pengkaji iaitu Kepengarangan Rahimidin Zahari melalui persepsinya terhadap wanita. Kumpulan Sajak ini diterbitkan pada tahun 2016 oleh Institusi Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dan mempunyai 96 halaman bercetak. Kumpulan sajak ini, merupakan puisi-puisi cintanya yang mengandungi kepengarangan yang sangat menarik dan mempunyai bait-bait nukilan yang indah tentang perihal cinta terhadap wanita, keluarga, persahabatan dan ketuhanan.

Namun, dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan perihal kepengarangan beliau melalui perihal cintanya terhadap wanita. Terdapat lebih kurang 11 sajak beliau dalam kumpulan sajak ini yang menyatakan persoalan wanita. Antaranya ialah, *Kusembunyikan Engkau Di Dalam Puisi, Rama-rama Dan Madu Bunga, Segengam Hati, Cintaku Padamu Anum, Bagaimanakah Cinta Bermula Dan Bagaimanakah Cinta Berakhir, Nur Afifah Husna, Potret Perempuan, Belajar Dari Kesukaran, Sajak Putih-untuk cikgu Ros, Kintamani dan Pada Goda.* Berdasarkan sajak-sajak inilah, penganalisisan terhadap kajian dilakukan yang mana pengkaji telah menganalisis intipati sajak yang menerangkan perihal wanita. Melalui hal ini, pengkaji akan melihat persepsi Rahimidin Zahari terhadap wanita dari segi penulisan dalam kepengarangannya dengan menerapkan Teori Feminisme melalui pendekatan kritik feminis terhadap analisis tersebut.

### 3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan satu kaedah bagi mengumpul segala data dan maklumat berkaitan topik kajian. Bagi kaedah ini, data boleh diperolehi

daripada pelbagai medium seperti teks kajian iaitu Kumpulan Sajak *Ku Lukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* karya Rahimidin Zahari. Selain itu, data turut diperolehi melalui bahan-bahan kepustakaan seperti buku, majalah, jurnal, tesis dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian misalnya dari aspek Teori Feminisme yang dikaji dan juga aspek kepengarangan dan ketokohan Rahimidin Zahari. Di samping itu, data turut diperolehi melalui laman sesawang dengan akses internet.

### **3.2.1.3 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang memerlukan pencarian data dan maklumat secara kepustakaan iaitu penelitian dan pembacaan terhadap bahan-bahan perpustakaan yang berkaitan dengan kajian. Dalam kajian ini, kaedah kajian kepustakaan dibuat oleh pengkaji dengan merujuk kepada segala bahan-bahan berbentuk buku, majalah, jurnal dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian. Bahan-bahan yang diperoleh adalah dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Pendidikan Sultan Idris serta Dewan Bahasa dan Pustaka dengan berhubung dengan pustakawan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan Kumpulan Sajak Sajak *Ku Lukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* karya Rahimidin Zahari.

### **3.2.1.4 Kaedah Internet**

Pengkaji juga menggunakan kaedah internet bagi mengenal pasti bahan-bahan kajian. Terdapat beberapa laman web yang pengkaji kunjungi untuk mendapatkan bahan-bahan kajian. Antaranya ialah laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, laman web Universiti Kebangsaan Malaysia dan laman web Universiti Malaysia Kelantan dan laman web Pustaka serta laman Web Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengkaji juga menggunakan internet untuk berhubung dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris

melalui email. Laman web-laman web ini digunakan oleh pengkaji untuk mencari maklumat-maklumat berkenaan kajian.

### **3.2.2 PENERAPAN TEORI**

Teori sangat berperanan penting dalam bidang kajian. Hal ini kerana dengan penerapan teori kajian dapat dikenal pasti dan dikesan analisisnya dengan lebih berkesan dan mendorong kepada hasil kajian yang menepati ketetapan terhadap sesuatu kajian. Menurut, Stanovich (1992), teori merupakan gabungan set konsep yang berhubungkait antara satu sama lain yang mana ianya digunakan bagi menerangkan maklumat dan data dalam meramal sesuatu data keputusan dalam kajian yang dilakukan. Sebagaimana kajian ini, yang akan menggunakan penerapan pendekatan kritik feminis kerana kaitannya dengan kajian pengkajian kepengarangan penyair lelaki terhadap perihal wanita dalam karyanya. Teori juga merupakan pernyataan yang menggambarkan hubungan antara dua perkara yang benar dengan bait-bait ayat yang seakan peraturan untuk membentuk pernyataan yang baru (Cohen R. 1987). Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Feminisme melalui pendekatan kritik feminis bagi penganalisisan data yang mana pada bab ini, teori ini akan diterangkan secara lebih terperinci.

#### **3.2.2.1 Teori Feminisme**

Pengkajian ini menggunakan Teori Feminisme bagi membantu penganalisisan kajian. Teori Feminisme diasaskan oleh Elaine Showalter pada tahun 1986. Teori ini menegakkan bahawa wanita tidaklah selemah yang dianggap oleh kaum lelaki serta memperjuangkan kesamarataan antara lelaki dan wanita. Elaine Showalter (1986), mengatakan bahawa gagasan pencetusan feminism adalah untuk memperjuangkan hak wanita dan meletakkan hak kesamarataan antara wanita dan lelaki yang sering dipandang rendah oleh lelaki. Menurut Nabila Ashriyanti (2019:4), kaum-kaum

perempuan pada zaman sebelum kedatangan Islam amatlah perit penderitaanya yang hanya dianggap sebagai pemuas nafsu kepada lelaki semata.

### 3.2.2.2 Pendekatan Kritik Feminis

Elaine Showalter turut membahagikan teori feminism ini kepada dua pendekatan. Pertama ialah pendekatan kritik feminis atau “feminist critique” mahupun “Feminist reading”. Pendekatan kritik feminis ini merupakan karya penulis lelaki yang menulis tentang perihal wanita. Keduanya ialah pendekatan ginokritik iaitu karya penulis wanita yang menulis tentang wanita. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kritik feminis iaitu bagi melihat kepengarangan pengarang lelaki terhadap wanita dalam karya. Pendekatan ini digunakan kerana apabila menyentuh berkenaan pandangan lelaki terhadap wanita yang dilihat adalah berkaitan aspek-aspek yang menindas keupayaan seseorang wanita. Oleh itu, kajian ini ingin menelusuri aspek pandangan lelaki terhadap wanita adakah benar sering ke arah pemikiran yang menindas dan merendahkan wanita semata. Prinsip kritik sastera feminis yang digunakan adalah kritik ideologis yang merupakan kritikan yang melihat pembaca perempuan dalam menafsir karya berkaitan wanita.

Di bawah pendekatan kritik feminis ini, terdapat empat prinsip utama iaitu biologi, psikologi, pengalaman dan sosial. Yenni Hayati (2012), menyatakan bahawa melalui prinsip biologi adalah perihal wanita dilihat melalui latar belakang mereka, gaya dan cara hidup sejak kecil yang diasuh dengan kelembutan yang mendorong kepada pemikiran lelaki dan pandangan lelaki yang memandang hal itu sebagai satu kelemahan. Bagi pinsip psikologi pula ialah pemikiran pengarang lelaki yang mengarang tentang wanita dan pemikiran pengkaji atau pembaca wanita yang melihat kepada kepengarangan penulis lelaki. Dalam hal ini, Suyono Suyatno (2012) mengatakan berlaku perlawanan

ideologi gender antara lelaki dan perempuan dengan lebih ketara dalam melihat personaliti wanita.

Seterusnya, bagi prinsip pengalaman ianya menyingkap pengalaman kisah hidup antara pembaca wanita dan penulis lelaki yang mana akan melihat wujudnya ‘bias’ berdasarkan pengalaman mereka dalam penulisan dan dalam mengkritik. Akhirnya, adalah prinsip sosial. Dalam prinsip ini, aspek yang dilihat adalah hubungan sekeliling dan keadaan sosial masyarakat secara keseluruhannya. Hal ini bermaksud pandangan lelaki terhadap wanita adalah berdasarkan perihal bagaimana masyarakat memandang kedudukan wanita. Misalnya dalam kedudukan politik dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini menerapkan prinsip-prinsip ini dalam penganalisisan kajian bagi memperolehi hasil kajian yang memberangsangkan.

### **3.3 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab ini telah merungkai dengan lebih jelas aspek kajian melalui rekabentuk, kaedah, teori dan pendekatan yang diterapkan pada bahagian analisis bagi memperolehi hasil yang memberangsangkan dan berkesan sebagai suatu kajian yang sempurna. Aspek-aspek yang terkandung dalam metodologi kajian ini jugalah yang menjadi tunggak utama kajian bagi memperolehi segala maklumat penting berkaitan kajian yang akan memudahkan proses penganalisisan kajian pengkaji yang dipaparkan pada bab yang seterusnya yang menerapkan pendekatan kritik feminis melalui empat prinsipnya sebagai hubungkait hasil analisis bagi aspek kepengarangan yang dikaji.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, aspek yang akan dibincangkan adalah berkaitan dapatan kajian iaitu hasil daripada kajian yang dilakukan terhadap teks kumpulan sajak-sajak cinta iaitu *Kulukiskan Engkau Biru Dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* karya Rahimidin Zahari. Bahagian ini akan memberi penjelasan yang lebih terperinci kepada ketokohan Rahimidin Zahari dan kepengarangannya terhadap wanita dalam sajak tersebut. Penganalisisan dengan penerapan Teori Feminisme melalui pendekatan kritik feminis akan dilakukan dengan meneliti empat aspek kritik feminis iaitu aspek biologi, aspek psikologi, aspek pengalaman, dan aspek sosial terhadap kepengarangan Rahimidin Zahari. Secara keseluruhannya, dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis tentang kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita dalam kumpulan sajak-sajak cinta melalui tema dan

menganalisis kepengarangan beliau terhadap wanita melalui persepsi dengan meneliti aspek-aspek pendekatan kritik feminis.

## 4.2 KETOKOHAN RAHIMIDIN ZAHARI

### 4.2.1 Latar Belakang Rahimidin Zahari

Rahimidin Zahari dilahirkan dalam keluarga Melayu Islam, di Becah Keranji, Peringat, Kota Bharu, Kelantan. Dilahirkan pada 28 Mac 1968 dan telah meninggal dunia pada 14 Mei 2015. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Becah Keranji. Seterusnya, menyambungkan pelajaran ke peringkat diploma dalam jurusan Pengurusan Seni di Universiti Malaya (UM) dan Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau pernah bertugas sebagai Pengurus Panggung Istana Budaya dan Editor Majalah Pentas serta dikenali sebagai penyair kerana kecenderungannya menghasilkan puisi.

Rahimidin Zahari dalam buku yang diselenggarakan oleh Mawar Safei (2015), telah melakarkan secebis pengalaman bermakna dalam hidup beliau, pada zaman persekolahan dengan meredah kebun getah dan batas sawah dalam perjalanan menuju ke sekolahnya dalam keadaan hujan sehingga kasut berselut terpaksa beliau berkaki ayam membungkus kaki dengan plastik sambil memegang payung. Menurutnya, itulah antara pengalaman yang menghasilkan memori indah saat kecilnya dan pengalaman yang membangkitkan semangatnya dalam menuntut ilmu. Menurutnya, adik-adiknya tidak mengalami pengalaman itu hanya dilalui oleh beliau dan abang sulungnya sahaja. Rutin harian beliau ketika zaman kecilnya adalah sebelah pagi pergi ke sekolah kebangsaan manakala sebelah petang pergi mengaji. Beliau mengaji al-Quran di sebuah madrasah pada setiap hari kecuali hari jumaat sampai khatam dengan gurunya iaitu Allahyarham Tuan Haji Muhammad Omar. Beliau juga menyatakan bahawa beliau tidak pernah belajar di sekolah agama mana-mana pun. Ciri-ciri islami yang terkandung

pada diri beliau yang mendorong beliau dalam menulis puisi-puisi Islam itu adalah kerana kehidupan beliau sejak kecil di kampung. Menurut beliau, kampungnya kuat dengan tradisi keagamaan. Madrasah dan surau di kampung beliau ketika itu sentiasa dipenuhi dengan aktiviti keagamaan seperti kuliah agama yang sering diikutinya.

Pada awalnya, beliau tidak pernah terfikir atau mempunyai keinginan untuk menjadi seorang penyair menurutnya, jadi orang sudah cukup baginya. Namun, beliau mempunyai sikap gemar membaca. Bahan bacaan beliau kebanyakannya menjurus kepada kitab-kitab jawi karya Tuan Tabal, Syeikh Daud Al-Fatani, Syeikh Wan Ahmad Fatani, Imam Al-Ghazali dan banyak lagi. Menurut beliau juga, semakin beliau membaca semakin beliau terasa fakir dan miskin pengetahuannya. Oleh itu, beliau meneruskan bacaan dan mengikuti pelbagai kuliah agama, tafsir al-Quran dan hadis di Kota Bharu ketika itu. Sehingga beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Universiti beliau mendaftarkan subjek minor “Pengajian Islam” kerana minat dan keperluan sebagai seorang Muslim untuk mendalami ilmu agama. Semakin beliau meneliti keindahan yang terkandung dalam ajaran Islam semakin kerdil beliau melihat dirinya sebagai hamba kepada Sang Pencipta. Perkara inilah banyak mempengaruhi karya penulisan beliau yang kebanyakannya berkonsepkan keagamaan dan ketuhanan.

#### **4.2.2 Penglibatan dan sumbangannya dalam bidang penulisan**

Rahimidin Zahari sememangnya telah terlibat dalam dunia penulisan sebagai penyair agak lama dan menghasilkan banyak karya-karya yang mengundang faedah melalui kesenian bahasanya yang mampu memberi manfaat untuk menyedarkan masyarakat masa kini dan masa hadapan tentang pergolakan dan perjuangan bangsanya (Dinsman, 2010). H. Rosidi Semail atau lebih dikenali sebagai Rossem merupakan seorang kartunis di Peringat, Kota Bharu, Kelantan dan juga merupakan sahabat kepada Allahyarham Rahimidin Zahari. Keakraban semakin jelas apabila Rahimidin sering singgah di Balai Kartun Rossem (BKR) setiap kali beliau balik cuti di

kampung Peringat. Setiap kali kunjungan, beliau akan menghadiahkan buku kumpulan puisi olehnya kepada sahabatnya itu. Ini merupakan sumbangan beliau dalam bidang penulisan dalam usaha beliau menjalankan sillaturrahim dengan sahabatnya juga menghadiahkan penulisan beliau sebagai tanda ingatan dan penghargaan kepada sahabatnya.

Menurut Rossem (2015), Rahimidin Zahari merupakan seorang penulis yang mempunyai sosok sasterawan budayawan yang hebat sering terpapar dalam majalah dan akhbar di laman ruangan sastera sekitar tahun akhir 1990an. Hampir keseluruhan puisi beliau banyak berkisar tentang kematian dan ketuhanan. Menurut Rossem, fokus utama Rahimidin sebagai penyair yang mengangkat budaya juga tidak dapat disangkal. Misalnya, melalui sajak beliau yang berjudul *Negeri Batang Pisang* dalam Antologi Puisi *Laut Tujuh Gelombang Buih* (2014). Dalam sajak ini, penyair menggambarkan sebuah negeri sepanjang batang pisang yang tiada sungai, tiada laut, tiada bumi, dan tiada langit. Menceritakan tentang kekuasaan yang dimiliki oleh seorang ketua dalam kebebasannya mentadbir negeri mengikut kemahuannya. Negeri yang dilambangkan sebagai bukan sebuah negeri demokrasi tetapi lebih kepada otokrasi. Menggambarkan tentang pergelutan dan huru-hara dalam sebuah negeri yang mempunyai peradaban baik dan buruk. Memaparkan kisah hidup manusia dan kemanusiaan. Puisi ini jika diteliti sangat memberi makna pada masyarakat dalam sindiran halusnya yang menempelak sikap pemimpin dan masyarakat secara penulisan. Dalam buku Kumpulan *Esei Budayawan Bertindak* yang diselenggarakan oleh Dinsman dan lain-lain (2010), A. Samad Said dalam penulisannya “*Menanti Aksi Dari Seniwan*” telah memetik nama Rahimidin Zahari sebagai penulis yang memberi sumbangan kepada masyarakat melalui kearifan bahasanya. A. Samad Said menulis:

“Saya berharap sasterawan seperti ..... .... .... dan penyair seperti ... .... Dan Rahimidin Zahari akan terus menghasilkan karya seni yang menghasilkan realitas gelora dan bara kehidupan masyarakat yang sebenar – menyisipkannya dengan kerdip kearifan seniwan secanggih-canggih pengucapan seni sehingga apa yang dipesan mereka melalui karyanya itu akan tetap berfaedah dan berseni.

Maksudnya, apa yang diwakilkan itu akan tetap bermanfaat untuk menyedarkan masyarakat pembaca masa kini (juga masa depan) bahawa himpunan khazanah yang dibekalkan itu adalah tinggalan khazanah kesedarannya tentang pergolakan dan perjuangan bangsa. ....”

A. Samad Said telah melakarkan nama Rahimidin Zahari sederet dengan nama-nama sasterawan dan penyair hebat lain di Malaysia yang telah banyak menyumbang kepada masyarakat melalui penulisan mereka. A. Samad Said turut menyatakan harapannya agar karya mereka yang seterusnya akan tetap membawa manfaat untuk menyedarkan masyarakat pembaca akan khazanah melalui penulisan tentang pergolakan dan perjuangan bangsa. Hal ini membuktikan bahawa penglibatan Rahimidin dalam bidang penulisan sangat banyak sehingga boleh dilakukan namanya oleh seorang sasterawan terkemuka dalam penulisannya. Penulisan Rahimidin Zahari digambarkan sebagai sumbangan dalam menyedarkan masyarakat.

Penglibatan Rahimidin dalam menulis puisi adalah bermula melalui minat beliau dengan dunia sastera. Beliau minat dan menekuni bidang agama dengan pembacaannya secara berterusan terhadap karya-karya Hafiz, Attar, Khayyam dan lain-lain karya penulis Islam. Dek kerana minatnya itu, dia lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam penulisan puisi yang berkonsepkan keislaman. Menurut Rahimidin melalui penulisannya dalam buku *Kreativiti Pengarang 3 Genre* yang diselenggarakan oleh Mawar Safei (2010:204), Rahimidin menyatakan bahawa ramai yang melabelkan beliau sebagai penulis puisi sufi tapi menurut beliau dia tidak merasakan bahawa puisinya itu sebagai puisi sufi akan tetapi lebih wajar dikatakan puisi Islam kerana menurutnya sastera sufi adalah merupakan bait-bait bahasa indah yang disajikan hanya kepada Sang pencipta bukan untuk dibanggakan atau dipertandingkan dan dibandingkan oleh khalayak. Oleh itu, hal inilah yang mendorong Rahimidin untuk melibatkan diri dalam dunia penulisan sastera dengan lebih memfokuskan kepada sastera islami sehinggalah akhir hayatnya sajak beliau masih menjadi sumbangan dalam membuka mata

masyarakat tentang agama yang merupakan tunggak utama dalam kehidupan dunia untuk menuju ke kehidupan akhirat.

#### **4.2.3 Anugerah yang diperolehi**

Sepanjang penglibatan Rahimidin Zahari dalam bidang penulisan sastera sememangnya pencapaian beliau sangat dikagumi ramai orang samada para sasterawan, para penyair mahupun masyarakat waima pengkaji sendiri kagum dengan bakat penulisan dan penyampaian bahasa dalam penulisan puisi beliau khususnya kumpulan puisi yang pengkaji kaji dan banyak anugerah yang diperoleh olehnya. Dalam buku *Kreativiti Pengarang 3 Genre* yang diselenggarakan oleh Mawar Safei (2010), Rahimidin telah menyatakan bahawa penglibatan beliau dalam bidang sastera ini adalah kerana kerakusan beliau dalam membaca iaitu minat dalam bidang tersebut sehingga beliau secara sendirinya minat menulis tentang pengalamannya dan tentang persekitarannya. Minatnya ini, bukanlah kerana hendak mengejar populariti sehingga ditabalkan sebagai juara itu dan ini cuma dalam minat itu terselit penghargaan yang disajikan yang diterimanya seikhlas hati. Namun, bukanlah untuk membangga diri kerana beliau sentiasa sedar tiada yang lebih ilmunya dan kuasanya melainkan hanya Allah SWT jualah. Sedang kita sebagai manusia selagi termampu haruslah mengejar ilmu-ilmu sehingga kita dekat dengan Pencipta dan hingga kembali ke sisi Nya.

Rahimidin telah menulis banyak genre sastera khususnya puisi dan cerpen. Beliau telah memenangi banyak anugerah sepanjang penglibatannya sebagai seorang penulis di peringkat kebangsaan. Antaranya ialah Hadiah Penulis Muda Terbaik Cerpen Esso-Gapena, Hadiah Puisi Kebangsaan Esso-Gapena, Hadiah Puisi Kebangsaan Shapadu-Gapena, Anugera Sastera Islam Darul Imam, Hadiah Puisi Islam Yayasan Pelajar, Hadiah Sastera Kelantan, dan Hadiah Urtusan Exxon-mobil, Hadiah Sastera Perdana, serta Anugerah Penghargaan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) 2013 dan banyak lagi anugerah yang telah diraih oleh Rahimidin sebagai seorang

penyair terkemuka negara. Seterusnya, tidak lupa juga bahawa beliau pernah mewakili negara dalam pelbagai program dalam dan luar negara. Antaranya ialah, Second Asean Writrs Conference (1995), Festival Istiqlal (1995), tidak lupa juga program yang diajurkan oleh UNESCO pada tahun 2005 iaitu program International World Theatre Congres. Selain itu, beliau juga pernah menghadiri Program Penataran MASTERA (2006), dan pernah mewakili negara ke Korea dalam Korea-Asean Poets Literature Festival (2010), dan mewakili negara ke Bangkok, Thailand (2011), melalui "The Makyung Spiritual Dance Heritage: Seminar And Performances. Di samping itu, beliau juga pernah menjelaki Chongqing, China pada tahun 2011, bagi menghadiri "1<sup>st</sup> Asian Theatre Professional Congress serta mewakili negara ke program "ASEAN-KOREA Culture and Arts Forum pada tahun 2012. Buku beliau pernah dilancarkan di peringkat antarabangsa iaitu buku "Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia" (ITNM, 2010) yang telah dilancarkan di Frankfurt International Book Fair pada tahun 2010 bersama-sama dengan buku Wayang Kulit: Shadow Play the Folk of the Malay Archipelago (ITBM, 2013). Secara keseluruhannya, banyak anugerah dan pencapaian Rahimdin Zahari dalam bidang sastera ini. Hal ini membuktikan keaktifan beliau sepanjang hidupnya dalam bidang penulisan sememangnya tidak dapat berpisah kerana minat itulah yang menjadikan beliau sebagai seorang penyair terkemuka negara bukan sahaja ketika masa hidupnya, tapi juga ketika ini disaat dia sudah kembali kepada Sang Pencipta karya-karya yang pernah ditulis olehnya masih menjadi seakan wasiat dirinya kepada masyarakat dan kepada orang yang disayanginya. Karya-karyanya masih boleh ditatap dan dinikmati oleh masyarakat umum melewati indah bahasa dan cantik aturan penulisannya yang melirikkan lagu indah dalam jiwa pembaca yang menghayati karyanya.

#### 4.2.4 Keaktifan Rahimidin Zahari sebagai penulis dan jumlah sajaknya.

Rahimidin Zahari merupakan seorang penyair yang terkenal dengan penghasilan puisi-puisi islami atau kerohanian yang dicipta dan dikarang olehnya. Karya-karya beliau sememangnya telah mengangkat beliau sebagai seorang penyair dan penulis puisi yang hebat sehingga ke satu tahap yang mengapungkan kebanggaan terhadap karya-karya yang dihasilkannya. Sekiranya, menelusuri bait-bait puisi beliau, sememangnya berkait rapat dengan kehidupan dan hal-hal yang ada dalam dirinya yang berkonsepkan ketuhanan dan kematian.

Rahimidin semasa hidupnya sangat aktif dalam bidang penulisan khususnya puisi. Keaktifan beliau terlihat pada tahun 1991 sehingga tahun 2015. Sepanjang 24 tahun keaktifan beliau dalam bidang penulisan pelbagai anugerah dan pengalaman sebagai penulis telah dilalui oleh beliau dalam dunia kesusasteraan ini. Keaktifan beliau jelas tergambar apabila beliau telah mempunyai banyak karya-karya penulisan hasil ciptaannya. Beliau telah menghasilkan 11 buah buku kumpulan puisi yang telah diterbitkan. Puisi terawal beliau bermula dari *Lakaran Kampung* iaitu kumpulan puisi yang pertama (1987), seterusnya *Sekepal Tanah* (1995), *Matahari Berdoa* (1998), *Di Kebun Khatulistiwa* (2005), *Aksara* (2009), *Perjalanan Salik* (2009), *Rawana* (2011), *Perahu Fansuri* (2011), *Bayang Beringin* (2013), *Laut Tujuh Gelombang Buih* (2014) sehinggalah *Kulukiskan Engkau Biru Dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* (2016). Beliau turut menghasilkan 20 buah buku secara penulisan perseorangan dan lebih 60 buah buku secara berkumpulan bersama penulis lain. Antaranya ialah, Pewaris sebuah novel *Fajar Bakti* (1995), *Cempaka Putih* yang merupakan kumpulan cerpen diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1994, *Muzikal Puteri Hang Lipo dan Suzana@60* dua drama yang dipentaskan di Istana Budaya pada tahun 2006, *Zamok Iz Peska* (Istana Pasir) merupakan kumpulan puisi dwibahasa Russia-Melayu yang diselenggarakan serta diterjemahkan oleh Victor A. Pogadaev dari Moscow pada tahun 2007. Buku-buku karya penulisan beliau ini telah

diterjemahkan dalam bahaa yang pelbagai seperti bahasa Ingeris, Rusia, Portugis, Arab, Thailand dan Korea. Hal ini telah membuktikan keaktifan beliau dalam penulisan bukan sahaja meliputi dalam negara tetapi juga luar negara.

Seterusnya antara karya beliau yang dihasilkan bersama rakan penulis adalah Orang Perjuangan yang merupakan antologi drama yang diselenggarakan oleh Rahimdin Zahari dan Shamsudin Othman serta diterbitkan oleh Ilmu Bakti pada tahun 2009. Selain itu, Penulisan Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia diselenggarakan oleh Rahimdin Zahari dan Sutung Umar dan diterbitkan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (2010) begitu juga dengan terjemahan dalam bahasa Melayu. Rahimdin bersama Shamsudin Othman juga telah menghasilkan penulisan Pengakuan Penyair yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2012. Disamping itu, buku Melangkau Jambatan Kedua: Cerpen Terpilih Malaysia-Singapura yang diselenggarakan oleh Rahimdin Zahari da Kartini Anwar yang diterbitkan oleh ITBM pada tahun 2012. Buku lain adalah seperti, Cikgu Shahnon Di Mata Kami (2013), dan Antologi Cerpen Malaysia-Indonesia (2013). Secara keseluruhannya, Rahimdin sememangnya penulis terkemuka negara dengan keaktifannya sepanjang hayat hidupnya serta sumbangannya yang banyak kepada negara dan masyarakat serta dalam bidang kesusastraan sememangnya tidak dapat disangkalkan melalui banyaknya anugerah dan pencapaian beliau sepanjang bergelar penulis dan banyaknya karya-karya yang memberi impak kepada minda pengkaji dan pembaca dalam menghayati penulisannya yang begitu bermakna dan terasa dekat dengan diri kerana konsep keislaman, manusia dan kemanusiaan yang ditonjolkan dalam karya beliau menjadikan beliau seorang yang hebat dalam dunia sastera bukan sahaja di dalam negar tetapi juga dipersada dunia dan antarabangsa.

#### 4.3 KEPENGARANGAN RAHIMIDIN ZAHARI MELALUI TEMA DALAM SAJAK-SAJAK CINTANYA.

##### 4.3.1 Keagungan cinta lelaki terhadap wanita

Sajak-sajak cinta Rahimdin Zahari sememangnya kaya dengan bait-bait yang memperlihatkan makna kecintaan seorang lelaki terhadap wanita samada kekasih, sahabat mahupun isteri. Keagungan cinta lelaki terhadap wanita dapat ditangkap sebagai tema utama dalam kumpulan sajak cinta *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* Oleh itu, seakan tidak lengkap sekiranya tidak memerikan definisi atau makna disebalik perkataan agung mahupun keagungan itu terlebih dahulu, sebelum merungkai kepengarangan Rahimdin Zahari dalam kumpulan sajak cintanya.

Menurut Kamus Dewan (2015:16), agung bermaksud terutama, paling besar, dan teristimewa. Manakala, keagungan bermaksud kebesaran, kemuliaan, dan ketinggian. Menelusuri definisi ini, dapat dirungkaikan bahawa dalam sajak-sajak cinta Rahimdin Zahari ini, keagungan merupakan gambaran sifat kemuliaan, kebesaran dan ketinggian cinta seorang lelaki terhadap wanita. Sternberg (Feriyani & Fitri, 2011), mendefinisikan cinta sebagai suatu bentuk emosi yang wujud dalam diri individu terhadap individu yang lain dek rangsangan ketertarikan dan tumpuan yang membuatkan wujudnya perasaan kasih dan suka dalam diri individu terhadap individu lainnya, sehingga ingin menjalinkan hubungan istimewa bersama individu tersebut. Jalinan hubungan romantis melalui persepsi cinta yang dimiliki oleh sebuah pasangan akan mendorong mereka untuk mempertahankan hubungan yang dijalankan serta mendorong kepada keinginan untuk melakukan yang terbaik dalam perhubungan. Oleh itu, keagungan cinta seorang lelaki terhadap wanita boleh dimaknakan sebagai kebesaran kasih sayang seorang lelaki terhadap wanita yang sentiasa memberikan yang terbaik dalam perhubungan dan sentiasa menghargai wanita yang dikasihinya sehingga

akhir hayatnya. Perihal ini jelas digambarkan dalam kumpulan sajak cinta Rahimidin Zahari.

Rahimidin Zahari dapat dilihat sebagai watak lelaki yang terkandung di dalam sajak yang dihasilkannya. Tema keagungan cinta seorang lelaki terhadap wanita dalam kumpulan sajak-sajak cintanya, sangat jelas menggambarkan bahawa beliau merupakan identiti watak yang dilakarkan dengan begitu indah peribadinya dalam mencintai wanita yang amat disayanginya. Menurut Ridzuan Harun (2013), menyatakan bahawa "Rahimidin dalam kumpulan sajak cinta ini telah melakarkan warna-warna cinta dari dalam dirinya yang disusunnya membentuk puisi cinta antara kasih dan kekasih juga antara wanita dan simpang siurnya". Hal ini memberi penjelasan bahawa kisah cinta yang dipalitkan dalam sajaknya adalah berkait dengan dirinya dalam meluahkan perasaan cinta yang terpendam dilubuk hatinya yang paling dalam. Kadang tidak boleh ditebak oleh sesiapa tentang makna indah puisinya. Namun, masih boleh menikmati dan menghayati serta membenihkan daya fikiran sendiri dalam menilai dan memahami makna disebalik puisi.

Puisi cinta Rahimidin Zahari sememangnya memberi gambaran keagungan cinta terhadap wanita sehingga cinta di tangan Rahimidin boleh mempesona para pembaca puisinya sekiranya diamati maka tidak akan ingin lepas dalam angan dan bayang keagungan cinta yang digambarkan dalam puisinya itu (Ridzuan Harun, ITBM, 2013). Terdapat beberapa puisi beliau di dalam kumpulan puisi yang dikaji menggambarkan keagungan cinta lelaki terhadap wanita. Puisi pertama dapat dilihat pada petikan sajak di bawah:

Kerana terlalu rindu aku diam  
memandang kabus dingin  
mengepung kintamani;  
setompok awan, bukit berbalam  
dengan tasik kebiruan  
namamu bertahun kutuliskan  
di hati dan tak mungkin terpadam.

(Kintamani, 2007, hlm 7)

Puisi Kintamani mengambarkan perasaan rindu seorang kekasih kepada kekasihnya yang sedang berjauhan. Keagungan cintanya memanggil memori dan rindunya untuk mengingati wanita atau kekasih yang dicintainya sehingga akhir hayatnya digambarkan melalui perkataan “tak mungkin terpadam” dalam baris ke 7 dalam sajak di atas. Melalui sajak ini, penyair telah meletakkan ayat yang mudah difahami oleh pembaca. Namun, keindahan bahasa sangat menyentuh jiwa. Melalui sajak ini dapat ditangkap tema keagungan cinta wujud dalam diri sebenar penyair. Penyair seakan menggambarkan dirinya yang sedang berjauhan dengan isterinya. Kebiasaan kerana urusan kerja ke luar negara atau negeri yang menyukarkan mereka untuk kerap bertemu lalu membuatkan rasa rindu yang diluahkan oleh penyair dalam bait-bait lukisan puisinya. Sebagai lambang kesetiaan cintanya kepada insan yang dicintai.

Selain itu, melalui sajak *Segenggam Hati*, bait-bait ayat yang dinukilkhan oleh Rahimidin Zahari dalam sajak tersebut jelas memancarkan keagungan cinta seorang suami terhadap isteri dan anak-anaknya yang tiada tandingan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan sajak di bawah:

Kusimpan segenggam  
hatiku di dalam  
almari baju,  
tak siapa tahu  
termasuk isteriku  
bahawa aku pergi  
dan kembali  
sabtu hari  
tanpa hati.

Kupesankan  
untuk isteri,  
katakanlah kepada  
anak-anak kita  
sekiranya  
aku telah tiada  
bahawa hatiku ini  
tidak pernah  
kubelah dua.

(*Segenggam Hati*, 2007, hlm 11)

Petikan sajak di atas, menggambarkan luahan perasaan yang lahir dalam diri seorang lelaki melalui pengalaman, hati dan jiwa yang memendam rasa kasih yang begitu indah dan romantis terhadap wanita. Pengalaman merupakan aspek kepengarangan yang digarap oleh penyair dalam sajak ini, sehingga membabitkan penceritaan yang begitu mendalam melalui penggunaan susunan perkataan yang estetik dan dramatis. Meneliti rangkap pertama sajak ini, ianya menceriterakan gambaran seorang suami yang memendam suatu perasaan atau rahsia yang tidak ingin diceritakan kepada sesiapapun termasuklah isterinya. Perkataan “segenggam hati” dalam bait sajak memberi petunjuk kepada pembaca tentang sesuatu yang disingkapkan sebagai rahsia mahupun sesuatu yang sukar untuk diluahkan kepada orang yang dikasihi. Misalnya, seorang suami yang sakit dan mengetahui bahawa hidupnya semakin singkat namun, sukar untuk diluahkan kepada sesiapapun.

Seterusnya, pada rangkap kedua, kepengarangan penyair dapat dilihat melalui kebijaksanaan penyair yang bermain dengan emosi pembaca melalui unsur kesedihan yang diselitkan. Pada rangkap ini, penyair mewarnakan puisi dengan realiti kehidupan manusia yang mana setiap manusia akan merasai mati dan akan mengalami kehilangan orang yang disayangi dalam hidupnya. Rangkap ini menonjolkan keagungan cinta seorang suami terhadap isteri dan anak-anaknya yang tetap teguh dan tidak berbelah bahagi sehinggalah akhir hayatnya rasa kasih dan sayang itu kekal menjadi memori indah yang akan dibawa bersama pemergiannya.

Sajak seterusnya yang menampilkan tema keagungan cinta lelaki terhadap wanita dalam kumpulan sajak cinta oleh Rahimidin Zahari adalah sajak *Sajak Putih – untuk cikgu Ros*. Sajak ini menggambarkan keagungan cinta seorang suami kepada isterinya dan seorang isteri kepada suaminya. Perasaan kasih yang sama-sama dialami oleh suami dan isteri dalam melalui bahtera rumah tangga melahirkan babit-babit kebahagiaan yang sangat bermakna. Perkara ini boleh dilihat dalam petikan di bawah:

Empat kuntum bunga hati  
adalah bukti cinta kita  
aku selalu percaya  
pada keagungan cinta  
bersatu dalam nafas dan darah.

(*Sajak Putih*-buat cikgu Ros, 2006, hlm 44)

*Sajak Putih* ini adalah salah satu sajak yang sangat jelas dinukilkkan oleh Rahimidin Zahari berdasarkan pengalaman dan kisah hidupnya. Sajak ini seolah-olah khas buat isterinya yang tercinta. Rasa cinta begitu dalam dirasai oleh Rahimidin diluahkan dalam puisinya yang begitu indah dengan keharuman cintanya kepada isterinya. Hal ini kerana telah disisipkan pada tajuk sajak bahawa sajak ini buat cikgu Ros. Oleh itu, boleh ditafsirkan bahawa cikgu Ros yang dimaksudkan ialah isterinya iaitu Rosliza Zakaria. Manakala, perkataan “empat kuntum bunga hati” membawa maksud empat orang anak beliau bersama isterinya yang menjadi bukti cinta Rahimidin dan cikgu Ros. Keagungan cinta ini digambarkan akan berterusan hingga ke akhir hayat mereka melalui perkataan “aku selalu percaya keagungan cinta bersatu dalam nafas dan darah”. Hal ini menjelaskan bahawa kepengarangan penyair mahupun pengarang sememangnya tidak dipisahkan dengan pengalaman sepanjang kehidupan mereka yang telah menjadi janaan idea dalam kehidupan sebenar mereka dalam mencipta sesebuah karya yang menonjolkan keunggulan karya tersebut (Ghazali Din & dll, 2020).

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa tema keagungan cinta lelaki terhadap wanita jelas digambarkan oleh Rahimidin dalam sajak *Kintamani*, *Segenggam Hati*, dan *Sajak Putih*. Jika diteliti sajak-sajak tersebut dapat dikaitkan dengan realiti kehidupan Rahimidin Zahari kerana sajak-sajak tersebut seolah-olah menggambarkan perasaan cintanya terhadap isterinya. Keagungan cinta beliau terhadap isterinya dalam kehidupan sebenar dipatrikan olehnya dalam bait-bait ciptaan puisinya yang indah menjadikan kepengarangannya terlihat unggul dan menarik. Mana Sikana (2013:230), turut menyatakan bahawa pengalaman yang dilalui memiliki roh dengan hasil kreativiti pengarang dalam penulisan. Sekiranya pengalaman yang dilalui adalah unggul maka

akan lahirlah penulisan teks yang unggul. Begitu juga sekiranya pengalaman yang kurang unggul maka kekeringan dalam penulisan akan berlaku. Dalam hal ini, sajak hasil ciptaan Rahimidin ini boleh dikatakan unggul kerana pengarang mempunyai kreativiti yang diolah bersama pengalaman berbekalkan bakat dan keintelektualannya dalam proses penghasilan puisi maka terhasilah puisi-puisi yang begitu indah dengan corak kepengarangan yang begitu menarik. Oleh itu, kepengarangan Rahimidin Zahari melalui tema keagungan cinta seorang lelaki terhadap wanita sangat jelas ditampilkan dalam sajak *Kintamani*, *Segenggam Hati* dan *Sajak Putih* melalui tarikan terhadap emosi pembaca dan pengalaman peribadi serta pengalaman penyair dalam melihat kehidupan realiti umat manusia sehingga membolehkan beliau menampilkan sebuah sajak yang begitu indah dan mendalam maknanya.

#### **4.3.2 Pengorbanan dalam berumah tangga**

Rumah tangga adalah tempat yang melahirkan masyarakat yang baik berkat keluarga yang sakinah. Keluarga yang sakinah dalam Islam haruslah berasaskan kasih-sayang dalam ahli keluarganya. Kasih dan sayang antara suami dan isteri seharusnya dapat disalurkan kepada anak-anak sekaligus membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni (Nur Rofiah, 2017:32). Menurut Kamus Dewan (2017), berumah tangga membawa maksud perihal kehidupan yang terkandung dalam rumah yang didiami oleh ahlinya seperti suami isteri, ibu bapa dan anak-anak meliputi aspek pengurusan dalam rumah dan pengurusan pendapatan. Dalam hal ini, berumah tangga boleh dijelaskan sebagai pengurusan rumah yang dilakukan oleh ahli dalam rumah bagi menentukan perjalanan kehidupan rumah tersebut sentiasa berkeadaan baik. Bagi memastikan keadaan dalam rumah tangga sentiasa baik aspek yang sangat dipentingkan adalah pengorbanan dalam berumah tangga.

Misalnya, pengorbanan suami mencari rezeki bagi menanggung pendapatan keluarga dan perlu bijak dalam menguruskan rumah tangga. Suami dan isteri juga perlu

bertoleransi dalam menyelesaikan masalah (Mailod Latuny, 2012). Melalui pengorbanan inilah aspek kasih dan sayang sangat diperlukan. Hal ini kerana tanpa perasaan kasih dan sayang dalam ahli keluarga terutama suami dan isteri, maka masalah tidak akan dapat diatasi dengan baik. Pengorbanan merupakan kesanggupan dalam menanggung segala beban dan ujian yang mendatang dalam rumah tangga sebagai tanda kebaktian serta penghargaan sesama ahli keluarga bagi memperolehi kebahagiaan (Kamus Dewan, 2017). Dalam hubungan kekeluargaan penghargaan dan pengorbanan adalah hal yang saling bertukar dan saling memberi dan menerima (DeVito, 2014). Hal ini adalah bagi menjamin sebuah keluarga yang sakinah.

Seterusnya, kembali kepada aspek kepengarangan Rahimidin Zahari dalam kumpulan sajaknya, tema pengorbanan dalam berumah tangga ini dapat ditangkap pada beberapa buah puisi beliau. Puisi yang pertama adalah puisi *Belajar Dari Kesukaran* dalam petikan sajak di bawah:

Sempurnakah perempuan dengan memusuhi lelaki?  
Dan bahagiakah lelaki yang mendendami perempuan?  
Kita saling memerlukan, cuma waktu kesalahan masalalu,  
Dan tingginya keegoan telah meletakkan  
Manusia untuk berada di luar perhitungan.  
Kau renunglah kembali dengan pertimbangan akal  
Bagaimana kebesaran Tuhan menemukan cinta  
Ayah dan ibu pastinya Adam dan Hawa  
Datuk dan nenek kita di pusat dunia,  
Belajarlah dari kesukaran untuk melihat masa depan.  
*(Belajar Dari Kesukaran, 2006, hlm 41)*

Sajak ini, menjelaskan tentang keperluan pengorbanan dalam menjalani kehidupan berumah tangga. Dalam berumah tangga perempuan dan lelaki yakni suami dan isteri harus saling memahami dan berkorban dalam cubaan memahami tersebut. Hal ini mungkin dalam konteks masa yang diluangkan adalah kurang antara suami dan isteri asbab daripada kerja yang perlu dilakukan bagi menampung keluarga dan sebagainya. Merujuk kepada sajak dalam baris 1 hingga 4, pengarang menjelaskan bahawa antara lelaki dan perempuan tidak seharusnya saling memusuhi. Perasaan ego dalam perhubungan juga harus diketepikan agar segala kesukaran dapat dijalani

dengan baik. Ego yang tinggi mungkin boleh menyebabkan berlakukan perkara yang buruk dalam sesebuah perhubungan. Seterusnya, pada baris 5 hingga 9, pengarang menyelitkan teguran dan nasihat kepada masyarakat pembaca agar menggunakan akal yang dikurniakan oleh Tuhan dengan baik dalam merenung ciptaan pencipta dalam menyatukan hubungan pasangan. Pengarang turut menasihati masyarakat pembaca agar menjadikan ujian sebagai sesuatu iktibar yang boleh diperbaiki agar masa depan dapat menjadi lebih baik dan lebih bahagia. Melalui sajak ini, jelas menampilkan kebijaksanaan penyair dalam mengarang puisi dengan menyelitkan unsur nasihat yang sangat relevan dalam masa kini dan masa akan datang. Dalam menjalani bahtera berumah tangga misalnya, banyak cabaran dan dugaan yang akan dihadapi oleh pasangan suami dan isteri dalam mengurus anak-anak dan sebagainya. Maka dari itu, pengorbanan kedua-dua pihak seharusnya bergerak seiring bagi membentuk kebahagiaan dalam keluarga.

Menyentuh semula perihal perihal kepenggarangan Rahimidin bagi sajak *Belajar Dari kesukaran*, dapat dilihat bahawa kebijaksanaan Rahimidin dalam melihat persekitaran masyarakat yang sering berlaku dalam rumah tangga dan perselisihan antara lelaki dan perempuan dengan menjadikan masalah-masalah sebagai garapan idea dalam menghasilkan puisi ini yang bersifat kolektif iaitu secara bersama boleh diambil pengajaran dan nasihat sebagaimana yang terlakar dalam puisi tersebut.

Selain itu, terdapat juga kepenggarangan penyair melalui tema pengorbanan dalam berumah tangga ini melalui sajaknya yang lain iaitu sajak *Rama-rama Dan Madu Bunga*. Dalam sajak ini, dapat diteliti oleh pengkaji bahawa pengarang meletakkan pengorbanan isteri dalam menjalani bahtera rumah tangga. Perihal ini dilakarkan dalam petikan sajak di bawah:

Kubaca aksara yang tertulis di sayap rama-rama;  
Segala kisahnya yang jauh dari kepompong,  
Pucuk pohon, debu-debu dirinya yang memutih  
Membuat kepak lalu menumbuhkan sayap,  
Rama-rama dan madu bunga diejek helang sewah  
Dan burung apa sahaja yang menantinya  
Dengan paruh maut sehingga muncullah anak

Yang nakalnya luar biasa itu, diperangkapnya  
Ke dalam jaring dan ditusuknya peniti.

(*Rama-rama Dan Madu Bunga*, 2007, hlm 9)

Perkataan “rama-rama” melambangkan watak wanita dalam menjalani kehidupan berumah tangga. Apabila seorang wanita sudah berkahwin maka dia sudah jauh dari pangkuhan ibu dan ayahnya dan hidupnya lebih kepada pengurusan suami dan rumah tangga. Perkara ini boleh diteliti pada baris 1 hingga 4. Baris tersebut menurut kefahaman pengkaji, menceritakan pengorbanan seorang wanita yang bergelar isteri apabila dalam hidupnya diuji dengan orang ketiga antara hubungannya dengan suaminya. Perkataan “madu bunga” dalam sajak boleh ditafsirkan sebagai isteri kedua. Kehidupan berpoligami dapat dikaitkan dengan perihal sajak ini. Penyair menggunakan rama-rama dan madu bunga untuk melambangkan dua orang wanita yang menjadi isteri kepada seorang lelaki yang sama. Manakala, baris 5 hingga 9 pula, menggambarkan sikap masyarakat yang sering mengejek dan memandang enteng, selalu mengata sehingga kadang boleh mendatangkan mudarat kepada rumah tangga orang lain. Perihal ini, memperlihatkan pengorbanan dua orang isteri yang terpaksa berkongsi kasih dengan seorang suami dalam menerima pelbagai kecaman masyarakat terhadap mereka sehingga perkara itu sampai ke kemuncaknya dengan sendirinya.

Memandang dari segi kepengarangan Rahimidin dalam sajak *Belajar Dari Kesukaran dan Rama-rama Dan Madu Bunga*, sememangnya menampilkan tema pengorbanan dalam berumah tangga. Setiap insan yang mendirikan rumah tangga akan mengimpikan segalanya yang indah-indah ketika mana bercinta sebelum bernikah. Namun, kehidupan selepas bernikah bukanlah semuanya adalah indah-indah seperti mana mimpi di malam hari. Hakikatnya, pelbagai cabaran yang memerlukan pengorbanan dalam perhubungan untuk kecapi nikmat kebahagiaan dalam berumah tangga. Perihal inilah yang ditampilkan oleh Rahimidin Zahari dalam sajak-sajak cintanya. Cinta jika dilihat dari aspek perkataan dan ungkapannya sangat diimpikan dan diangankan ramai orang. Namun, apabila melaluinya pelbagai kepedihan bahkan ramai

juga yang kecundang dalam percintaan jika tidak mempunyai kesefahaman dan ketetapan hati terhadap satu dengan yang lain. Oleh itu, dalam kepengarangan melalui tema ini, penyair telah memuatkan unsur kealaman secara perbandingan realiti kehidupan manusia secara personifikasi. Keindahan bahasa yang digarap oleh pengarang telah membuatkan pembaca menikmati keindahan yang dizahirkan dengan penggunaan diksi dan makna yang kemas tersusun dalam wacana yang mantap dengan ideanya serta memberi mesej kepada masyarakat pembaca yang cukup menampung estetik puitik (Ridzuan Harun, ITBM, 2013).

#### **4.3.3 Wanita sebagai sumber inspirasi lelaki**

Wanita sememangnya aspek yang dilihat menjadi tumpuan dan keutamaan dalam kumpulan sajak-sajak cinta Rahimidin. Kebanyakkan puisinya ditujukan kepada isterinya, dan anaknya serta cetusan idea daripada kisah hikayat yang memperihalkan tentang wanita. Oleh itu, terdapat beberapa buah sajak yang diilhamkan oleh penyair dapat dilihat inspirasi daripada gambaran seorang wanita dan wanita-wanita yang wujud dalam kehidupannya secara peribadi ataupun secara pengetahuannya dan pengalamannya. Wanita mempunyai keunikan tersendiri pada gaya dan gerak badannya yang lemah lembut dan sopan santun menjadikan mereka terlihat feminin. Hal ini menjadi tarikan kepada pengkarya lelaki dalam melakarkan perihal kewanitaan dalam karya mereka (Ravi Wicaksana & Eko Oemar Basuki, 2019:61). Wanita juga sering dijadikan objek yang dibicarakan oleh kaum lelaki dengan pelbagai cara dan matlamat (Norhayati Abdul Rahman, 2012).

Menurut Kamus Dewan (2017), inspirasi adalah sesuatu yang menggerakkan hati dalam mencipta sesuatu ilham. Setiap pengarang semestinya mempunyai idea-idea utama sebelum mencipta sesuatu karya. Idea boleh terbentuk pada bila-bila masa sahaja tak kira tempat dan dari siapa datangnya janaan idea itu. Idea yang menjadi inspirasi penyair dalam menghasilkan puisi kebiasaannya dari pengalaman peribadi dan kejadian-kejadian di persekitarannya serta kediamannya. Berkait dengan perihal wanita dalam karya penyair ini, inspirasi idea tersebut boleh sahaja tercipta kerana penyair

mengagumi sosok keperibadian wanita yang kelihatan lemah lembut dan feminin. Selain itu, karya lain tentang wanita juga boleh menjadi idea kepada penyair dalam menulis sesuatu puisi dengan kebebasan memilih sesuatu cerita sedia ada atau karya sedia ada diolah menjadi pembentukan proses yang tersendiri dengan gaya kepengarangan yang tersendiri melalui penggunaan idea yang sedia ada untuk diaplikasikan dalam penulisan puisi (Ravi Wicaksana & Eko Oemar Basuki, 2019:62). Oleh itu, penghasilan sesuatu karya akan terlihat indah dan mudah dimaknakan oleh pembacanya dengan mengamati aspek-aspek idea dan meneliti kepengarangan yang diterapkan oleh pengarang maupun penyair dalam sebuah puisi yang mereka hasilkan.

Dalam konteks tema bagi kepengarangan oleh Rahimidin Zahari ini, wanita bukan sahaja sebagai sumber inspirasi Rahimidin dalam menghasilkan karya. Bahkan, wanita diperihalkan dalam sajaknya sebagai kekuatan dan semangat kepada lelaki dalam melakukan sesuatu tindakan dan dalam meneruskan kehidupan. Perihal ini dicoretkan dalam sajak *Cintaku Padamu Anum* seperti dalam petikan di bawah:

Cintaku padamu, Anum mahal sekali  
Kupertaruhkan nyawa untuk raja dan negeri.  
Apabila titah raja membelah perutmu, Anum  
Fahamlah aku taat setiaku lebih murah  
Dari harga seulas nangka.  
Cintaku padamu, Anum akan kubuktikan  
Dengan titisan darah raja;  
Ketika jumaat yang mulia  
Ketika matahari remang di langit  
Ketika itulah kerisku  
Akan memaknakan  
Cinta kita, Anum.

(Cintaku Padamu, Anum, 2010, hlm 21)

Sajak di atas memperlihatkan gambaran idea yang diambil oleh Rahimidin Zahari daripada kisah Megat Seri Rama dan Dang Anum. Menurut Rahimidin dalam penulisannya “Proses Penghasilan Puisi” di dalam sebuah buku yang diselenggara oleh Mawar Safei (2016:207), beliau menceritakan bahawa puisi ini dihasilkan olehnya ketika beliau, Haji Shamsudin Othman dan Haji Nazmi Yaakub pulang setelah menghadiri acara sastera anjuran Persatuan Penulis Johor (PPJ) dan Dewan Bahasa dan Pustaka

(DBP) wilayah selatan. Dalam perjalanan pulang tersebut mereka singah di Kampung Kelantan dan kesan singkah tersebut beliau telah menghasilkan puisi yang diilhamkan dari kisah Megat Seri Rama dan Dang Anum. Rahimidin turut menzahirkan bahawa beliau meletakkan diri beliau sebagai Megat Seri Rama dalam puisi yang dihasilkannya. Seperti yang kita tahu, Megat seorang yang menjaga negerinya. Sehingga suatu ketika dia pergi berjuang dilaut untuk mempertahankan negerinya dari serangan musuh. Manakala, isterinya Dang Anum yang sedang hamil sangat mengidamkan nangka dan telah mengambil seulas nangka yang sedang dibawa pulang ke istana. Perbuatan Dang Anum itu telah mendatangkan murka baginda sultan lalu menjatuhkan hukuman supaya dibelah perut Dang Anum. Idea pengarang yang tercetus daripada kisah ini telah digarap dengan sangat menarik dalam menyatakan perasaan cintanya terhadap isterinya. Hal ini kerana, beliau sendiri mengatakan bahawa beliau meletakkan diri beliau sebagai Megat Seri Rama dalam puisi ini.

Merujuk kepada bait-bait dalam sajak, secara keseluruhannya memperlihatkan bahawa wanita sebagai sumber inspirasi kepada lelaki dalam mendorong mereka untuk bertindak. Keseluruhan sajak tersebut menggambarkan bahawa seorang lelaki yang digambarkan sebagai Megat dalam puisi dan Rahimidin luar puisi sanggup melakukan apa sahaja untuk membela nasib isterinya waima mendurhakai sultan kerana tindakan yang dilakukan sangat tidak wajar dan tiada belas dan kasihan. Perihal ini kuat menjelaskan wanita sebagai sumber semangat dan kekuatan seorang lelaki sehingga berani berhadapan apa jua halangan untuk mempertahankan orang yang mereka cintai sehingga hidup bersama mati pun sanggup bersama. Begitulah, dalamnya perasaan cinta Rahimidin terhadap isterinya yang ingin dizahirkan daripada batinnya membentuk sebuah puisi yang indah yang diilhamkan dari sebuah kisah wanita yang begitu menyayat hati pembaca yang mengamatinya.

Seterusnya, terdapat juga sajak lain yang memperlihatkan kepengarangan Rahimidin melalui tema wanita sebagai sumber inspirasi lelaki iaitu sajak *Pada Goda*.

Sajak ini memperlihatkan bahawa penampilan wanita mempengaruhi tindakan seorang lelaki untuk menarik perhatian wanita. Hal ini boleh disaksikan dalam petikan dibawah:

Pada goda,  
Kernyit mata  
Dan sebaris kata  
Engkau malu  
Tertunduk diam  
Dengan aroma merah  
Naik ke muka.

(Pada Goda, 2013, hlm 48)

Pada baris 1 hingga 3 sajak ini, memperlihatkan gambaran tindakan seorang lelaki dalam usaha memikat seorang perempuan. Dalam gambaran ini wanita dijadikan objek sebagai pembayang maksud dalam memaknakan makna tersirat dan tersurat. Misalnya, melalui sajak ini, pengarang telah meletakkan gambaran tindakan lelaki terhadap wanita. Manakala, baris 4 hingga 7, pengarang meletakkan refleksi sikap wanita terhadap tindakan lelaki yang ditujukan kepada wanita. Gambaran sifat wanita diinspirasikan dalam sajak ini sebagai tarikan kepada lelaki. Misalnya, perkataan “malu” dan perkataan “tertunduk diam”. Kebiasaan sikap wanita jika dipandang atau digoda oleh lelaki reaksi yang diberikan adalah sebegini. Oleh itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa keadaan sekeliling dalam dunia realiti telah menjana idea kepada pengarang dalam menghasilkan puisinya.

Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa kepengarangan Rahimidin Zahari dalam mewujudkan tema wanita sebagai sumber inspirasi lelaki dalam sajaknya ini, adalah berdasarkan peristiwa misalnya sajak *Cintaku Padamu Anum* berdasarkan peristiwa yang diketahui umum tentang Megat Seri Rama dan Dang Anum. Terdapat juga sajak yang berdasarkan pemerhatian pengarang terhadap keadaan sekeliling dalam meneliti gaya lelaki terhadap wanita dan gaya wanita terhadap tindakan lelaki. Perkara-perkara yang bersifat luaran ini boleh dijadikan sebagai aspek dalaman sesebuah puisi sekiranya idea dapat digarap dengan penggunaan bahasa yang baik dan estetik. Seperti yang dikatakan oleh Susanto (2011:187), idea merupakan tunggak kepada kandungan isi yang dibicarakan melalui karya. Kandungan idea ini merupakan sesuatu yang

diketengahkan dalam pembentukan puisi mencakupi banyak perkara seperti alam dan kebendaan, sejarah atau peristiwa, pengalaman peribadi, kajian dan pemerhatian yang dibentuk melalui proses penghasilan yang teratur dan kemas yang akhirnya menghasilkan sebuah karya yang unggul dan sampai kepada jiwa masyarakat secara efektif.

#### **4.3.4 Kesefahaman dalam mencapai kebahagiaan.**

Menurut Kamus Dewan (2015), faham bermaksud pengetahuan dalam fikiran mengenai sesuatu, fikiran atau anggapan yang menjadi pegangan seseorang. Manakala, kesefahaman merupakan pembentukan sifat kerjasama, toleransi atau permuafakatan dalam melakukan sesuatu atau dalam sesuatu keadaan. Seterusnya, perkataan bahagia pula didefinisikan sebagai suasana senang, tenang, aman dan gembira. Oleh itu, pengetahuan dan fikiran seseorang boleh mempengaruhi kehidupannya sama ada dalam konteks yang positif mahupun negatif. Misalnya, jika suami dan isteri, kekasih, keluarga, rakan kerja, mahupun masyarakat saling memahami antara satu sama lain dan saling bertoleransi dalam melakukan sesuatu sudah pasti kebahagiaan dan suasana aman itu akan dicapai dengan baik. Menurut Zaizul dan Jaffary (2004:691), kesefahaman dalam perhubungan adalah sangat diperlukan. Ahli dalam perhubungan perlulah saling memberi maklum balas dari segi buah fikiran dan perasaan yang dirasai sekiranya terdapat masalah serta mempunyai fikiran yang terbuka dan mempunyai komunikasi yang menyeronokkan bagi mencapai kesenangan dalam perhubungan. Dalam hal ini, dapat dilihat bahawa kesefahaman dalam mencapai kebahagian sangat diperlukan dalam perhubungan samaada hubungan secara individu mahupun hubungan dalam konteks sosial dan kemasyarakatan.

Merujuk kepada kajian kepengarangan Rahimdin Zahari melalui tema dalam kumpulan sajak-sajak cintanya, tema kesefahaman dalam mencapai kebahagiaan telah dimuatkan oleh pengarang sebagai suatu aspek meluahkan perasaan dalam perhubungan. Meneliti aspek kepengarangan pengarang juga, dapat ditangkap

beberapa buah puisi yang dihasilkan olehnya mempunyai aspek pengalaman perasaan yang dialami oleh dirinya sendiri mahupun keadaan sekeliling yang mempengaruhi kepengarangannya. Ilham yang diterapkan dalam puisi beliau dapat digambarkan menerusi sajak *Bagaimakah Cinta Bermula dan Bagaimakah Cinta Berakhir?*

Lakaran pemikiran Rahimidin adalah seperti dalam petikan di bawah:

Dengan sepatah kata 'sayang'  
maka cinta pun bermula  
Pernahkah kau bertanya  
Bagaimana cintamu bermula  
Dan telah membawamu jauh  
Terpukau ke belantara asyik  
Ke manakah engkau berjalan  
Mencari jejak cintamu  
Yang hilang di dalam kabut  
Yang hilang di dalam awan  
Mujurlah kau cepat sedar  
Dari kekhilafan lalu mencari tapak  
Dan jejak jalan pulang ke rumah  
Dirimu yang berbuka jendela dan pintu  
Dengan sepatah kata 'benci'  
Maka cinta pun berakhir.

(*Bagaimakah Cinta Bermula dan Bagaimakah Cinta Berakhir*, 2010, hlm 22)

Berdasarkan sajak di atas, pada baris 1 hingga 6, penyair memberi gambaran tentang bagaimana indahnya permulaan bagi sebuah perhubungan yang tercetus oleh perkataan sayang yang melambangkan perasaan pasangan kekasih. Namun, dalam perhubungan sudah semestinya akan melalui pelbagai halangan dan rintangan seperti perbalahan kerana tidak saling memahami (Becvar dalam Satir, 1972). Dalam perhubungan perlulah mempunyai komunikasi yang baik dalam membina kesefahaman antara pasangan. Sekiranya, komunikasi yang baik tidak boleh dicetuskan maka ianya akan membawa kepada pengakhiran sesuatu perhubungan kerana kesefahaman tidak berjaya diwujudkan (Riskin dalam Satir, 1972). Melihat kepada, gambaran penyair dalam sajak pada baris 7 hingga 14, penyair melakarkan sikap masyarakat yang sering terjadi ketika berhadapan dengan masalah iaitu lari daripada masalah. Mengelak daripada masalah adalah bukan jalan penyelesaian yang baik dalam sesebuah perhubungan

(Satir, 1972). Sebaliknya, akan memberi kesan yang lebih buruk seperti mendatangkan perasaan kebencian yang tertimbus oleh ego yang menggunung lantas mengakibatkan pengakhiran sesuatu perhubungan seperti yang dilakarkan pada baris 15 dan 16 dalam sajak.

Selain itu, sajak *Potret Perempuan* juga menampilkan tema kesefahaman dalam mencapai kebahagiaan. Melalui sajak ini, penyair menjadikan keperibadian lelaki sebagai suatu yang sukar untuk difahami oleh wanita begitu juga keperibadian wanita sebagai yang sukar untuk difahami oleh lelaki. Perihal ini boleh dilihat dalam petikan di bawah:

Katanya, berhujah dengan lelaki,  
Sepertilah berdiri di malam gelap,  
Kita tak Nampak jasadnya  
Apalagi hatinya.  
Hanya kata-kata putih lembut seakan menjerat.  
Kataku, sejak Adam dan Hawa tercipta  
Lelaki atau perempuan  
Tak terbias dari kekhilafan.

(Potret Perempuan, 2008, hlm 53)

Petikan di atas, memperlihatkan idea pengarang digarap berdasarkan pemerhatiannya terhadap sikap perempuan dan lelaki sebagai landasan pembinaan idea penulisan sajak. Perkara ini, boleh dilihat pada baris 1 hingga 4 sajak yang memberi gambaran pandangan perempuan terhadap sikap lelaki yang sukar difahami dalam sesuatu hal. Misalnya, dalam menyatakan perasaan cinta terhadap perempuan. Lelaki cenderung menggunakan ‘kata-kata manis’ dalam menarik perhatian perempuan terhadap dirinya. Gambaran lain, misalnya dalam perbalahan, sesentengah lelaki hanya akan menjawab ‘sepatah dua kata’ berbanding perempuan. Namun, kata-kata yang diberikan oleh lelaki itu sesuatu yang menjerat wanita dari terus menyalahkan mungkin dalam konteks membela diri (Zaizul & Jaffary, 2004: 694). Seterusnya, pada baris 6 hingga 8, dapat disaksikan bahawa pengarang merungkai masalah konflik yang berlaku antara lelaki dengan perempuan sebagai sesuatu yang tidak boleh saling menyalahkan atau

bermusuhan. Sebaliknya, menerima dan saling memaafkan dan memahami kerana setiap lelaki dan perempuan dan seluruh umat manusia tidak terlepas dari melakukan kekhilafan.

Dalam gambaran ini, antara lelaki dan perempuan secara dalam perhubungan hendaklah saling memahami dan saling mengungkapkan kata yang baik-baik untuk sentiasa menjaga perasaan orang lain. Seperti yang termaktub dalam al-Quran yang bermaksud “Allah tidak menyukai ucapan yang buruk yang diucapkan dengan terus terang kecuali oleh orang dianaya” (al-Nisa’ 4: 148). Oleh itu, melalui tutur kata yang baiklah akan melahirkan kesefahaman yang baik dalam sebuah perhubungan. Lantaran itu, masalah akan dapat diselesaikan sekaliguskan kebahagiaan juga dapat dicapai.

#### **4.4 PERSEPSI RAHIMIDIN ZAHARI TERHADAP WANITA DALAM KUMPULAN SAJAK-SAJAK CINTA MELALUI PENDEKATAN KRITIK FEMINIS**

##### **4.4.1 Persepsi terhadap wanita melalui aspek biologi**

Aspek biologi di bawah pendekatan kritik feminis sememangnya tumpuan utama dalam kepengarangan penyair lelaki dalam memerihalkan tentang wanita. Yenni Hayati (2012), menyatakan bahawa melalui prinsip biologi adalah perihal wanita dilihat melalui latar belakang mereka, gaya dan cara hidup sejak kecil yang diasuh dengan kelembutan yang mendorong kepada persepsi lelaki yang memandang hal itu sebagai kelemahan dalam diri wanita. Persepsi merupakan gambaran atau tentang sesuatu samada dalam hati, fikiran, pandangan mahupun tanggapan menerusi pancaindera dengan menggunakan imaginasi tentang kehidupan dan alam yang memberikan gaya tersendiri dalam melahirkan sesuatu karya (Kamus Dewan, 2015:1193). Oleh itu, persepsi terhadap wanita melalui aspek biologi adalah tentang gambaran mahupun tanggapan penyair lelaki iaitu Rahimidin Zahari melalui pancaindera dalam membandingkan

keadaan realiti kehidupan seorang wanita dengan tanggapan imaginasi beliau terhadap wanita dalam karyanya.

Persepsi Rahimidin Zahari terhadap wanita dapat dilihat melalui sajak beliau iaitu *Kusembunyikan Engkau Di Dalam Puisi*. Berdasarkan penelitian pengkaji, sajak ini menggambarkan perasaan kasih dan jiwa seseorang lelaki yang begitu taksub dalam menjadikan sifat biologi atau sifat-sifat yang dimiliki oleh wanita sebagai semangat buat beliau dan sebagai sumber inspirasi beliau dalam berkarya. Puisi ini turut, menggambarkan kepentingan seorang wanita atau isteri dalam hidup seseorang lelaki. Kebijaksanaan Rahimidin Zahari dalam mencorak watak dan perwatakan seseorang wanita dengan menerapkan nilai estetika menjadikan puisi tersebut kelihatan romantis dan bermakna. Hal ini dapat dilihat dalam petikan sajak di bawah:

Kusembunyikan engkau di dalam puisi  
Saat tiada kawan tiada sahabat memahami  
Kusembunyikan engkau di dalam puisi  
Setiap jeling setiap tatap setiap pandang  
Setiap manja setiap kernyit setiap gelak  
Setiap tutur setiap cakap setiap seru  
Setiap risik setiap bisik setiap kata  
Setiap tapak setiap jejak setiap langkah  
Setiap bayang setiap sosok setiap jasad  
Kusembunyikan engkau.

Kusembunyikan engkau di dalam puisi  
Hanya kita berdua yang menyanyi.

(*Kusembunyikan Engkau Di Dalam Puisi*, hlm 6)

Sajak *Kusembunyikan Engkau Di Dalam Puisi* ini, menceritakan perihal lelaki atau suami yang menjadikan wanita atau isteri sebagai kekuatannya dalam mengecapi kebahagiaan. Berdasarkan petikan sajak di atas, jelas memperlihatkan bahawa sajak tersebut dihiasi dengan gambaran sifat-sifat wanita yang berlegar dalam persepsi dan tanggapan Rahimidin Zahari. Beberapa sifat kewanitaan jelas digambarkan dalam sajak tersebut seperti perkataan jeling, manja, kernyit, gelak, risik, bisik, dan sosok. Jika dilihat gambaran sifat kewanitaan yang penyair lakarkan dalam puisinya adalah menjurus ke

arah kepentingan seorang wanita terhadap lelaki bagi menzahirkan perasaan cintanya. Penelitian terhadap perkataan manja yang diletakkan dalam sajak mencerminkan sifat wanita yang digambarkan oleh penyair. Berdasarkan pendekatan kritik feminis melalui aspek biologi lelaki dan wanita dibezakan melalui gender yang dikaitkan dengan gaya hidup wanita sejak kecil diasuh dengan kelembutan menjadikan wanita dikenal dengan sifat manja, lemah-lembut, sopan-santun, beremosi dan keibuan. Sementara, lelaki dikenal dengan sifat rasional, kuat dan gagah perkasa (Handayani, 2006:5). Namun, sifat lelaki dan wanita ini boleh sahaja ditukarkan mengikut waktu dan tempat. Misalnya, lelaki juga boleh mempunyai sifat lemah-lembut dan sopan santun terhadap orang tua. Begitu juga wanita, mempunyai sifat kuat dan rasional dalam melakukan kerja serta menyelesaikan masalah.

Rentetan sifat manja yang digambarkan dalam sajak, persepsi penyair terhadap wanita bukanlah bersandarkan sudut yang negatif atau merendahkan martabat wanita sebaliknya penyair menjadikan sifat manja dan sifat-sifat yang lain terdapat pada diri wanita itu, sebagai sumber penguat dirinya dan sumber inspirasinya dalam menghasilkan karya. Menurut Kamus Dewan (2015:996), manja didefinisikan kepada dua sudut pandang iaitu negatif dan positif. Melalui sudut negatif, manja sebagai kelakuan yang kurang elok kerana segala kemahuannya dituruti manakala melalui sudut positif, manja adalah sifat sangat kasih, ramah atau mesra. Dalam konteks sajak ini, sifat-sifat kewanitaan yang diketengahkan oleh penyair memperlihatkan aspek positif dalam penyampaian sajaknya. Oleh itu, dalam konteks persepsi penyair lelaki terhadap wanita melalui prinsip biologi ini, menjelaskan bahawa pandangan penyair lelaki terhadap wanita adalah memandang kepada sifat-sifat semula jadi wanita. Penyair juga tidak menindas atau meletakkan wanita secara negatif dalam sajaknya. Sebaliknya, penyair menampilkan sifat kewanitaan itu sebagai satu kelebihan yang terdapat dalam diri wanita yang mampu memberi kesan positif kepada orang lain.

#### 4.4.2 Persepsi terhadap wanita melalui aspek psikologi

Selain itu, dalam membincangkan persepsi pengarang lelaki terhadap wanita, aspek psikologi di bawah kritik feminis juga dikesan dalam kumpulan sajak-sajak cinta Rahimidin Zahari. Menurut Trianton (2009: 2), kritik sastera feminis terhadap puisi bermaksud menjelaskan pemikiran gender atau feminism melalui penceritaan, simbol, atau metafora yang akhirnya akan mencapai kesimpulan tentang ideologi gender yang diterapkan dalam puisi. Showalter menerangkan aspek psikologi dalam kritik feminis telah menafikan pendapat Freud yang menyatakan bahawa psikologi wanita cenderung kepada aspek seksual dan iri hati. Sebaliknya, Showalter menegaskan bahawa psikologi wanita adalah berhubung dengan pengalaman dan latar belakang wanita itu (Showalter dalam Norhayati, 2012: 149). Yenni Hayati (2012), menyatakan pinsip psikologi ialah pemikiran pengarang lelaki yang mengarang tentang wanita dan pemikiran pengkaji atau pembaca wanita yang melihat kepada kepengarangan penulis lelaki. Dalam hal ini, Suyono Suyatno (2012) mengatakan berlaku perlawanan ideologi gender antara lelaki dan perempuan dengan lebih ketara dalam melihat personaliti wanita. Oleh itu, dalam kritik feminis di bawah aspek psikologi ini, perkara yang akan dilihat adalah persepsi melalui psikologi pengarang lelaki dalam memerihalkan tentang wanita dalam karyanya dan psikologi pengkaji terhadap karya penyair lelaki.

Dalam kajian ini, aspek psikologi melalui persepsi pengarang diperlihatkan apabila pengarang memerihalkan sifat wanita sebagai seorang yang gemar meluahkan rasa ketidakpuasan hatinya untuk memperlihatkan kesalahan lelaki. Pengarang turut menjelaskan bahawa, lelaki dan perempuan masing-masing boleh melakukan kesilapan. Perkara ini, boleh dilihat pada petikan sajak di bawah:

Katanya, berhujah dengan lelaki,  
Sepertilah berdiri di malam gelap,  
Kita tak Nampak jasadnya  
Apalagi hatinya.  
Hanya kata-kata putih lembut seakan menjerat.  
Kataku, sejak Adam dan Hawa tercipta

Lelaki atau perempuan  
Tak terbias dari kekhilafan.

(Potret Perempuan, 2008, hlm 53)

Merujuk kepada sajak *Potret Perempuan* di atas, penyair telah memancarkan psikologinya dalam memerihalkan sifat wanita. Pada baris 1 hingga 6, pengarang mempunyai persepsi bahawa perempuan hanya sering melihat kesalahan yang dilakukan oleh lelaki. Penyair turut menggambarkan sikap perempuan yang mudah terasa dengan kata-kata lelaki. Perkara ini digambarkan melalui perkataan ‘hanya kata-kata putih lembut seakan menjerat’. Kata-kata putih lembut boleh ditafsir sebagai ayat penamat bagi sesuatu perbincangan dalam keadaan yang menyindir atau dalam keadaan yang mengambil hati. Melalui perihal ini, dapat dilihat bahawa pengarang tidak setuju dengan sikap perempuan yang hanya mempersalahkan lelaki sebaliknya pengarang turut beranggapan bahawa, lelaki dan perempuan tidak terlepas daripada melakukan kesalahan.

Menerusi prinsip atau aspek psikologi di bawah kritik feminis, kepengarangan penyair melalui persepsi terhadap wanita tidaklah secara jelas meletakkan kepada kerendahan sifat wanita berbanding lelaki. Namun, penyair melakarkan bahawa wanita sebagai pencetus kepada sesuatu tanggapan yang negatif dalam perhubungan misalnya. Hal ini dilihat, daripada hasil keadaan sekeliling dalam kejadian realiti pengarang yang membawa pengarang kepada penulisan yang sedemikian. Walaubagaimana pun, penyair mengawal semula kepengarangannya tentang perihal wanita itu dengan meletakkan kesamaan antara lelaki dan perempuan masing-masing mempunyai kesalahan. Oleh itu, dalam hal ini, aspek psikologi pengarang dalam kepengarangannya itu jelas mempunyai unsur prinsip psikologi dalam kritik feminis.

#### 4.4.3 Persepsi terhadap wanita melalui aspek pengalaman

Aspek pengalaman di bawah pendekatan kritik feminis ianya merungkai pengalaman kisah hidup antara pembaca wanita dan penulis lelaki yang mana akan melihat wujudnya ‘bias’ berdasarkan pengalaman mereka dalam penulisan dan dalam mengkritik (Yenni Hayati, 2012). Hirschon (1993: 57), menyatakan pengalaman dalam konteks feminism merujuk kepada peranan wanita dan lelaki dalam konteks masyarakat. Misalnya, wanita berperanan sebagai sifat yang domestik iaitu duduk di rumah manakala lelaki berperanan di luar rumah yang menyumbang kepada ekonomi keluarga sebagai ketua keluarga. Berdasarkan teks kajian konteks pendapat Hirschon ini, boleh disesuaikan dengan sajak *Nur Afifah Husna* yang dinukilkhan oleh Rahimidin. Hal ini kerana, Rahimidin telah menggambarkan pengalamannya yang menyaksikan pengalaman isterinya yang sakit untuk melahirkan anak mereka. Secara tidak langsung menggambarkan pengarang sebagai seorang ketua keluarga dan ketua dalam menyumbang kepada ekonomi keluarga.

Dalam sajak tersebut, Rahimidin memerihalkan pengalamannya yang resah dan gelisah ketika mana menantikan kelahiran anaknya. Beliau turut memerihalkan kesakitan seorang isteri dalam berjuang untuk melahirkan anak mereka. Perihal ini menggambarkan aspek pengalaman pengarang dalam menerapkan sifat kewanitaan yang kuat dan tabah dalam memperjuangkan sesuatu. Perihal ini boleh dilihat pada petikan di bawah,

Kau tunggu aidilfitri  
putih selesai di masjid; ketika  
aku resah dari bangku  
ke bangku membawa  
gundah semalam  
gundah aku berguling  
pada kesakitan ibumu  
dengan seribu kerut  
dengan peluh membasah  
dengan darah memerah  
aku duduk menantimu  
dengan capal dan pelekat

yang kuikat kemas  
antara bangku ke bangku  
detik jam yang lambat  
aidilfitri yang putih  
diredupkan cuaca mendung  
menutup resah gundaku  
Nur Afifah Husna  
Ketika kau memberikan  
Isyarat untuk bersapa  
Aku berangkat ke surau  
Menyempurnakan  
Zohor dan syukurku.

(*Nur Afifah Husna*, 2008, hlm 52)

Nur Afifah Husna dalam sajak di atas, merupakan anak bongsu Rahimidin Zahari dalam dunia realiti. Oleh itu, hal ini jelas menggambarkan pengalaman Rahimidin yang menantikan kelahiran anak beliau melalui perjuangan isteri dalam melahirkan anak tersebut. Dalam keseluruhan sajak ini, pengarang meletakkan wanita dan pengalaman wanita itu melalui pengalaman melahirkan anak. Kesakitan wanita disaksikan oleh Rahimidin pengalaman yang dilaluinya di dunia realiti. Rahimidin turut menutup sajak tersebut dengan perasaan gembira dan syukur kerana anaknya selamat dilahirkan dan isterinya juga selamat melahirkan. Berdasarkan kepada prinsip pengalaman di bawah kritik feminis, tidak kelihatan bahawa pengarang ingin meletakkan wanita dan pengalaman wanita itu dengan merendah mereka kerana dapat disaksikan bahawa pengarang menyentuh tentang pengorbanan wanita dan kekuatan wanita dalam melahirkan anak. Namun, boleh dikatakan bahawa pengarang menggambarkan wanita adalah di bawah tanggungjawab lelaki yang digambarkan melalui hubungan suami isteri.

Sesungguhnya, dalam konteks penglihatan pengkaji terhadap kepenggarangan penyair dalam menukilkan perihal kewanitaan melalui persepsinya melalui aspek pengalaman ini, pengkaji melihat bahawa pengarang lelaki ini menampilkan konsep kekeluargaan yang terdapat ketua keluarga iaitu suami, dan tanggungannya iaitu isteri dan anaknya. Dalam konteks ini, boleh dikatakan patriarki namun, ianya tidaklah secara

langsung dan jelas menyatakan perkara itu sebaliknya lebih kepada menggambarkan kekuatan wanita melalui pengorbanan wanita tersebut.

#### **4.4.4 Persepsi terhadap wanita melalui aspek sosial**

Akhirnya, adalah prinsip sosial. Dalam prinsip ini, aspek yang dilihat adalah hubungan sekeliling dan keadaan sosial masyarakat secara keseluruhannya. Hal ini bermaksud pandangan lelaki terhadap wanita adalah berdasarkan perihal bagaimana masyarakat memandang kedudukan wanita (Yenni Hayati, 2012). Seterusnya, menurut Satoto (1994: 45), aspek sosial di bawah kritik feminis adalah meliputi gambaran perihal wanita melalui pekerjaan, peranan dalam masyarakat, tahap pendidikan, agama, kepercayaan, pemikiran, budaya mahupun kehidupan peribadi. Dalam hal ini juga, persepsi terhadap wanita tidak akan terlepas melalui kedudukan wanita dalam masyarakat misalnya wanita sebagai ibu, isteri, anak, remaja, pekerja dan sebagainya. Dalam hal ini, kedudukan wanita melalui perspektif feminis adalah dengan meletakkan kedudukan wanita dalam masyarakat (Djajanegara, 2000: 51-53).

Merujuk kepada penelitian kajian dalam sajak Rahimdin, Rahimdin dalam kepengarangannya sememangnya melakarkan aspek sosial wanita. Hal ini digambarkan pada petikan di bawah:

Kubaca aksara yang tertulis di sayap rama-rama;  
Segala kisahnya yang jauh dari kepompong,  
Pucuk pohon, debu-debu dirinya yang memutih  
Membiaik kepak lalu menumbuhkan sayap,  
Rama-rama dan madu bunga diejek helang sewah  
Dan burung apa sahaja yang menantinya  
Dengan paruh maut sehingga muncullah anak  
Yang nakalnya luar biasa itu, diperangkapnya  
Ke dalam jaring dan ditusuknya peniti.

(Rama-rama Dan Madu Bunga, 2007, hlm 9)

Berdasarkan sajak ini, pengarang memperlihatkan kehidupan wanita dari segi kehidupan peribadinya dalam konteks tanggapan masyarakat terhadap wanita. Misalnya, dalam sajak pada baris 1 hingga 4, penyair melakarkan kisah wanita yang digambarkan sebagai 'rama-rama' yang memasuki alam kehidupan baru yang jauh dari

tempat asalnya digambarkan sebagai ‘kepompong’ yang jauh dari keluarganya. Kehidupan baru yang dilalui oleh wanita apabila jauh dari keluarganya seringkali menjadi tumpuan masyarakat. Misalnya, pada baris 5 hingga 7, penyair menggambarkan wanita tidak terlepas daripada tanggapan buruk dan bahan cerita masyarakat. Penyair turut menggambarkan rama-rama dan madu bunga sebagai wanita dan kecantikannya atau sesuatu yang indah pada diri wanita tersebut akan tetapi dipandang enteng oleh masyarakat. Wanita tanpa jagaan keluarga sering dianggap lemah. Oleh itu, pengarang menggambarkan perkara ini dalam konteks persepsinya. Pengarang turut meletakkan tanggapan dan pemikiran bahawa sekiranya wanita itu dapat membuktikan sesuatu kepada masyarakat maka masyarakat akan diam dalam menghina dan menjatuhkannya. Hal ini digambarkan pada baris 7 hingga 9.

Menerusi aspek sosial di bawah kritik feminis, pengarang sememangnya mempunyai persepsi mahupun tanggapan tentang wanita yang meletakkan wanita ini dalam konteks yang dianggap rendah oleh masyarakat. Namun, penyair juga menggambarkan bahawa wanita boleh membuktikan sesuatu dalam dirinya melalui sehingga masyarakat akan melihat hasil itu dan akhirnya mendiamkan diri daripada mengata dan sebagainya. Oleh itu, dalam konteks ini, pengkaji melihat bahawa penyair menilai wanita ini melalui persepsinya adalah dengan menilai terlebih dahulu terhadap isu sosial dan masalah dalam masyarakat dalam dunia sebenar. Maka, dari itu, pengarang turut terdorong dalam meletakkan wanita secara pro dan kontra dalam puisinya. Dalam hal ini sememanya aspek sosial menjadi tunggak kepada penggarang dalam melahirkan anggapan terhadap wanita dalam penulisan puisnya.

#### 4.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pada bab ini, dapat disaksikan bahawa kajian kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita sememangnya boleh dianalisis menggunakan teori kritik feminis melalui empat aspek atau prinsip di bawahnya iaitu aspek biologi, aspek psikologi, aspek pengalaman dan aspek sosial. Berdasarkan kepada aspek-aspek pendekatan kritik feminis yang digunakan, didapati bahawa penyair tidaklah melakarkan sifat wanita itu hanya pada sudut pandangnya yang negatif sahaja, akan tetapi penyair turut melihat dari aspek persepsi yang positif juga. Hal ini boleh diklasifikasikan sebagai pro dan kontra dalam mengutarakan perihal wanita dalam sajaknya. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa sememangnya apabila lelaki membicarakan tentang wanita pasti akan terselit sudut pandang yang meletakkan wanita itu di bawah keberadaan lelaki atau disebut sebagai patriarki. Dalam konteks, kajian ini perihal itu wujud dengan tidak terlalu ketara sehingga menimbulkan aspek kebencian wanita sebagai pembaca kepada teks tersebut. Sebaliknya, kumpulan sajak *Kulukiskan Engkau Biru Dan Engkau Bertanya Mengapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?* membawa sudut pandang lelaki yang agak berbeza terhadap wanita.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan mengenai kajian pengkaji iaitu *Kepengarangan Rahimidin Zahari Terhadap Wanita Dalam Kumpulan Sajak-sajak Cinta: Satu Penelitian Kritik Feminis*. Pada bab ini juga, pengkaji akan memperincikan rumusan setiap aspek yang dikemukakan oleh pengkaji melalui kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita melalui dua aspek iaitu kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita melalui tema dan kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita melalui persepsi yang dianalisis menggunakan empat aspek di bawah pendekatan kritik feminis iaitu aspek biologi, aspek psikologi, aspek pengalaman dan aspek sosial. Kritikan dalam kajian ini bukanlah untuk menjatuhkan kredibiliti penulisan pengkarya lelaki mahupun penulisan pengkarya wanita. Namun, lebih terarah sebagai penambahbaikan yang boleh diterapkan dalam penulisan pengkarya khususnya pengkarya lelaki dalam membicarakan perihal wanita. Justeru itu,

dalam bahagian ini, pengkaji turut memaparkan beberapa cadangan atau penambahbaikan sebagai rujukan kajian yang akan datang.

## 5.2 PERBINCANGAN

Berdasarkan perbicangan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kepengarangan Rahimdin Zahari dalam sajak-sajak cintanya sememangnya menyentuh perihal kewanitaan. Perihal kewanitaan inilah yang telah dibangkitkan dalam kajian bagi melihat tema dan persepsi pengarang dalam kumpulan sajak-sajak cinta Rahimdin Zahari yang berjudul *Kulukiskan Engkau Biru Dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaanku?*, Dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan pendekatan kritik feminis yang diasaskan oleh Elaine Showalter (1986) bagi menganalisis dan meneliti persepsi pengarang lelaki terhadap wanita dalam karyanya. Secara keseluruhannya, empat aspek atau prinsip di bawah kritik feminis iaitu aspek biologi, aspek psikologi, aspek pengalaman dan aspek sosial sememangnya merangkumi dan membayangi persepsi pengarang dalam memerihalkan tentang wanita dalam sajak-sajak cintanya.

Selain itu, kajian ini turut menyaksikan bahawa pengarang meluahkan perasaan cintanya terhadap wanita dengan melambangkan dan memikirkan perihal wanita melalui empat aspek dibawah kritik feminis tersebut. Penelitian terhadap ketokohan pengarang membuktikan bahawa pengarang sememangnya terkenal dengan karya-karya beliau yang berkonsepkan ketuhanan dan keagamaan sebelum melakarkan tentang cinta terhadap wanita dalam kumpulan sajak-sajak cintanya. Oleh itu, kajian ini turut mengesan kebolehan dan keunggulan pengarang dalam menghasilkan puisi-puisi cinta terhadap wanita adalah sangat memberangsangkan yang mampu memberi tampanan hebat kepada jiwa setiap pembacanya khususnya pembaca wanita. Keindahan bahasa dan pemilihan dixi dalam mengambarkan perasaanya terhadap wanita itu mendorong

jiwa pembaca untuk turut merasai perasaan dan makna yang ingin disampaikan. Kehebatan pengarang dalam penulisan puisi sememangnya tidak dapat disangkalkan dengan pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang telah dinobatkan kepada beliau sebelum ini sehingga pemergiaanya membuka rasa sedih dalam jiwa-jiwa pengarya sastera yang sebidang dengannya dan para pengemar karyanya.

Sehubungan itu, kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita dalam sajak-sajak cintanya melalui tema dikesan dalam kumpulan sajak-sajak cintanya seperti tema keagungan cinta lelaki terhadap wanita, tema pengorbanan dalam berumah tangga, tema wanita sebagai sumber inspirasi lelaki dan tema kesefahaman dalam mencapai kebahagiaan. Semua tema ini telah dibincangkan oleh pengkaji dalam kajian ini bagi melihat gaya kepengarangan pengarang dalam membicarakan perihal wanita. Pengarang membicarakan tentang wanita dari aspek yang pelbagai misalnya, wanita sebagai isteri, wanita sebagai anak, wanita sebagai inspirasi dan lain-lain. Pengarang melalui persepsinya terhadap wanita juga telah melakarkan wanita secara pro dan kontra dalam kumpulan puisinya. Namun, secara keseluruhan didapati bahawa pengarang meletakkan kesamaan antara lelaki dan wanita yang masing-masing mempunyai peranan serta pro dan kontra masing-masing. Oleh itu, perbincangan kajian ini, merumuskan kepengarangan Rahimidin Zahari terhadap wanita yang dilihat melalui aspek tema dan persepsi ini, sememangnya bersesuaian dengan penelitian pendekatan kritik feminis.

Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan kritik feminis ini, kajian ini mendapati bahawa pengarang lelaki ini, menjelaskan situasi secara natural dalam menyatakan sifat dan perihal wanita dengan meletakkan keseimbangan antara lelaki dan wanita dalam kumpulan puisi cintanya. Namun, tidak dinafikan juga terdapat unsur patriarki dalam penulisannya yang meletakkan wanita dibawah tanggungan lelaki bersesuaian dengan pendapat Showalter (1986), yang mengatakan bahawa dalam penulisan lelaki pasti akan meletakkan lelaki mendahului wanita. Kajian ini, menyaksikan bahawa pengarang

sebagai lelaki sememangnya meletakkan dirinya sebagai ketua keluarga dan menyingkap persepsiannya tentang wanita sebagai penguatnya sebagai ketua keluarga, wanita sebagai inspirasi buatnya dan tulang belakangnya. Di sini, dapat dibuktikan bahawa patriarki itu tetap ada. Namun, matriarki juga ada. Dalam situasi ini, berdasarkan analisis terhadap pendekatan kritik feminis, sememangnya bersesuaian dalam melihat penulisan lelaki dalam membicarakan perihal wanita dalam karya mereka.

### 5.3 CADANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan memaparkan beberapa cadangan untuk dijadikan sebagai rujukan kepada kajian pada masa akan datang. Berdasarkan hasil analisis kajian yang telah dijalankan terdapat beberapa cadangan yang akan dikemukakan kepada beberapa pihak supaya memperbanyakkan lagi kajian penyelidikan berkaitan karya-karya sastera agar dapat memberi kepentingan dan boleh dijadikan rujukan kepada semua pihak.

Sehubungan dengan itu, cadangan pengkaji yang pertama adalah menjurus kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Umum mengetahui bahawa DBP sememangnya telah menerbitkan banyak karya penulisan pengkarya yang hebat dalam industri penulisan ini. Namun, dalam konteks tersebut, pengkaji melihat bahawa DBP perlu memperkayakan lagi karya berkaitan puisi moden supaya memberi lebih pendedahan kepada masyarakat dan juga peluang kepada pengkarya muda yang berpotensi pada masa akan datang untuk lebih berani dalam mengutarakan idea melalui penulisan puisi mereka. Hal ini kerana, pengkaji turut menyaksikan usaha DBP dalam menganjurkan pelbagai program dan pertandingan berkaitan penulisan khususnya penulisan puisi. Perkara ini, menurut pengkaji juga harus turut dipergiatkan dan diteruskan oleh DBP agar banyak lagi sajak-sajak yang berkualiti daripada penyair-penyair yang berpotensi dapat menyerlahkan bakat mereka melalui laluan peluang

yang disajikan oleh DBP kepada mereka. Perkara ini, penting untuk dilanjutkan agar dapat membuka minda dan mata masyarakat terhadap kepentingan sastera dan bahasa. Di samping itu, kebolehan mengarang puisi mereka juga boleh diperbaiki daripada pertandingan dan program yang dianjurkan oleh DBP. Justeru itu, pengkaji menegaskan bahawa kepengarangan seseorang dalam penghasilan sajak turut dapat diperbaiki oleh mereka dan dihayati oleh diri pengarang sekiranya kesempatan ini berterusan. Hal ini secara tidak langsung akan membuka peluang kepada para pengkaji untuk menjalankan kajian yang lebih pelbagai dalam konteks puisi. Lantaran itu, kajian berkaitan kepengarangan juga akan turut boleh dipelbagaikan oleh para pengkaji dalam menjadikan puisi dan kepengarangan itu sebagai subjek utama dalam kajian mereka pada masa akan datang.

Seterusnya, cadangan pengkaji adalah terhadap penyair dan para pengkaji serta pengkritik. Bagi para penyair khususnya penyair baru dalam penulisan puisi moden, pengkaji mencadangkan bahawa para penyair perlu mempelbagaikan gaya kepengarangan mereka dengan menitikberatkan tentang kajian yang boleh dilakukan oleh para pengkaji berdasarkan penulisan mereka. Hal ini kerana, menurut pengkaji sekiranya sesuatu kepengarangan itu meneliti aspek kepentingannya untuk dijadikan bahan kajian, nescaya sebuah karya itu akan dibuktikan kehebatan dan keunggulannya melalui kajian-kajian yang dilakukan oleh para pengkaji. Hal ini kerana, dalam kajian, pengkaji menyaksikan sendiri kepengarangan penyair dalam meletakkan sesuatu nilai pandang terhadap kajiannya yang mampu menarik pengkaji sebagai pembaca untuk berusaha merungkai aspek kajian melalui analisis dan pendekatan teori yang digunakan. Hal ini mendorong perasaan ingin tahu dan memberi ilmu pengetahuan kepada pengkaji dalam meningkatkan lagi daya keintelektualan pengkaji yang juga merupakan seorang mahasiswa.

Di samping itu, kepada para pengkaji mahupun para pengkritik perlulah memperluaskan lagi aspek kajian kepengarangan ini, dengan merungkai kandungan

sesuatu karya puisi itu dengan penelitian dan sudut pandang yang berlainan. Hal ini kerana, bagi meningkatkan mutu kajian dan meningkatkan bahan rujukan kepada para pengkaji yang seterusnya dan membuka mata dan minda masyarakat dalam menilai kajian yang dilakukan. Misalnya, para pengkaji boleh meneliti penulisan karya lelaki yang terlihat mendokong gerakan feminism. Hal ini kerana menurut Norhayati Ab. Rahman (2012), kewujudan pengarang lelaki sebagai feminism sudah mula menampakkan kewujudan mereka. Perkara ini, boleh diteliti dan dirungkaikan corak kepenggarangannya melalui persepsi dan pengalaman mereka dalam feminism misalnya. Para pengkaji juga perlu lebih membuka minda dengan lebih luas dalam meneliti aspek kajian agar kajian yang dilakukan akan memberi manfaat dan kepentingan kepada pelbagai pihak.

Akhirnya, cadangan kepada institusi pendidikan. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa institusi pendidikan merupakan medium penyebaran ilmu pengetahuan yang diketahui umum. Oleh itu, institusi pendidikan perlulah menjalankan peranan dengan lebih memberangsangkan dalam usaha memartabatkan bahasa dan kesusasteraan. Melalui pemerhatian pengkaji, rata-rata institusi pendidikan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan mempunyai subjek kesusasteraan dalam subjek yang diletakkan. Namun, sering kali subjek ini dikhususkan kepada para pelajar yang mempunyai gred rendah dalam pelajaran. Isolasi dapat dilihat melalui hal ini. Hal ini menurut pengkaji akan memberikan tanggapan buruk terhadap sastera oleh pelajar yang mempunyai gred tinggi dan pelajar yang berada dalam pengasingan ini juga akan turut beranggapan bahawa subjek sastera ini hanyalah dipandang sebagai tiada masa depan. Perkara ini, menurut pengkaji tidak sewajarnya dibiarkan.

Sehubungan itu, cadangan pengkaji kepentingan ini perlulah diteliti dengan baik oleh pihak institusi. Subjek kesusasteraan ini perlulah diselaraskan dan perlu dipertimbangkan keberadaannya sebagai subjek asas yang wajib diduduki oleh setiap pelajar. Pihak institusi pendidikan juga perlu menyedarkan para pelajar agar tidak memandang rendah terhadap sastera. Selain itu, cadangan pengkaji teori-teori dalam

pengkajian perlulah diperkenalkan diperingkat sekolah lagi. Hal ini kerana, dengan pendedahan awal tentang teori ini kepada para pelajar ianya akan memberi kemudahan dan persediaan kepada mereka untuk melatih diri menjadi pengkaji dan pengkritik terhadap sesuatu kajian. Pendedahan awal ini akan turut menyedarkan para pelajar tentang kepentingan sesuatu karya penulisan dan akan turut membuka ruang kepada mereka mengenali tokoh-tokoh dalam bidang penulisan. Hal ini akan menarik mereka untuk membaca dan mengenali kepengarangan tokoh dalam karya-karya yang berkualiti dan bermutu bukan hanya memandang kepada penulisan yang picisan sahaja. Di samping itu, pengkaji juga mencadangkan agar institusi pendidikan menawarkan lebih banyak bidang kesusastraan di peringkat Universiti supaya bidang ini akan terus diangkat dan dimartabatkan oleh generasi kini dan akan datang.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kepengarangan Rahimdin Zahari dalam kumpulan sajak-sajak cintanya, sememangnya menyentuh perihal wanita. Penyair membuktikan rasa cintanya terhadap wanita melalui nukilan puisi-puisinya dengan bait-bait bahasa dan kata yang begitu estetik. Melalui kajian ini, kehebatan Rahimdin Zahari dalam penulisan puisi cinta terserlah apabila beliau meletakkan pengalaman beliau sebagai keutamaan dalam karyanya. Tema yang menyentuh perihal kewanitaan turut disajikan dengan gaya kepengarangan yang begitu efektif kepada jiwa pembaca. Unsur deduktif juga turut dipaparkan dalam puisinya apabila beliau menukilkan peranan suami dan isteri dalam puisinya. Persepsi beliau terhadap wanita juga turut dicungkil dengan penerapan teori feminism di bawah pendekatan kritik feminis. Penganalisisan terhadap kepengarangan Rahimdin Zahari dengan pengaplikasian pendekatan kritik feminis menunjukkan bahawa penyair lelaki ini, meletakkan wanita sekaligus lelaki secara pro dan kontra. Penyair turut menegaskan keseimbangan antara lelaki dan wanita. Karya-karya beliau

juga memaparkan keempat-empat aspek dibawah pendekatan kritik feminis yang membuktikan karyanya berunsurkan feminism iaitu memerihalkan tentang kedudukan wanita dan perlambangan wanita. Namun ianya dibuktikan secara keseimbangan dalam meletakkan peranan lelaki dan wanita secara pro dan kontra.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran kepada pengkaji lain dalam melihat pendekatan kritik feminis sebagai teori yang menarik diaplikasikan dalam kajian dan dapat diteruskan kajian mereka dengan penggunaan teori ini dengan melihat dari sudut yang berbeza pula. Penemuan kajian ini telah menjawab segala objektif kajian dan persoalan yang dikaji di dalam kumpulan sajak cinta Rahimidin Zahari. Penelitian ini telah membincangkan tentang tanggapan awal kajian melalui analisis data dan panduan kajian lepas sebagai panduan dan rujukan dalam menganalisis data dengan lebih sempurna dan efektif. Tuntasnya, melalui perbincangan yang dilaksanakan serta saranan dan cadangan yang dikemukakan, diharap dapat memberi impak permulaan kepada pengkaji lain dalam melakukan kajian yang lebih mendalam berkaitan puisi moden, kepenggarangan, mahupun pendekatan kritik feminis.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- A. A. Sohaimi. (2014). *Teori dan Kritikan Sastera Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Hlm 251-280.
- Ab Bakar, R. O. S. L. I. N. A. (2017). Komunikasi Tradisi dalam Kepengarangan Hikayat Pelanduk Jenaka. Kemanusiaan: *The Asian Journal of Humanities*, 24(1).
- Adji, S. E., & Adji, S. E. P. (2003). Karya Religius Danarto: Kajian Kritik Sastra Feminis. *Humaniora*, 15(1), 23-38.
- Afandi, E. Gaya Kepengarangan Andrea Hirata Dalam Novel Sang Pemimpi.
- Ahmad, A. (1994). *Pengantar pengajaran kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Akhesah, R., Saludin, M. R., & Din, G. (2017). Unsur estetik dalam sajak karya Rahman Shaari. *Jurnal Peradaban Melayu*, 12, 18-27.
- Cahyani, D. D. (2016). Kolonialisme Industri Pariwisata Di Bali Dalam Puisi Sajak Pulau Bali Karya WS Renrda (Kajian Poskolonial). *Jurnal Ilmiah Lingua Idea*, 6(1), 1-11.
- Chandra Wicaksana, Ravi, & Agus Basuki Oemar, Eko. (2019). Gestur Tubuh Wanita Sebagai Inspirasi Gaya Seni Lukis. *Jurnal Seni Rupa*, 7(1).
- Cohen, Ronald L. "Distributive justice: Theory and research." *Social justice research* 1.1 (1987): 19-40.
- Dahlan, A. (2018). Kritikan Sosial Dalam Sajak Alang-alang Karya Abdul Wachid BS (Kajian Hermeneutika Paul Ricoeur) (*Doctoral dissertation, IAIN Purwokerto*).
- Darmayanti, I. A. M. (2014). Seksualitas Perempuan Bali Dalam Hegemoni Kasta: Kajian Kritik Sastra Feminis Pada Dua Novel Karangan Oka Rusmini. *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 3(2).
- DeVito. 2014. J. A. *Human Communication: The Basic Course*. New York: Pearson.
- Din, G. (2016). Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berdasarkan model proses kreatif teksnaluri (*Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris*).
- Ding, C. M. (2009). Beberapa sifat, asal usul dan kepengarangan peribahasa Melayu/Ding Choo Ming. SARI: *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27(2), 3-26.
- Dinsman dll. 2010. Kumpulan Esei Budayawan Bertindak. Paksi Seniman Paksi Rakyat. Kuala Lumpur.
- Djajanegara, S. (2000). Kritik sastra feminis: sebuah pengantar. Gramedia Pustaka Utama.
- Hanafiah, A. R. (2008). Kepengarangan Masuri SN.
- Hanik, U., & Amrulloh, M. A. (2019). Analisis Sintaksis Kāna wa-Akhwātūhā dalam Kitab al-‘Arabīyah li-al-Nāshi’īn. Al-Ma ‘rifah: *Jurnal Budaya, Bahasa, dan Sastra Arab*, 16(02), 16-30.

- Hasan, F., Ali, T. I. M. M., & Mamat, M. (2018). Individualisme Faisal Tehrani Dalam Kepengarangan Berdasarkan Novel-novel Terpilih. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 31-6
- Hashim Awang. (2003). Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan Kesusastraan Melayu Brunei. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Hayati, Y. (2012). Dunia perempuan dalam karya sastra perempuan Indonesia (Kajian Feminisme). *Humanus*, 11(1), 85-93.
- Imawati, A. V., Citra, A., & Shihab, M. (2019). Penghargaan dan Pengorbanan Dalam Hubungan Asmara Pada Fase Tumbuh Dewasa. Expose: *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 2(1), 12-26.
- Kamus Dewan*. (2010). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 677.
- Kamus Dewan*. (2015). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 1396.
- Khudlori, A. (2018). Telaan Feminisme Dalam Puisi Impressions From An Office Karya N. Josefowitz. *Jurnal Culture*, 5(1).
- Kurnia, I., Priyadi, A. T., & Wartiningsih, A. (2013). Kajian Feminisme dalam Novel Secuil Hati Wanita di Teluk Eden Karya Vanny Chrissa W. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 2(7).
- Kurniawan, A. A. (2019, November). Kritik sosial dalam puisi "Aminah" Karya WS Rendra. In *Prosiding Seminar Nasional Bahasa dan Sastra Indonesia (SENASBASA)* (Vol. 3, No. 2).
- Latuny, M. (2012). Peran ganda perempuan dalam keluarga. *Sasi*, 18(1), 13-20.
- Lusi, A. (2018). Kepengarangan Azwar Sutan Malaka: Tinjauan Sosiologi Sastra (*Doctoral dissertation, Universitas Andalas*).
- Mahamad, M. R., Din, G., & Jehwae, P. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 68-87.
- Mana Sikana. (2013). Wacana sastera Melayu semasa. Selangor: Pustaka karya.
- Mawar Safei. 2016. *Kreativiti 3 Genre Kepengarangan 12 Penulis*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia. Kuala Lumpur.
- Mohamed, Othman A., Michael Bustin, and Hugh J. Clarke. "High-mobility group proteins 14 and 17 maintain the timing of early embryonic development in the mouse." *Developmental biology* 229.1 (2001): 237-249.
- Mulyaningsih, I. (2015). Kajian Feminis Pada Novel "Ronggeng Dukuh Paruk" Dan "Perempuan Berkalung Surban". *Indonesian Language Education and Literature*, 1(1), 107-119.
- Norhayati. Ab. Rahman. 2012. *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia Satu Bacaan Ginokritik*. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Pradopo, R. D., Santoso, I., & Prakoso, T. (2014). Puisi (Vol. 1, No. 808.8, pp. 1-45). Universitas Terbuka.

- Purnomo, A. (2018). Nilai Akhlak Dalam Kumpulan Sajak Nun Karya Abdul Wachid BS Dan Kelayakkannya Sebagai Bahan Ajar Mata Pelajaran Akidah Akhlak Di Madrasah Aliyah (Kajian Hermeneutika) Adi Purnomo 1323301192 (*Doctoral dissertation, IAIN*).
- Purnomowati, S., & Yuliastuti, R. (2012). Pola kepengarangan dalam majalah BACA tahun 1974-1999. BACA: *Jurnal Dokumentasi dan Informasi*, 25(1-2), 20-30.
- PUTRI, V. S. Gaya Kepengarangan Dewi Lestari Dalam Novel Supernova: Kesatria, Putri, Dan Bintang Jatuh.
- R. Anwar. (2013). *Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Hlm 219-237.
- Rahman, Z. B. A., & Awang, J. (2004). Peningkatan Komunikasi Sebagai Penyelesaian Masalah Dalam Kaunseling Perkahwinan dan Keluarga. Islam: Past, Present AND Future, 669.
- Ratih, R. (2012). Sajak "Tembang Rohani" Karya Zawawi Imron Kajian Semiotik Riffaterre.
- Robbins, R. J. (1994). An Assessment of Perceptions of Parental Autonomy Support and Control: Child and Parent Correlates. Unpublished *Doctoral Dissertation, Department of Psychology*, University of Rochester, 1994.
- Rofiah, N. (2017). Kekerasan dalam rumah tangga dalam perspektif Islam. Wawasan: *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya*, 2(1), 31-44.
- Roslan, A. W., & Siti Khariah, M. Z. (2007). Analisis Kepengarangan Jm Aziz Dan Nilai-nilai Kemanusiaan Dalam Sajak-sajak Jm Aziz Berdasarkan Pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4l (Luhur, Lahir, Logik, Dan Lateral) (*Doctoral dissertation, upsi*).
- Roslan, N. S., & Radzi, S. B. M. (2017). "Wanita Tiga Serangkai" Dalam Syair Sultan Abdul Muluk Melalui Kritik Feminis Showalter. *Jurnal Melayu*, 16(2).
- Ruslina, L. Komunikasi Ilmiah Ditinjau Dari Aspek Kolaborasi Kepengarangan Di *Jurnal Sosiohumaniora. Edulib*, 8(2), 240-254.
- S.Djajanegara. 2000. Kritik Sastra Feminis: Sebuah Pengantar. PT Gramedia Pustaka Utama. Jakarta.
- Satir, V. 1972. *People Making*. Palo Alto, CA: Science & Behavior Books.
- Showalter, E. (1981). Feminist criticism in the wilderness. *Critical inquiry*, 8(2), 179-205.
- Sihes, A. J., & Razab, W. N. W. (2009). Teori Pembelajaran.
- Sikana, M. (2011). Dinamika Dramatik: Tuntutan Teoretis dan Perlanggaran Tekstual. *Jurnal Melayu*, 6.
- Solovyov, V., & Barfield, O. (1985). The meaning of love. SteinerBooks.
- Stanovich, Keith E. "Speculations on the causes and consequences of individual differences in early reading acquisition." (1992).
- Susanto, Mikke. 2011. Diksi Rupa: Kumpulan Istilah & Gerakan Seni Rupa. Yogyakarta: Dicti Art Lab.

- Suyatno, S. (2012). Corak Feminisme Dua Sajak Penyair Laki-Laki. *ATAVISME*, 15(2), 177-186.
- T. Teresa Anna. (2000). *The Poetry of Life in Literature*. Kluwer Academic Publisher. Netherland. Hlm. 76.
- Trianton, T. (2009). Feminisme dalam puisi Abdul Wachid BS. Yinyang: *Jurnal Studi Islam Gender dan Anak*, 4(2), 308-319.
- UMMA, A., & Mazhubalan, P. Budaya Masyarakat Tamil Dalam Sajak Bharatiyar.
- Wahyuni, F., Martono, M., & Wartiningsih, A. (2012). Kajian Feminis Terhadap Novel Kembang Turi Karya Budi Sardjono. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 3(2).
- Walgito, Bimo. (2010). *Pengantar Psikologi Umum*. Yogyakarta: C.V Andi Offset.
- Z. Rahimidin. (2016). *Kulukiskan Engkau Biru dan Engkau Bertanya Kenapa Tidak Merah Jambu Seperti Warna Kesukaan?* Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad (ITBM). Kuala Lumpur.
- Zahari, N. I. M., & Abdullah, N. A. V. (2018). Prinsip Transformasi Drama Dekon Keranamu Azizah Dalam Kepengarangan Marzuki Ali. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-17.
- Zakaria, N. (2012). Kepengarangan Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis. Pendeta: *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 3, 116-138.
- Zubir, S. K. M. (2012). Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu. Pendeta: *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 3, 139-154.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN